

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong – <i>Dato' Ir. Mohd. Zin bin Muhamed [Shah Alam]</i>	(Halaman 16)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 34)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato’ Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato’ Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato’ Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beruas)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato’ Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato’ Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato’ Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S. (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato’ Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato’ Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

Yang Berhormat	Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
“	Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)
“	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, SIMP., PGBK., DPMS., JSM., JBS., KMN., PPB. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, DGP.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N.(Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
“	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
“	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
“	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
“	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, DSPN., P.I.S. (Johor Bahru)
“	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
“	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
“	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
“	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Dr. Ng Yen Yen (Raub)
“	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
“	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
“	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
“	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
”	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
”	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
“	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
”	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
“	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
“	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N.(Sungai Benut)
“	Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
“	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
“	Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
“	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
“	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
“	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
“	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
“	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
“	Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
“	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
“	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
“	Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
“	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
“	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
“	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
“	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
“	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
“	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
“	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)

Yang Berhormat	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
"	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)

Yang Berhormat	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
"	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
"	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
"	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
"	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
"	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
"	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
"	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
"	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
"	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
"	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
"	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
"	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
"	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
"	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
"	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
"	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
"	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
"	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
"	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
"	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
"	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
"	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
"	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
"	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
"	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
"	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
"	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
"	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
"	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
"	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)

Yang Berhormat	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
"	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
"	Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
"	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
"	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
"	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
"	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
"	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
"	Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)
"	Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	Datin Paduka Seri Hajah Zaleha binti Ismail, S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.

- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN****Setiausaha Dewan Rakyat**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Hajah Supiah binti Dewak
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Syed Azuddin bin Syed Othman
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Habibunisah binti Mohd. Azir
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof
Mohamed Shahrizan bin Sarif

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Ropiah binti Tambi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Rabu, 19 Mac 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz [Hulu Langat]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, apakah jenis sukan yang diberi perhatian utama oleh kementerian yang boleh meraih kejuaraan dalam kejohanan-kejohanan sukan antarabangsa masa depan.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Yang Ketiga iaitu RRJP3 yang meliputi Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan, telah menegaskan bahawa tindakan-tindakan hendaklah diberi kepada usaha-usaha untuk melahirkan ahli-ahli sukan negara yang bertaraf dunia dalam jangka masa sepuluh tahun yang akan datang.

Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian Belia dan Sukan, melalui Majlis Sukan Negara telah merangka Program Latihan Atlet buat jangka masa panjang ke arah tahun 2006 dan tahun 2010.

Melalui program ini sebanyak 31 jenis sukan telah pun dipilih yang melibatkan 27 persatuan sukan kebangsaan. Sukan-sukan berkenaan telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu kumpulan pertama, yang meliputi sukan yang mampu bersaing di peringkat Olimpik dan dunia. Kumpulan kedua, yang mampu bersaing di peringkat Asia dan Komanwel manakala kumpulan ketiga adalah mencakupi sukan-sukan yang masih berada di tahap yang rendah dari peringkat Olimpik dan Asia.

Sukan-sukan berkenaan mengikut kumpulan yang tersebut tadi adalah seperti berikut:-

Untuk Kumpulan yang pertama iaitu, yang mencapai taraf Olimpik atau dunia, terdapat sepuluh jenis sukan, antara lain termasuk badminton, hoki lelaki, terjun, menembak ISSF, menembak *pull bore*, memanah, skuasy, boling, bina badan dan tae kwan do.

Sedangkan kumpulan kedua iaitu yang mencapai taraf Komanwel atau sukan Asia terdapat 15 jenis sukan iaitu perahu layar, silat, *equestrian*, renang, gimnastik, artistik, gimrama, basikal, karate, sepak takraw, *wushu*, bola sepak lelaki, golf, snuker dan biliard, olah raga dan *lawn ball*.

Sedangkan dalam kategori atau kumpulan lain-lain terdapat enam jenis sukan iaitu renang berirama, tinju, angkat berat, hoki wanita, lawan pedang dan bola keranjang.

Di antara asas-asas pemilihan sukan-sukan tersebut adalah seperti berikut:-

- (i) sukan-sukan tersebut mempunyai sejarah kejayaan di peringkat Asia, Komanwel dan dunia;
- (ii) sukan-sukan tersebut adalah sesuai dengan saiz badan rakyat Malaysia dan faktor fizikal atlet tidak banyak mempengaruhi pencapaian dan persembahan atlet yang bertanding;

- (iii) sukan-sukan tersebut adalah merupakan sukan utama dan popular di peringkat tempatan dan antarabangsa yang boleh memberi impak jelas kepada imej negara.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mendapat kejayaan di peringkat yang paling tinggi, memerlukan usaha yang berterusan yang melibatkan semua pihak. Kejayaan Mohd. Hafiz Hashim menjuarai Kejohanan Badminton Kejohanan All-England dan kejayaan pasukan lelaki dan wanita boling negara menjuarai Kejohanan Dunia berpasukan dunia baru-baru ini membuktikan bahawa atlet-atlet Malaysia mempunyai kebolehan untuk bersaing di peringkat yang tertinggi.

Datuk Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri di atas jawapan dan persiapan-persiapan kementerian. Saya masih ada soalan tambahan iaitu dalam banyak perancangan dan pencapaian termasuk oleh Hafiz Hashim ini, ialah kenapa pencapaian ataupun kejayaan yang dicapai ini tidak konsisten. Umpamanya, tahun ini cemerlang, dua tahun kemudian merosot. Kalau kita lihat sukan sepak takraw atau sepak raga bulatan pun yang berasal dari negara kita, sekarang kita sudah tidak mendapat nama lagi dah bila sudah sampai ke negara jiran. Kenapa agaknya kita semakin merosot?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kepada Ahli Yang Berhormat bagi Hulu Langat atas keprihatinan beliau dan juga pengamatan beliau terhadap wujudnya fenomena yang disebut tadi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seperti mana yang kita sedia maklum bahawa biasanya prestasi sesuatu pasukan ataupun seseorang pemain, seseorang atlet yang berkenaan banyak bergantung kepada keadaan semasa seseorang itu bertanding. Itu suatu faktor yang tidak dapat dinafikan. Walaupun selama ini seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, latihan yang sewajarnya, yang secukupnya telah pun diberi kepada mereka tetapi ianya juga akan bergantung kepada emosi dan juga keadaan fizikal seseorang ataupun sesuatu pasukan pada ketika itu. Terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya ingin mendapat penjelasan mengenai perbelanjaan-perbelanjaan sukan yang melibatkan sukan berkumpul atau berpasukan kerana ini melibatkan kewangan atau peruntukan yang begitu besar jika dibandingkan dengan atlet-atlet yang mewakili individu dan kita lihat kejayaan boling dan badminton.

Saya ingin mendapat penjelasan kementerian, pertamanya umpamanya kejayaan Hafiz di Kejohanan All-England, mengapa tidak disiarkan secara langsung sehinggalah mendapat teguran daripada isteri Perdana Menteri sendiri, supaya disiarkan tayangan perlawanan akhir tersebut.

Yang kedua, sejauh manakah pihak kementerian membuktikan bahawa kegagalan persatuan-persatuan sukan yang menyebabkan kepada kemunduran atlet dalam pencapaian sukan-sukan yang disertai akibat daripada persatuan yang tidak kukuh dan sebagainya. Minta penjelasan.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, soalan Ahli Yang Berhormat bagi Tanah Merah ini mengandungi dua bahagian. Yang pertamanya, saya rasa walaupun kita sedia maklum adalah menjadi hasrat dan harapan rakyat semua untuk menyaksikan siaran langsung pertandingan di Kejohanan All-England pada ketika itu tetapi ianya tidak disiarkan, walaupun hasrat kita tidak tercapai pada ketika itu tetapi siaran yang berkenaan tetap disiarkan kemudian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya, ini bukan dalam bidang kuasa Kementerian Belia dan Sukan. Ini yang pertama dan Ahli Yang Berhormat kena faham.

Bahagian yang kedua, iaitu menyentuh tentang perbelanjaan untuk *team sports* ataupun sukan berpasukan. Sebenarnya, kita tidak boleh mengukur kejayaan sesuatu *team sports* itu dengan perbelanjaan yang dikhususkan untuk acara sukan yang berkenaan.

Yang Berhormat menyentuh tentang adanya kelemahan kepada persatuan sukan yang tertentu, ini sememangnya pihak kementerian tetap memantau usaha masing-masing dalam membangunkan acara sukan yang berkenaan dan ini pun dapat kita jalankan mengikut Akta Pembangunan Sukan. Sekian.

2. **Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi [Kuala Terengganu]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah kebenaran kenyataan Timbalan Menteri Belia dan Sukan bahawa ramai ceti-ceti haram atau *along* dilindungi oleh VIP dan apakah langkah-langkah yang diambil bagi menyekat merebaknya kes *along* ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pihak polis sememangnya mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya dalam menangani kes-kes yang melibatkan ceti-ceti haram ataupun *along*. Setelah siasatan dibuat, mendapati tiada terdapat bukti langsung yang menunjukkan ceti-ceti haram tersebut dilindungi oleh VIP ataupun pemimpin-pemimpin politik. Walau bagaimanapun, pihak polis akan memastikan kegiatan dapat dibanteras dan ianya tidak dilindungi oleh mana-mana pihak.

Terdapat beberapa langkah yang diambil oleh pihak polis dalam menangani isu ini, antaranya seperti:-

- (i) mengenakan tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933 berdasarkan statistik dari tahun 1977 hingga Februari 2003, seramai 42 orang telah dikenakan tindakan atas kesalahan tersebut;
- (ii) mengadakan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain, pihak media dan swasta terutama dalam menyedarkan orang ramai tentang keburukan kegiatan ceti haram ini; dan
- (iii) menangkap dan mendakwa di mahkamah bagi mereka yang terlibat menggunakan kekerasan jenayah terhadap mangsa-mangsa.

Sekian.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang akhir-akhir ini begitu berani mendedahkan penyelewengan-penyelewengan yang dilakukan oleh ahli-ahli politik di negara kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat, terus kepada soalan, itu tidak berkait.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya, penyelewengan-penyelewengan ini adalah penting kerana kita dapat melihat pengkhianatan yang dilakukan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang mendapat *PR status* di Australia yang sepatutnya meletakkan jawatan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan asal Yang Berhormat, soalan asal. Tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ya, yang keduanya Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah jawab yang itu, tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Untuk saya pergi kepada soalan. Yang keduanya, pengkhianatan yang dilakukan oleh Menteri Pengangkutan yang dikatakan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, tidak ada kena-mengena, Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Cuba menjual rahsia kerajaan kepada seorang ahli perniagaan Australia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak payah Yang Berhormat, tidak ada kena-mengena. Kalau tidak ada soalan tidak payah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Dan, soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Tuan Yang di-Pertua, kalaulah seorang Timbalan Menteri mendedahkan perkara ini dan dinafikan pula oleh Timbalan Menteri di Dewan ini, ini adalah suatu yang kita rasa amat ragu dalam apa yang disebutkan ini kerana Timbalan Menteri Belia dan Sukan telah menyatakan dia akan menyerahkan senarai nama-nama VIP dan ahli-ahli politik yang melindungi ceti-ceti haram ataupun *along* ini kepada pihak berkuasa.

Jadi, saya amat ragu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat, jangan cakap lagi.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi:dengan kenyataan-kenyataan yang sedemikian ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Yang sebenarnya penting dan perlu kita dedahkan di Parlimen ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada soalan, duduklah Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Siapa sebenarnya yang terlibat? Ini soalan saya, siapa sebenarnya yang terlibat? Ahli politik mana sebenarnya yang terlibat? Kerana penyelewengan-penyelewengan yang didedahkan ini telah menggambarkan bahawa ahli-ahli politik dari Barisan Nasional tidak setia kepada negara kita dan melakukan pelbagai bentuk tindakan yang merupakan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: ...pengkhianatan kepada negara kita. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup! Duduk. *[Disampuk]*

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kaum Melayu patut fasih dengan bahasa Melayu. Saya bukan seorang Melayu tetapi saya tahulah, mengetahui, memberi pendapat dan sumbangan dalam bahasa Melayu. Dalam jawapan asal saya, saya telah beritahu selepas pihak polis membuat siasatan setakat ini tidak terdapat bukti yang menunjukkan ceti-ceti haram dilindungi oleh pemimpin-pemimpin politik.

Yang lain-lain itu adalah pendapat peribadi Yang Berhormat. Sekian.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pagi tadi saya cakap dengan kawan-kawan berhubung dengan *irrationality of Bush* tetapi nampaknya di Dewan ini pun ada juga orang yang *irrational* betul... *[Ketawa] [Disampuk]*

Seorang Ahli: Siapa Yang Berhormat?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Tahulah sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya! Teruskan Yang Berhormat. soalan, soalan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Kawan-kawan tanya, Tuan Yang di-Pertua, ganggu betullah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa. Jangan ganggulah, ya! Em.. teruskan... *[Disampuk]* Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudah gaharu cendana pula, sudah tahu bertanya pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, teruskan Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Beberapa Ahli: *Irrational.*

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan... [Disampuk] Soal *along* dan peminjaman daripada ceti-ceti ini adalah desakan daripada sesuatu keadaan, kemungkinan sumber kewangan, kemudahan, amalan dan budaya juga ada mendorong ke arah ini.

Jadi, maknanya, penyelesaian tidak boleh didapati dengan menangkap atau memenjarakan orang yang berkenaan melainkan tindakan yang menyeluruh diambil kira. Umpamanya, kalau seseorang itu mati, dia hendak menguburkan keluarga ini, anak yang mati, bapa ataupun nenek yang mati ini tetapi tidak mempunyai kewangan.

Hendak pinjam institusi kewangan tunggu dua minggu prosesnya ataupun tiga minggu, jadi, dia pinjam ceti haram. Jadi, apakah tindakan dalam keadaan sedemikian, budaya dan amalan ini masih dijalankan oleh masyarakat Malaysia? Jadi, apakah tindakan Kementerian berbincang dalam peringkat kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah yang sedemikian? Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat iaitu fenomena ceti haram tidak dapat diselesaikan dalam jangka pendek dan saya percaya memang mustahil juga kalau kita hendak menghapuskan segala-galanya di negara ini.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perancangan jangka panjang yang akan diambil oleh pihak kerajaan:

- (i) saya difahamkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun, sedang menggubal Akta Peminjam Wang supaya penalti-penalti, hukuman-hukuman dipertingkatkan lagi. Ini akan dengan secara langsung menakutkan sedikit ceti-ceti haram untuk beroperasi;
- (ii) jika Akta Peminjam Wang ini dapat digubal maka syarikat-syarikat ataupun orang perseorangan yang mempunyai lesen untuk memberi pinjaman wang bolehlah memainkan peranan. Walaupun di bawah akta ini orang yang mempunyai lesen untuk meminjam wang harus juga cajkan *interest* ataupun faedah tetapi faedah mereka ini kalau mengikut undang-undang tidak tinggi. Dan, jika sipiutang tidak dapat membayar balik maka orang memberi pinjaman itu boleh pergi ke mahkamah atau melalui cara-cara yang sah untuk mendapatkan wang balik.

Saya percaya ini adalah di antara perancangan-perancangan yang ada daripada kerajaan dan pada masa yang sama juga kita harap sebagai Yang Berhormat, sebagai pemimpin-pemimpin masyarakat kita juga boleh memainkan peranan. Kita boleh mendedahkan supaya masyarakat kita lebih mengetahui tentang meminjamkan wang dari *along* atau ceti-ceti haram.

Kalau boleh contoh yang diberikan oleh Yang Berhormat, kalau ada kes-kes mati, kekurangan wang maka Yang Berhormat, sebagai pemimpin masyarakat, kita boleh menghulurkan sedikit, bermurah hati sedikit. Yang lain itu saya juga harap kerajaan melalui Bank Negara dapat merangka satu strategi supaya bank-bank tempatan dapat dengan lebih mudah memberikan pinjaman kepada peniaga-peniaga yang kecil itu. Sekian, terima kasih.

3. **Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat [Parit]** minta Menteri Pertahanan menyatakan, kekerapan pencerobohan udara yang dilakukan oleh Angkatan Udara Republik Singapura di ruang udara negara kita dan adakah usaha dilakukan oleh Tentera Udara Diraja Malaysia untuk memintas pesawat Angkatan Udara Singapura itu.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan, ruang angkasa Malaysia sentiasa diawasi untuk mengesan sebarang aktiviti pencerobohan. TUDM sentiasa berada dalam kesiapsediaan untuk memintas sebarang aktiviti pencerobohan ruang angkasa berpandukan kepada prosedur pemantau ruang angkasa Malaysia apabila terdapat pesawat-pesawat yang dikesan memasuki ruang angkasa kita tanpa kebenaran dari agensi-agensi kerajaan atau Jabatan Penerbangan Awam, TUDM dengan serta-merta akan melaksanakan tindakan pemantauan.

Di samping itu apabila berlakunya pencerobohan ke atas ruang angkasa negara, pihak Kementerian akan mengemukakan bantahan diplomatik kepada Kerajaan Singapura melalui Wisma Putra.

Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri, soalan tambahan. Sebenarnya Singapura menunjukkan kekuatan terhadap Malaysia walaupun sebuah negara kecil, tetapi kita tahu bahawa kekuatannya mengatasi kekuatan Malaysia. Adakah bantahan rasmi telah dibuat kepada Singapura? Dan, berapakah kekuatan Malaysia seperti peluru berpandu, berapa yang kita ada? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Rahsia tu, Yang Berhormat *[Ketawa]* Rahsia itu Yang Berhormat, yang pertama itu beri penjelasan *[Ketawa]* Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Parit, saya pun tidak tahu bagaimana dia membuat keputusan dan tanggapan bahawa dia lebih kuat daripada kita. Kita tidak tahu, contohnya kalau kita main *boxing*, kita tidak tahu siapa yang kuat, siapa yang lemah sebelum kita berlawan, kita tidak tahu siapa yang kalah, siapa yang menang tetapi kita yakin bahawa sistem pertahanan negara kita berupaya untuk mempertahankan negara ini daripada ancaman, sama ada daripada luar ataupun daripada dalam.

Mengenai dengan bantahan-bantahan ini, kita telah membuat beberapa bantahan kepada Kerajaan Singapura bila kita dapati ada pesawat-pesawat yang mereka telah mencero bohi ruang angkasa kita.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, Yang Berhormat bagi Larut.

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pendek sahaja soalan tambahan saya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun sistem pertahanan kita canggih, hebat, kecuali PAS yang tidak tahu atau mungkin tidak mahu tahu.

Saya ingin tahu kenapa Singapore Air Force atau SAF dengan izin, berbuat demikian? Dan, sama ada negara kita mencukupi sistem radar bagi mengesan pencerobohan tersebut. Terima kasih.

Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal: Kita mempunyai sistem radar yang baik, mencukupi untuk keperluan negara kita dalam mengawal ruang angkasa yang di bawah kawalan kita. Kita dapati bahawa beberapa kejadian yang berlaku kemungkinan kerana keadaan cuaca yang tidak begitu baik.

Ada di antara pesawat contohnya helikopter bila dilanda oleh keadaan cuaca yang tidak begitu baik terpaksa menurunkan, *altitude of the flying level will be reduced*, dengan izin. Dia akan turunkan ataupun dia akan melebihi daripada ruang angkasa yang dibenarkan maka itu boleh diiktiraf sebahagian daripada langkah pencerobohan sebelum mereka mendapat persetujuan daripada pihak yang berkenaan.

Maka dengan itu, ada beberapa perkara yang kita rasa tidak perlulah kita hendak hebohkan sangat kerana ia tidak akan menjejaskan dari segi keselamatan negara kita. Kita tahu bahawa negara Singapura mempunyai persamaan dengan negara Malaysia. Dan, kita mempunyai dagangan ekonomi yang begitu baik dan kita perlu melihat daripada sudut yang lain. Bukan dari segi konfrontasi ataupun perselisihan yang boleh membawa keadaan kecelakaan kepada kedua-dua rakyat.

Pendekatan kita adalah untuk berbaik-baik dengan negara-negara jiran khususnya. Terima kasih.

(b) **Dato' Ho Cheong Sing [Ipoh Barat]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) bilangan gadis luar negeri yang menggunakan pas pelajar ataupun pas lawatan yang ditangkap bersabit dengan kesalahan pelacuran sejak tahun 2000, 2001, 2002 dan negara asal gadis-gadis tersebut; dan

- (b) tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengawal penyalahgunaan permit-permit tersebut.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Izinkan saya menjawab soalan ini bersekali dengan soalan-soalan daripada Yang Berhormat bagi Hulu Langat yang dijadualkan untuk menjawab pada 24 Mac 2003; Yang Berhormat bagi Sepang pada 26 Mac 2003 dan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya pada 3 April 2003 kerana isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tersebut adalah berkaitan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Baiklah.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri tidak mempunyai perangkaan khusus untuk warganegara asing yang memegang Pas Lawatan Sosial dan terlibat dengan kegiatan pelacuran atau tidak bermoral.

Kesemua mereka ini digabungkan sekali dalam kumpulan penyalahgunaan Pas Lawatan Sosial. Walau bagaimanapun, perangkaan tangkapan warganegara asing yang disyaki menjalankan aktiviti pelacuran:

Tahun	Bilangan Pelacur
2000	3,597
2001	4,133
2002	5,131

Perangkaan mengikut warganegara adalah seperti berikut:

Indonesia

Tahun	Bilangan Pelacur
2000	2,191
2001	2,451
2002	2,155

Thailand

Tahun	Bilangan Pelacur
2000	642
2001	785
2002	948

Filipina

Tahun	Bilangan Pelacur
2000	413
2001	312
2002	1,230

China

Tahun	Bilangan Pelacur
2000	196
2001	370
2002	1,230

Ada juga lagi 15, 16 buah negara yang agak kurang sangat. Tidak payahlah saya buang masa Dewan yang mulia ini. Berdasarkan kepada operasi-operasi yang dijalankan oleh agensi-agensi penguat kuasa antara cara-cara penyalahgunaan pas yang dilakukan adalah seperti berikut:

- (i) memegang Pas Lawatan Sosial yang sah tetapi bekerja di tempat-tempat hiburan atau rumah pelacuran;
- (ii) memegang Pas Lawatan Sosial yang telah tamat tempoh dan tinggal lebih masa dan didapati bekerjasama di tempat-tempat hiburan atau rumah pelacuran; dan
- (iii) masuk ke negara tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah dan didapati bekerja di tempat-tempat hiburan atau rumah pelacuran.

Kerajaan memandang serius terhadap kegiatan penyalahgunaan pas oleh pelawat-pelawat asing untuk tujuan pelacuran dan aktiviti tidak bermoral. Tindakan-tindakan yang telah dan sedang diambil bagi mengatasi masalah ini daripada berleluasa adalah seperti berikut:-

- (i) operasi bersama antara polis, Jabatan Imigresen dan Pihak Berkuasa Tempatan secara berterusan ke tempat-tempat hiburan yang disyaki terlibat dalam kegiatan pelacuran dan tidak bermoral melibatkan warganegara asing;
- (ii) menangkap penganjur, pelindung ataupun operator kegiatan pelacuran dan mendakwa mereka di bawah seksyen 372 atau seksyen 373 Kanun Keseksaan ataupun seksyen 56 Akta Imigresen ataupun mengenakan tindakan di bawah Akta Kediaman Terhad 1933;
- (iii) membatalkan pas lawatan sosial atau pas pelajar warganegara asing yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan mengusir mereka pulang ke negara asal;
- (iv) menyenaraikan hitam warganegara asing yang terlibat dalam kegiatan pelacuran dan tidak benarkan mereka masuk ke negara ini selama-lamanya; dan
- (v) mengadakan pemeriksaan lebih ketat di pintu-pintu masuk. Gadis atau wanita warganegara asing yang diragui kemasukan mereka akan dipendekkan pas mereka atau tidak dibenarkan langsung masuk ke negara ini.

Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi ini menunjukkan bahawa trend kegiatan ini semakin meningkat daripada hari ke hari. Ini sudah tentu menimbulkan masalah bagi negara kita. Jadi, saya ingin tahu adakah kajian dibuat berhubung dengan sindiket. Saya rasa ini sudah tentu sindiket ada mendalangi kegiatan ini. Dan juga saya ingin tahu apabila berlaku sindiket, satu masalah yang besar, jadi adakah kerajaan negara kita berunding dengan negara-negara yang terlibat seperti mana dari trend yang kita tengok itu dengan negara China yang mana kalau kita tengok pendekatan untuk tahun 2000 baru 100 lebih, tahun 2002 sudah menjangkau sampai 1,000 lebih. Ini menunjukkan satu perkembangan yang kurang sihat. Jadi, sejauh mana perundingan antara pasukan imigresen kita dengan kerajaan-kerajaan negara yang terbabit?

Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Trend ini merupakan satu trend atau fenomena global di mana masyarakat yang lebih makmur, lebih mewah, khususnya wanita-wanita dan gadis-gadis dari negara-negara yang lebih miskin akan berhijrah untuk mencari pekerjaan dan mencari wang di tempat-tempat lain. Ibu Kota Kuala Lumpur dan bandar-bandar besar negara kita merupakan di antara bandar-bandar yang agak makmur dan mewah di rantau Asia ini. Oleh yang demikian, terdapat begitu ramai bukan sahaja wanita-wanita dan gadis yang

berhijrah ke Kuala Lumpur hendak mencari peluang pekerjaan ataupun melibatkan diri dalam aktiviti yang tidak bermoral untuk mencari duit, bahkan pelancong-pelancong dari seluruh dunia pun datang ke Malaysia juga.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak polis dan pihak berkuasa yang lain telah pun begitu aktif dalam dua tahun kebelakangan ini untuk menjalankan tugas, mengadakan operasi, serbuan-serbuan, dan kalau kita lihat ataupun baca surat khabar tiap-tiap hari kita dapat tahu di bandar-bandar besar pihak-pihak berkuasa telah pun dengan tidak terhenti-henti menjalankan operasi-operasi di mana begitu ramai, beribu-ribu telah pun ditangkap dan diusir ke negara asal mereka ini.

Banyak sindiket terlibat dalam gejala ini, memang kerajaan pun tahu. Banyak sindiket yang bergiat, beroperasi telah pun ditumpaskan oleh pihak polis, walaupun terdapat lagi sindiket-sindiket tetapi jika pihak berkuasa sentiasa menjalankan tugas mereka, kerajaan percaya gejala ini boleh dikurangkan sampai ke satu tahap yang boleh dikatakan terkawal.

Selain daripada itu juga, pihak Interpol, polis kita sentiasa juga bekerjasama dengan pihak polis negara lain untuk bertukar-tukar maklumat-maklumat dan juga kerajaan sentiasa mengadakan perbincangan seperti perbincangan semasa Persidangan APEC, seperti Persidangan Rantau Asia yang lain macam mana kita boleh kerja lebih rapat supaya masalah ini tidak menjadi satu masalah yang tidak terkawal di negara ini. Sekian.

Puan Fong Po Kuan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini wabak demam denggi amat serius di negara kita meragut banyak nyawa, tetapi tindakan tidak diutamakan oleh Menteri Besar Negeri Selangor. Dia lebih pentingkan membuat serbuan di pusat-pusat hiburan.

Soalannya..[Ketawa] Apakah telah wujud, kalau semua menteri besar, ketua menteri buat serbuan macam ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: ...saya rasa habislah maruah [Disampuk] Kementerian Dalam Negeri.

Soalannya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berkaitan dengan ini Yang Berhormat ya.

Puan Fong Po Kuan: [Dewan riuh] Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya hendak tanya. Saya hendak tanya tetapi mereka buat bising. Soalannya, apakah telah wujud masalah yang amat serius di dalam pihak penguatkuasaan khasnya pihak polis dan imigresen, sebab saya percaya Menteri Besar Negeri Selangor perlu turun padang pergi pusat-pusat hiburan waktu malam kerana elemen rasuah yang amat serius dalam penguatkuasaan. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga risau sebab banyak kes dilaporkan, sebelum polis sampai, pihak operator telah terima signal-signal. Jadi, saya hendak tanya apakah tindakan akan diambil. Bincang, mesyuarat semuanya tidak guna kalau yang menjalankan penguatkuasaan itu mempunyai nafsu untuk terima rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Sebab sekarang ini gejala gadis-gadis luar negeri ini sudah masuk ke kampung-kampung, tidak lagi di bandar. Jadi, saya pohon satu jawapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tindakan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Selangor harus dicontohi oleh semua [Ketawa] Beliau telah pun menunjukkan bahawa beliau serius sekali.. [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diamlah!

Dato' Chor Chee Heung: ...dan beliau sendiri turun padang untuk mencari supaya pelacur-pelacur ini dapat ditangkap. *[Disampuk]*

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk]*

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Diam Batu Gajah, diam Batu Gajah!

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, bagi saya jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jawab.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dakwaan oleh Yang Berhormat bahawa pihak-pihak berkuasa terlibat dengan gejala rasuah mengenai isu pelacuran dan aktiviti-aktiviti tidak bermoral ini, saya sebagai Timbalan Menteri tidak menafikan bahawa ada segelintir, peratusan amat kecil terdiri daripada pegawai-pegawai polis, anggota-anggota polis yang terlibat dengan gejala ini tetapi ini tidak bermaksud bahawa operasi-operasi dan tugas-tugas terus diabaikan oleh pihak polis. Tidak.

Polis sekarang menghadapi masalah. Pertama, macam mana kita hendak cari jalan supaya gejala yang tidak bermoral ini, pelacuran, maksiat dan lain-lain ini terus dibanteras dan dikurangkan. Yang kedua, jika terdapat ada sesiapa yang melindungi operator-operator ataupun terlibat dengan gejala rasuah, dan jika Yang Berhormat ada bukti pun, serahlah kepada saya. Kalau tidak percaya dengan yang lain tak mengapa, serah pada saya, ataupun Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita boleh menjalankan siasatan dan jika ada gejala ini, kita pecat mereka. Ini menunjukkan bahawa kerajaan memang serius terhadap masalah ini.

Sebenarnya Yang Amat Berhormat baru-baru ini telah pun mengarahkan supaya satu jawatankuasa untuk mengkaji dan mencegah aktiviti yang tidak bermoral di kalangan penuntut dan pelawat asing. Saya sendiri telah mengetuai jawatankuasa ini dan saya sendiri telah pun hendak kata turun padanglah. Kalau Yang Berhormat sanggup datang sekali kita pergi bersama-sama. *[Ketawa]*

Sekian, terima kasih *[Dewan gamat seketika]*

5. **Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud [Kuala Krai]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah sebenar kehilangan wang Tabung Haji dan jelaskan jumlah berdasarkan jenis-jenis penyelewengan dan salah laku.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tabung Haji telah membuat pelaburan Mudharabah sebanyak RM200 juta dengan Metro Wangsa Asset Management Sdn. Bhd. Sehingga kini Tabung Haji hanya dapat memperoleh pelaburan pokok sebanyak RM120 juta, manakala RM80 juta masih lagi dalam proses tuntutan dari Metro Wangsa Asset Management Sdn. Bhd. melalui tindakan mahkamah.

Kehilangan wang pendeposit sebanyak RM8.9 juta adalah disebabkan oleh penipuan yang dibuat oleh orang awam. Pengeluaran secara tidak sah telah dibuat dengan menggunakan kad pengenalan palsu di beberapa pejabat Cawangan Tabung Haji. Kes ini telah dibawa ke mahkamah dan hukuman telah pun dijatuhkan terhadap yang terlibat. Terima kasih.

Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud: Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan itu tadi. Cuma saya hendak mendapat sedikit penjelasan lagi, apakah masih ada lagi jumlah wang yang belum diisytiharkan hilang kerana setakat ini, dalam soalan pertama saya dalam tahun 2001 dahulu disebut hanya satu kes iaitu kes pengeluaran secara tidak sah. Dan baru-baru ini timbul cerita kehilangan wang yang tidak dikembalikan oleh pengurus dana dan baru-baru ini juga kita dengar ada berita-berita mengatakan penyelewengan-penyelewengan lain dalam pengurusan dana Tabung Haji. Masih ada lagikah terselit di mana-mana kehilangan wang dan juga kerugian-kerugian yang dialami oleh Tabung Haji yang perlu diketahui oleh seluruh rakyat khususnya penabung-penabung di Lembaga Urusan dan Tabung Haji? Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Saya menyatakan setakat hari ini, kalau masa depan saya tidak tahu. Sehingga kita mendapat maklumat yang terbaru ataupun Yang Berhormat sendiri ada maklumat-maklumat yang terbaru, kita berjanji kita akan siasat.

Mengenai laporan RM80 juta kita tidak boleh kata kehilangan. Itu merupakan kerugian yang kita sudah tuntutan melalui mahkamah. Kita tidak tahu daripada RM80 juta ini berapa banyak yang kita akan dapat balik, di mana kita juga telah pun pergi ke mahkamah kita telah memohon beberapa perintah untuk kita mendapatkan balik wang tersebut. Jika ada mana-mana pihak walaupun pengurusan Tabung Haji terlibat kita tidak akan melindunginya. Sebagaimana Yang Berhormat sendiri maklum baru-baru ini dua orang pengurusan kanan Tabung Haji telah pun didakwa kononnya terlibat dalam Metro Wangsa dan kes ini adalah kes mahkamah, jadi saya tidak dapat mengulas dengan lebih panjang. Terima kasih.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, wang RM200 juta yang dilaburkan kepada Metro Wangsa ini seperti mana kita sedia maklum telah juga digunakan oleh Metro Wangsa untuk terlibat dalam pelaburan tukaran wang asing. Perkara ini melibatkan kepada sistem dan struktur pengurusan dan pentadbiran Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Soalan tambahan saya, apakah usaha yang dilakukan oleh Lembaga Pengurusan dan Tabung Haji dalam menentukan sistem dan struktur pengurusan dan pentadbirannya lebih mantap supaya perkara seperti ini tidak berlaku lagi. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat bagi Tambun. Sebagaimana kita sedia maklum bahawa wang yang kita labur dalam Metro Wangsa ini bukannya sekali gus RM200 juta. Pada mulanya kita labur sebanyak RM50 juta, dan daripada hasil RM50 juta di dalam tempoh tidak sampai setahun kita mendapat pulangan 29% daripada laporan RM50 juta. Jadi, kita tambah lagi RM150 juta kerana mendapatkan keuntungan yang banyak.

Dalam perjanjian kita dengan Metro Wangsa dia tidak sebut untuk terlibat di dalam perniagaan saham yang mereka uruskan. Walau bagaimanapun, pengurusan Tabung Haji telah dapati pelaburan dengan Metro Wangsa ini berisiko tinggi. Oleh itu kita telah tamatkan perjanjian tersebut.

Untuk kita memastikan perkara-perkara ini tidak berlaku maka hari ini Tabung Haji telah pun melantik penasihat-penasihat dan juga pelaburan-pelaburan ini terdiri daripada golongan-golongan profesional. Kita akan lebih berhati-hati untuk melabur di masa yang akan datang. Terima kasih.

6. **Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, apakah tindakan Kerajaan Malaysia berhubung kerja-kerja penambakan laut di Selat Tebrau oleh Kerajaan Singapura, apakah kesan negatif atas kerja-kerja penambakan tersebut dan apakah cara bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Semenjak kerja-kerja penambakan laut dilakukan oleh Singapura di Selat Tebrau, Kerajaan Malaysia telah menyatakan kebimbangan dan juga bantahan terhadap kesan-kesan negatif yang timbul daripada kerja-kerja tersebut melalui Wisma Putra.

Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar bersama-sama dengan perunding iaitu pihak UKM telah menjalankan kajian penilaian kesan kepada alam sekitar ataupun EIA bagi perairan Selat Tebrau yang mana laporannya telah disempurnakan dan disiapkan pada 10 Oktober 2002 yang lalu.

Antara lain kesan negatif yang sedang dan akan dihadapi oleh negara khususnya di kawasan tersebut adalah:

- (i) kejadian hakisan dan pemindahan di kawasan pantai Johor;
- (ii) kemusnahan kepada struktur pantai sedia ada seperti jeti-jeti, kemudahan akuakultur, peningkatan kelajuan arus dan kesukaran kapal-kapal berlabuh di pelabuhan khususnya di Pasir Gudang;

- (iii) kemerosotan dan kemusnahan kepada tumbuhan dan ekosistem di pesisiran pantai dan hutan bakau; dan
- (iv) mengancam kehidupan nelayan dan operator bot disebabkan berlakunya pengurangan hasil tangkapan.

Hasil penemuan kajian EIA telah dibentangkan dan diambil maklum dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Januari 2003. Melalui kajian EIA ini juga langkah-langkah kawalan sewajarnya dan satu program pengawasan alam sekitar telah dikenal pasti untuk dilaksanakan.

Pelaksanaan langkah kawalan dan program pengawasan tersebut akan dipantau oleh pihak Jabatan Alam Sekitar dengan kerjasama pelbagai agensi secara berterusan. Seterusnya, Jabatan Alam Sekitar juga sedang merangka program pengawasan bagi memantau kawasan-kawasan persekitaran:

- (i) dengan menubuhkan satu pasukan petugas pengurusan aktiviti penambakan laut Singapura bagi menjalankan, dengan izin, Continuous Surveillance and Monitoring Programs. Program pemantauan ini akan dilaksanakan dengan segera bersama-sama dengan pakar dari agensi berkaitan yang lain. Pasukan petugas ini akan mengumpulkan data-data dan maklumat penting alam sekitar khususnya data kualiti air marin bagi tujuan menyediakan bukti mengenai kesan negatif akibat kerja-kerja penambakan laut oleh Singapura, menilai kesan negatif kepada aktiviti perkapalan dan pelabuhan dan lain-lain aktiviti marin yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi selatan negeri Johor. Projek ini juga akan memantau perubahan data kualiti air dengan prosedur dan kaedah yang ditetapkan yang diperakukan di peringkat antarabangsa termasuk kajian ke atas aktiviti pengorekan pasir.
- (ii) melaksanakan *strategic planning and managing Singapore land reclamation activities*, dengan izin, yang antara lain adalah bertujuan mengadakan pengawasan perubahan kawasan *hot spots* iaitu kawasan yang terlibat dengan kerja-kerja penambakan laut oleh Singapura, menilai kesan negatif kepada aktiviti perkapalan dan pelabuhan dan lain-lain aktiviti marin yang menyumbang kepada aktiviti ekonomi selatan negeri Johor. Projek ini juga akan memantau perubahan data kualiti air dengan prosedur dan kaedah yang ditetapkan yang diperakukan di peringkat antarabangsa termasuk kajian ke atas aktiviti pengorekan pasir.

Arbitrary Center juga akan dibentuk bagi tujuan menganalisis data-data dari imej satelit dan *base land data* dan seterusnya projek ini akan membuat pengawasan ke atas pelaksanaan langkah-langkah kawalan yang telah dikenal pasti. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi ini, Jeli, Jeli, Jeli... [Ketawa] Sri Gading dahulu. Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri. Dari jawapan itu tadi, daripada jawapan tadi, nampaknya kita cuma pantau, mengawas, kaji. Pantau, mengawas, kaji. Singapura tambak, tambak, tambak. Kita awas, pantau, kaji... [Dewan riuh]

Kalau itu perkaranya, sampai bila masalah sebagaimana yang disebut, hakisan, musnah, kelajuan arus, susah kapal hendak berlabuh, nelayan kita akan kekurangan rezeki kerana ikan sudah lari, tidak akan selesai. Jadi apa tindakan sebenarnya yang patut agaknya kita ambil supaya Singapura yang nampaknya tidak begitu mengendahkan perasaan jirannya, macam mana agaknya Yang Berhormat Dato' Timbalan. Terima kasih Dato'.

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjawab bagi pihak kementerian dalam bidang autoriti yang dibenarkan. Mungkin

tindakan lain bolehlah diputuskan ataupun akan diputuskan oleh Kabinet. Dari segi langkah-langkah *counter action* yang boleh diambil ataupun bagi pihak Kerajaan Malaysia. Oleh kerana setiap langkah yang perlu diambil kita perlu berdasarkan kepada peraturan, prosedur dan undang-undang yang berkaitan.

Singapura sentiasa mendakwa bahawa kerja-kerja penambakan hanya dilakukan di dalam kawasan yang di bawah kekuasaan mereka ataupun *territory* mereka. Jadi kita tidak boleh mengambil sebarang langkah yang berdasarkan kepada perasaan marah ataupun emosi walaupun

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya tahu Yang Berhormat.

Dato' Zainal bin Dahalan: Saya memahami tetapi seperti yang saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa dari segi kementerian inilah bidang kuasa yang ada pada kita. Mungkin kita serahkan kepada pihak agensi ataupun jabatan lain untuk mengambil langkah-langkah yang seterusnya. Memanglah banyak perkara-perkara yang kita ikuti dan kita alami di akhir-akhir ini bagaimana Kerajaan Singapura melakukan banyak perkara yang sebenarnya seolah-olah tidak menghormati kita sebagai jiran terdekat yang mempunyai kepentingan bersama dengan mereka.

Kita berharap supaya laporan-laporan saintifik yang berdasarkan kepada fakta-fakta yang jelas ini akan dikemukakan kepada Singapura sebagai bantahan dan juga apa yang patut Singapura beri pertimbangan di atas segala kesan-kesan negatif yang berlaku daripada kerja-kerja penambakan yang mereka lakukan. Terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Jeli, Jeli.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Malaysia, kita orang Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa soalan itu Yang Berhormat?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada kajian yang dibuat, pasir-pasir yang digunakan oleh Kerajaan Singapura untuk menambak bumi Singapura adalah 90% daripada Johor [*Dewan riu*]. Dan saya telah membuat kajian, daripada 90% syarikat-syarikat Johor, syarikat-syarikat yang diberi permit pasir ini adalah syarikat-syarikat gergasi di negeri Johor terutama syarikat UMNO, minta Timbalan Menteri Penerangan ini siarkan benda ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, soalnya Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Jadi kita minta sekarang ini boleh atau tidak boleh, kementerian menggunakan kuasa budi bicara yang ada padanya minta Kerajaan Johor hentikan permit-permit pasir kepada mana-mana syarikat yang membekalkan pasir ke Singapura untuk menambak laut sehingga mengancam kedudukan Sri Gading sekarang ini. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] [*Ketawa*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.....

Dato' Zainal bin Dahalan: Terima kasih, Menteri yang menjawab Tuan Yang di-Pertua. Setakat yang kita dimaklumkan bahawa semua permit-permit ini telah pun ditamatkan sekarang.

7. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali [Parit Buntar] minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) kemajuan terkini mengenai projek membaik pulih dan menaik taraf Jalan Persekutuan 5 Banting ke Sabak Bernam dan tarikh dijangka siap; dan
- (b) kontraktor-kontraktor yang terlibat menjalankan kerja-kerja tersebut serta masalah-masalah utama yang

dihadapi dan langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya [Datuk Yong Khoo Seng]:

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kemajuan terkini projek membaik pulih dan menaik taraf Jalan Persekutuan 5 Banting ke Sabak Bernam serta tarikh jangka siap adalah seperti berikut:

- (i) Fasa A iaitu segmen dari Klang ke Banting dan dari Kuala Selangor ke Tanjong Karang - kemajuan semasa ialah 76.89% (sebenar) berbanding dengan 84.05% (jadual). Fasa ini dijangka siap pada 31 Ogos 2003 iaitu setelah diberi lanjutan masa dari jangka siap asal (Disember 2002); dan
- (ii) Fasa B iaitu segmen dari Kapar ke Kuala Selangor dan dari Tanjong Karang ke Sabak - kemajuan semasa ialah 34.26% (sebenar) berbanding dengan 30.79% (jadual).

Tuan Yang di-Pertua, kontraktor yang terlibat dengan projek ini ialah HCMTH Teknologi Sdn. Berhad. Di antara masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek ini ialah pengambilan balik tanah dan pemindahan utiliti. Mengenai pengambilan balik tanah, pembayaran kepada tuan-tuan tanah sedang dibuat.

Oleh kerana proses pembayaran sepenuhnya mengambil masa, pemilik-pemilik enggan berpindah atau menyerahkan tanah mereka selagi bayaran tidak dilakukan. Sehubungan dengan ini, pihak JKR bersama-sama bantuan kerajaan negeri terus berusaha untuk menyelesaikan masalah ini.

Lot-lot yang dianggap kritikal dengan kemajuan kerja, pembayaran pampasan akan didahulukan. Berkenaan pengalihan utiliti pula, kemudahan-kemudahan awam yang terbabit ialah pengalihan kabel TNB, telekom dan paip air. Kerja-kerja pengalihan adalah dilakukan oleh agensi-agensi berkaitan. Walau bagaimanapun pelaksanaannya mengalami kelewatan dan ini menjejaskan program menaik taraf secara keseluruhannya.

Bagi mengatasi masalah ini jawatankuasa tetap infrastruktur peringkat negeri sentiasa memantau kerja-kerja oleh agensi-agensi utiliti bagi memastikan kerja-kerja pengalihan dapat disiapkan segera.

Tuan Yang di-Pertua, masalah lain yang turut dihadapi dalam pelaksanaan projek ini ialah ketidakselesaan pengguna jalan raya sehingga menyebabkan berlakunya beberapa kemalangan jalan raya. Dalam hal ini, beberapa tindakan telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut. Di antaranya:

- (i) meningkatkan pengurusan trafik di tapak pembinaan dengan menyediakan perkara-perkara berikut:
 - (a) menyediakan lencongan sementara di lokasi-lokasi yang memerlukan;
 - (b) menyediakan halangan-halangan berupa kon dan *new jersey barrier*, dengan izin, di sepanjang jalan yang diperbaiki; dan
 - (c) arahan-arahan tanda had laju dan arahan pandu perlahan.
- (ii) bagi kelicinan trafik pula, beberapa khidmat agensi kerajaan setempat turut dilibatkan seperti pegawai polis, pegawai dan kakitangan JKR, pegawai-pegawai Majlis Daerah yang berkenaan untuk memberi khidmat kawalan trafik terutamanya pada musim perayaan dan cuti sekolah.

- (iii) Lawatan dan pemantauan dari semasa ke semasa oleh Bahagian Keselamatan Ibu Pejabat JKR Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendapat tahu jalan ini memang jalan utama, salah satu jalan utama *coastal road* yang begitu popular digunakan dan kesesakannya, Tuan Yang di-Pertua, sangat hebat sama ada musim perayaan atau tidak musim perayaan kerana ini dipilih barangkali mereka hendak menikmati suasana kampung dan juga supaya tidak membayar tol di Lebuhraya Utara Selatan.

Yang saya diberitahu bahawa *main con* yang berupaya dari segi modal dan sebagainya untuk membayar kepada *sub-cons*. Sebab itu kita dapati bahawa pembangunannya berpetak-petak dan tidak berjalan secara yang sepatutnya. Kalau kita pergi ke situ sahaja, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati pembangunannya lembap, korek sana, korek sini, korek sana, korek sini. Tidak nampak ada kemajuan yang sebenarnya dari segi pembangunan.

Yang kedua, saya tidak tahu oleh kerana telah mengambil masa yang begitu lama, orang kampung terutama penduduk tempatan dan pengguna rasa resah gelisah, adakah pihak kementerian mengadakan dialog-dialog untuk menerangkan kepada orang kampung kedudukan sebenarnya supaya mereka lebih prihatin dan sebagainya. Mereka boleh bersabar tentang projek itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang ketiga ialah tentang kemalangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kemalangan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat. Cukuplah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kita hendak tahu kemalangan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup; Yang Berhormat. Sudah dua, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kemalangan ini penting.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah dua, Yang Berhormat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dan teruknya itu, berapa kemalangan maut yang berlaku sejak projek itu berlaku hingga sekarang ini?

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Parit Buntar. Sebenarnya kemajuan kerja ini telah pun..., walaupun diberi masa lanjutan, kalau kita lihat Fasa 'B' nya ia telah pun lebih awal daripada yang dijadualkan. Masalah dalaman saya tidak tahu kalau dapat Yang Berhormat berikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, maklumat mengenai kemalangan, selepas kita membuat mempertingkatkan pengurusan trafik ianya telah dapat dikurangkan tetapi maklumat terperinci saya tiada mengenai berapa jumlah orang mati dalam kemalangan ini tetapi ada nasihat yang saya hendak beri kepada pengguna jalan. Kalau ada satu tempat di mana jalan sedang dibaiki, memang ada masalah kesesakan trafik lalu lintas. Pengguna dinasihatkan supaya berhati-hati, jangan laju. Kalau ada lubang, janganlah langgar lubang itu. Terima kasih.

Beberapa Ahli: ...[Ketawa]

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang mana Kuala Selangor ada terlibat secara langsung dalam projek ini dan saya mengucapkan syabas kepada kerajaan yang telah pun membaik pulih jalan utama ini. Apa yang berlaku sekarang ini dan saya menyokonglah apa yang diberi pandangan oleh yang Berhormat bagi Parit Buntar, perkara ini baik.

Seperkara yang hari ini sudah dua, tiga tahun saya bercakap di Parlimen masalah tersebut iaitu pengorekan bahu-bahu jalan yang mana se dalam empat, lima kaki yang tidak ditimbus dalam masa sampai sebulan dan mengakibatkan aliran air hujan yang mana jalan itu dengan paras yang dikorek itu sama dan ini mengakibatkan walaupun kawalan trafik telah pun dibuat, cuma saya mengharapkan pada pihak kementerian supaya mengarahkan kepada kontrak-kontrak ini kalau dibuat lubang terus timbus supaya perkara ini dapat mengurangkan kemalangan. Terima kasih.

Datuk Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat kerana beberapa kali telah membangkitkan hal ini dan kita ambil tindakan serius apa yang dihuraikan tadi.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan Jawab Lisan telah tamat]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah;

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat di dalam Persidangan Parlimen memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang Ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak syukur dan terima kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima Parlimen yang Kesepuluh”

[18 Mac 2003]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat bagi Bintulu menyambung ucapan selama 9 minit lagi.

11.03 pagi

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung perbahasan.

Saya menceritakan senario ini kerana berasa hairan kenapa pengerusi atau CEO PBSB dilayan sedemikian rupa sedangkan PBSB merupakan salah sebuah agensi milik Kementerian Kewangan Malaysia atau *public listed company* dan bukannya milik mereka. Ini bolehlah dianggarkan menyalahgunakan wang atau kuasa yang ada pada mereka untuk kepentingan mereka sahaja, sedangkan kakitangan di bawah tidak dihiraukan akan kebajikan mereka. Lainlah jika PBSB ini milik mereka mungkin mereka boleh buat sesuka hati.

Saya juga ingin pihak terbabit memberi penjelasan terperinci terutamanya perbelanjaan yang telah CEO PBSB gunakan sejak beliau menjawat jawatan berkenaan hingga ke hari ini dan bagaimana perbelanjaan ini dikeluarkan, adakah perbelanjaan yang dikeluarkan kepada beliau benar-benar relevan untuk tujuan tugas rasmi PBSB?

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masalah ini akan berlarutan entah sampai bila, lantaran tidak ada tindakan daripada pengerusi atau CEO untuk menyelesaikannya? Saya memohon Timbalan Menteri Kewangan serta Menteri Pengangkutan campur tangan dalam menyelesaikan masalah ini daripada terus menindas kakitangan bahawa yang seolah-olah tidak berhak untuk bersuara kerana takut akan diambil tindakan oleh pihak PBSB dan juga ada sebahagian pegawai-pegawai PBSB akan tolong ketua pegawai eksekutif menutup masalah-masalah yang ada.

Saya merayu kepada kedua-dua menteri tadi, menyiasat serta memastikan sama ada apa yang saya ceritakan benar atau rekaan atau wujud unsur negatif atau rasuah di kalangan pegawai atasan ini sehingga mereka enggan menyelesaikan masalah ini sebaik mungkin serta terdapat perlakuan mereka yang ternyata menyalahgunakan kuasa dan jika cerita dan senario yang saya bangkitkan ini benar pada pendapat saya mereka ini terutamanya pengerusi dan CEO PBSB harus disingkirkan dari jawatan tersebut demi untuk menjaga imej Kerajaan Barisan Nasional.

Kalau kerajaan boleh melantik pegawai-pegawai yang lebih telus dan berkualiti untuk menerajui PBSB supaya prestasi dan imej bukan sahaja dapat dikekalkan bahkan dipertingkatkan lagi demi kebaikan ekonomi penduduk di Sarawak dan negara.

Buat masa ini Lembaga Pengarah PBSB hanya tiga orang. Saya percaya lembaga itu haruslah diperluaskan dengan penambahan tokoh-tokoh dari bidang perniagaan atau korporat. Melalui cara inilah PBSB baru mempunyai *business dynamic* dan benar-benar fokus daripada segi perancangan jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu dan memohon kepada Timbalan Menteri Kewangan dan Menteri Pengangkutan untuk bertindak secepat mungkin untuk memastikan masalah ini tidak membawa implikasi negatif kepada pengendalian operasi PBSB dan Kerajaan Barisan Nasional. Dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sepang.

11.09 pagi

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertua Agong.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini sebenarnya bukanlah tempat untuk menunjukkan siapa jaguh berpidato tetapi lebih daripada itu. Selama hampir 46 tahun kita merdeka, Dewan yang mulia ini telah menjadi saksi kepada segala perbincangan yang menentukan hala tuju pemerintahan negara yang berdaulat ini demi kesejahteraan, keamanan dan kemakmuran rakyat. Oleh itu peranan dan tanggungjawab ini harus difahami dengan sebenar-benarnya dan tidak dibazirkan dengan perkara yang merapu, tidak produktif dan mengelirukan.

Sebagai orang Melayu kita memang kaya dengan adat dan budi pekerti yang terpuji. Sejak daripada kecil lagi kita diajar supaya menghormati orang yang lebih tua dan juga pemimpin. Kalau kita mahu orang menghormati kita maka kita kenalah belajar menghormati orang lain kerana penghormatan itu diberi dan bukan dipaksa ke atas diri kita. Ajaran ini selari dengan tuntutan agama Islam yang suci.

Walaupun demikian pada hari Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sedang bertitah tempoh hari, saya mendapati seperti rakan-rakan yang lain di dalam Dewan yang mulia ini telah wujud unsur-unsur kurang sopan dari kumpulan di seberang sana, sudah mula menular kepada institusi Raja-Raja di negara ini... [Disorak]

Yang memalukan mereka ini bergelar Yang Berhormat tetapi tidak langsung mempunyai peribadi yang terhormat. Oleh itu, tidak salahlah kalau penyokong mereka pun berperibadi dan berperangai sedemikian rupa atau lebih buruk kerana ketua mereka sudah menunjukkan contoh yang patut diikuti.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan.

Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi: Ikut peraturan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Peraturan, peraturan, peraturan...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan mesyuarat Yang Berhormat.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan 36(9) berkaitan dengan Yang Berhormat sebentar tadi menyentuh kelakuan Ahli-ahli Parlimen. Jadi saya fikir ini adalah tidak sesuai dan mesti ditarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat jangan sentuh perkara itu Yang Berhormat tetapi bagi saya berpendapat kadang-kala ramai lagi Yang Berhormat menyentuh hal yang sedemikian rupa jadi hanya saya beri amaran jangan disentuh lagi, teruskan yang lain Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Baiklah Tuan Yang di-Pertua, kumpulan ini Tuan Yang di-Pertua.. [*Ahli-ahli pembangkang menyampuk*] Kalau berbohong, memfitnah dan mencaci bukan sahaja tidak sedar diri bahkan tidak kira tempat dan masa kerana amalan ini merupakan *survival* politik mereka. Tanpa isu-isu baru yang disediakan, dieksploitasi karier mereka semakin menjadi tidak relevan dan jiwa mereka akan menjadi lemah, layu dan lesu. Budaya negatif yang diamalkan mereka memberikan nafas baru apabila timbul isu-isu baru.

Di negeri Selangor Tuan Yang di-Pertua, bagi menjamin kemajuan dan kemakmurannya yang berterusan, kerajaan negeri di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mohd Khir Toyo sedang berusaha untuk menyingkir para pembangkang bagi mencapai status sifar pembangkang. Ini kerana kita mendapati bahawa kawasan yang diwakili pembangkang banyak meninggalkan janji-janji kosong. Ramai pengundi pada pilihan raya yang lalu telah menyesal kerana tertipu dan termakan dengan bermacam-macam janji kosong mereka.

Kini ada wakil rakyat pembangkang yang sudah mula takut nak turun ke kawasan mereka kerana dituntut janji oleh pengundi-pengundi tempatan. Keadaan ini menimbulkan banyak masalah kepada kerajaan negeri. Namun demikian, sudah menjadi amalan dan janji kita semua negeri di bawah pimpinan kerajaan Barisan Nasional akan tetap membela nasib rakyat walaupun di kawasan yang diwakili oleh pembangkang.

Ini terbukti di negeri Terengganu walaupun negeri Terengganu di perintah oleh kerajaan PAS, namun nasib rakyat tetap terbela melalui wang ehsan. Begitu juga dengan negeri Kelantan, Kerajaan Pusat tetap memberi bantuan kewangan pada setiap tahun melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan. Ini jelas membuktikan bahawa Kerajaan Barisan Nasional tidak pernah menzalimi rakyat, yang menzalimi rakyat adalah PAS.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: [*Ketawa*] PAS?

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: PAS dan Barisan Alternatif harus ingat dan sedar bahawa mereka menang di Terengganu dan menambah perwakilan di negeri-negeri lain bukan kerana mereka kuat tetapi hanya menangguh di air yang keruh.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Mana buktinya? Cakaplah mana buktinya?

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Air yang keruh tidak akan keruh selama-lamanya begitu juga air yang keruh yang sudah dirawat akan

menjadi jernih dan bersih oleh kerana cara merawatnya telah pun kami temui...
[Sorakan][Tepuk]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Yang di-Pertua, Islam adalah agama yang progresif dan boleh disesuaikan mengikut peredaran masa. Apa gunanya bermegah-megah dengan slogan 'Membangun bersama Islam' jika ianya hanya tinggal slogan sahaja.

Pemerintahan PAS di negeri Kelantan dan Terengganu jelas gagal mencipta impian sebuah negeri yang memerintah berpandukan hukum Islam malah tidak menampakkan kemajuan yang diharapkan langsung. Hukum hudud yang cuba diperkenalkan hanyalah gimik politik semata-mata kerana mengandungi banyak kelemahan dan kecacatan. Kalau benar hukum hudud Allah SWT, ianya sudah pasti penuh dengan kesempurnaan, keadilan dan kandungannya pula konsisten sama ada di Terengganu, Kelantan malah di mana sahaja di atas muka bumi Allah ini.

Tuan Wan Nik bin Wan Yussof: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa terlalu terhad saya tidak mahu diganggu.

Tuan Yang di-Pertua, di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan rakyat Malaysia dan kepada semua mereka yang terlibat dalam menganjurkan persidangan NAM baru-baru ini terutama kepada pihak keselamatan yang telah berjaya memastikan tiada insiden luar jangkaan berlaku. Kerjasama daripada semua pihak, semangat berpasukan dan rasa tanggungjawab mengikut kapasiti masing-masing yang wujud semasa hari persidangan banyak membuktikan suasana sebenar dalam negara kita dan bukan bersifat sementara sahaja. Suasana inilah yang ramai rakyat di luar negara sana cemburu, merindu dan impikan di negara mereka. Namun demikian, saya merasakan jika suasana aman dan damai berterusan, ia sebenarnya merisaukan pembangkang kerana mereka tidak boleh *survive* lagi dengan izin dalam keadaan ini. Mereka mendapat *mileage* atau keuntungan hanya kalau ada isu-isu kontroversi. Ini dapat kita lihat menjelang pilihan raya yang lalu apabila negara kita telah menjadi tuan rumah temasya Sukan Komanwel, daripada kesempatan itu dieksploitasi oleh pembangkang untuk memburuk-burukkan imej negara.

Sehubungan dengan semangat persidangan NAM, banyak pengajaran dan iktibar yang boleh kita ambil sebagai pedoman untuk mengukuhkan keharmonian dan perpaduan di negara kita. Misalnya, dalam isu Iraq, jika semua negara-negara Arab bersatu hati dan mengetepikan isu-isu sampingan, sudah tentu rancangan jahat Amerika Syarikat akan terbantut.

Begitu juga dengan kekejaman rejim Israel di Palestin. Jika Amerika Syarikat tidak memihak kepada rejim Israel, sudah tentu masalah di Palestin tidak berlarutan hingga sekarang. Semua masalah kritikal yang menjadi isu hangat perbincangan antarabangsa sekarang adalah melibatkan negara-negara Islam. Yang sedihnya, dalam krisis ini, yang menjadi mangsa kepada perbuatan jahat ini adalah orang-orang Islam. Orang-orang Islam di dunia sekarang sedang berada dalam keadaan yang tertekan. Tiada satu pun negara Islam dunia yang mempunyai kuasa veto untuk mengetepikan hasrat Amerika Syarikat untuk menyerang Iraq dan keganasan rejim Israel ke atas orang-orang Palestin.

Kesemua negara-negara yang mempunyai kuasa veto di PBB merupakan negara-negara bukan Islam. Ini bermakna nasib negara-negara Islam yang bermasalah adalah bergantung kepada ihsan negara-negara bukan Islam. Orang-orang Islam kini dilabel sebagai *terrorist* dan keadaan ini telah menimbulkan banyak masalah di peringkat antarabangsa.

Kenyataan dan keadaan ini harus disedari dan difahami dengan sebaik mungkin. Oleh itu, marilah kita semua perkukuhkan kekuatan yang sedia ada dan elakkan diri daripada menimbulkan sebarang masalah yang boleh melemahkan lagi kedudukan orang Islam di dunia ini. Walaupun umat Islam di dunia berjumlah 1/3 penduduk dunia, namun dengan masalah yang menyelubungi masyarakat Islam, kekuatan umat Islam sudah tergugat akibat daripada perpaduan dan kerjasama yang rapuh.

Tuan Yang di-Pertua, Allah s.w.t maha bijaksana dan maha mengetahui. Setiap niat baik dan buruk itu akan dibalas dengan ganjaran yang setimpal dengannya. Setahu saya, sembahyang hajat biasanya dikerjakan untuk memohon perkara-perkara yang baik tetapi, kalau niatnya adalah untuk membunuh masa depan anak bangsa, maka saya rasakan ianya tidak ubah seperti perbuatan musang berbulu ayam.

Islam menganjurkan supaya kita mencari kecemerlangan di dunia dan di akhirat dan bukan tertumpu hanya kepada satu sudut sahaja. Bagi mencari kecemerlangan di dunia, kita kenalalah pelajari ilmu duniawi seperti Matematik, Sains, Sejarah, Geografi dan lain-lain supaya segala kejadian alam dan ciptaan di bumi boleh dikaitkan dengan kekuasaan dan kebesaran Ilahi. Mendedahkan anak-anak bangsa kepada persekitaran persekolahan dan kemudahan yang serba kekurangan, keadaan yang tidak *hygienic* yang diajar oleh guru yang tidak terlatih dan mendoktrinkan kebencian kepada pemerintah merupakan satu jenayah yang sangat terkutuk.

Kelmarin, Yang Berhormat Menteri Pendidikan Malaysia telah dengan panjang lebar menjelaskan dua sebab utama kerajaan membuat keputusan menarik balik per kapita kepada SAR yang telah banyak dipolitikkan oleh pembangkang. Sebenarnya, tindakan kerajaan akan menguntungkan dan menyelamatkan masa depan anak bangsa daripada tercicir dari arus pembangunan di masa depan. Mengikut statistik yang diberikan, prestasi dan pencapaian anak bangsa di SAR tidak langsung memberangsangkan, malah mungkin menjadi lebih teruk lagi jika mereka tidak berhijrah ke sekolah bantuan kerajaan sama ada agama atau kebangsaan.

Memang jelas bahawa tanggapan pembangkang dalam isu SAR sungguh meleset dan sengaja diselewengkan untuk kepentingan politik mereka. Memang tidak benar sama sekali dakwaan mereka bahawa kerajaan membenci sekolah agama. Malahan kalau dikaji sejak selepas merdeka, Kerajaan Barisan Nasional yang mengorak langkah dalam memperbaiki dan memperjuangkan kegemilangan sekolah agama dalam negara ini. Ini terbukti dengan wujudnya beberapa sekolah agama bantuan kerajaan dan di peringkat negeri.

Kerajaan Barisan Nasional yang terkenal dengan tradisi membela rakyat, memang berusaha keras untuk membaiki segala kepincangan dalam sistem Sekolah Agama Rakyat agar semua anak bangsa tidak ketinggalan daripada mendapat pendidikan agama yang lebih sempurna, yang mampu menjamin masa depan mereka tetapi niat murni kerajaan ini selalu disalahtafsirkan dan diselewengkan oleh pembangkang terutama PAS untuk *survival* politik mereka. Kebetulan pula, isu ini bersangkutan dengan agama, maka makin kreatiflah mereka dalam membohongi dan mengelirukan rakyat dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, pencapaian anak-anak kita melalui keputusan peperiksaan UPSR, PMR dan SPM menunjukkan peningkatan yang membanggakan setiap tahun. Namun demikian, bagi lepasan UPSR, PMR yang cemerlang, tidak semua yang berpeluang masuk ke sekolah berasrama penuh. Bagi menjamin pendidikan yang berkualiti khususnya kepada anak-anak bumiputera yang cemerlang, saya ingin mencadangkan supaya lebih banyak sekolah-sekolah berasrama penuh diwujudkan. Cara ini akan mempercepatkan proses meningkatkan ekonomi bumiputera dan mengurangkan kemiskinan di negara ini yang berada pada kadar 6.5% setakat 1999.

Bagi kemasukan ke IPTA, Kementerian Pendidikan mengesahkan akan memberikan keutamaan kepada lulusan STPM dan Matrikulasi disebabkan pelajar ini lebih matang dari segi pemikiran, bertanggungjawab dan proaktif. Sehubungan dengan keputusan ini, Kementerian Pendidikan telah mengurangkan hampir 40% ataupun 9,143 tempat bagi para pelajar yang mengikuti Program Diploma.

Pelajar diploma juga tidak diutamakan untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi kerana mereka senang mendapat pekerjaan. Memandangkan di Parlimen Sepang, hanya terdapat sebuah sekolah sahaja daripada tujuh buah sekolah menengah yang menawarkan Tingkatan Enam, maka banyak lulusan SPM yang sederhana, yang gagal untuk masuk ke IPTA telah hilang hala tuju sedangkan mereka layak meneruskan pengajian ke Tingkatan Enam.

Tuan Yang di-Pertua, yang ada sekolah ini pun terlalu jauh dan menimbulkan masalah pengangkutan. Saya berharap agar pihak Kementerian Pendidikan

menimbangkan masalah ini dengan mengadakan penggredan sekolah yang wajar mengadakan kelas Tingkatan Enam.

Bagi melahirkan seorang doktor yang terlatih, seorang pelajar perubatan harus melalui enam tahun pengajian di universiti, diikuti dengan setahun bekerja sebagai doktor pelatih atau *housemanship* dengan izin. Dalam tempoh inilah, doktor pelatih didedahkan dengan segala aspek kerja-kerja di hospital dan merawat jenis-jenis penyakit dan pesakit.

Malangnya di negara ini, pengurusan sistem *housemanship* dengan izin, dilaporkan tidaklah menyenangkan. Ramai daripada doktor-doktor pelatih disebabkan dibebani dengan kerja-kerja yang berlebihan sehingga terpaksa bekerja 36 jam terus-menerus tanpa sebarang rehat. Perkara ini berlaku di hospital-hospital di seluruh negara dari dahulu hinggalah ke hari ini. Ini dapat disahkan oleh doktor-doktor senior yang masih ada sekarang. Sistem penderaan yang dikatakan ini bermula di kalangan pelatih baru atau *junior* dengan izin, dan di peringkat menentukan jadual *on call* di mana pelatih akan diberikan jadual *on call* dengan izin yang lebih daripada pelatih senior yang sudah pasti tidak ada jadual *on call* pada hujung minggu untuk mereka. Begitulah yang seterusnya yang berlaku mengikut hierarki pengurusan.

Jurusan perubatan merupakan bidang yang sangat mencabar kerana melibatkan nyawa manusia. Oleh itu, keadaan fizikal dan mental yang cergas amat penting dalam memastikan tiada kesilapan berlaku. Di Republik Ireland, satu undang-undang telah digubal bagi mengelakkan seorang yang telah bekerja *on call* dengan izin, semalaman daripada bekerja keesokan harinya. Ini berekoran dari satu insiden di mana doktor yang melakukan tugas *on call* pada malam sebelumnya memberi ubat yang salah kepada pesakit lantaran menyebabkan kematian.

Saya percaya pihak pengurusan hospital tidak mahu insiden seperti ini berlaku. Kekurangan doktor tidak boleh dijadikan alasan kerana banyak cara penyelesaian yang dapat dilakukan. Membebani doktor pelatih dengan pelbagai tugas dan jadual kerja bukanlah cara yang bijak untuk melatih tetapi mengundang insiden yang tidak diingini berlaku. Mengapa perlu mengejar Piawaian ISO 9000 apabila kebajikan pekerja terabai?

Melalui sistem yang ada sekarang, kebanyakan doktor pelatih menganggap pengalaman semasa *housemanship* sebagai satu pengalaman yang pahit dan yang amat menyedihkan. Kebanyakan doktor pelatih juga takut untuk menyuarakan masalah mereka kerana takut tempoh *housemanship* mereka dilanjutkan. Akibat daripada tekanan kerja yang tinggi, saya diberitahu ramai doktor pelatih yang menyesal memasuki bidang kedokteran dan hanya meneruskan karier kerana tiada pilihan lain dan bukan lagi kerana cita-cita murni untuk membantu pesakit.

Oleh kerana kerajaan kita telah membelanjakan banyak wang dalam mengeluarkan pakar-pakar perubatan bagi keperluan negara sekarang dan masa depan. Tambahan pula, bidang kedokteran ini memerlukan kecergasan dari segi fizikal dan mental yang baik, maka saya memohon Kementerian Kesihatan untuk menyiasat perkara ini bagi memastikan keadaan ini akan dapat dibaiki di masa terdekat. Saya ingin mencadangkan bagi peringkat awal supaya mereka, doktor-doktor yang digelar sebagai pelatih ini, tidak terkejut dihadkan kepada 24 jam dahulu, berehat sejam, dua jam dan disambung lapan jam kemudiannya, dan selepas 32 jam bekerja, mereka berehat sebelum mula bekerja keesokan harinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Boleh gulunglah.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya hendak gulung ini. Amatlah merugikan negara jika perkara ini menjadi sebab pelajar-pelajar kita memilih bidang lain di masa hadapan.

Terakhir ini Tuan Yang di-Pertua. Dakwaan surau dirobuhkan oleh Jabatan Agama Islam oleh PAS merupakan satu lagi pembohongan dan tuduhan liar yang tidak berasas berhubung isu ini.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Cukup!

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Saya ingin menambah dan memperkukuhkan penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat bagi Kuala Langat semalam, sebab ramai daripada Yang Berhormat di sebelah sana tidak ada dalam Dewan. Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, tiada surau yang dirobuhkan. Cuma, dinding-dinding yang memagari kawasan lapang di bawah rumah pangsapuri sahaja yang dibuka. Isu ini kecil tetapi oleh kerana penglibatan PAS, ianya telah dijajakan ke seluruh negara.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Cukup!

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Dalam menghadapi kes ini, pihak JAIS telah berurusan mengikut prosedur dan penuh berhemah untuk mengelakkan dari sebarang kejadian yang merugikan umat Islam. Saya mempunyai bukti-bukti kronologi dan ianya memang ditaja dan didalangi oleh PAS. Surau Jubli Perak terletak di tingkat bawah bangunan Pangsapuri PKNS, Bandar Baru Bangi. Pada tahun 1990, PKNS telah memberi kebenaran, sebenarnya sementara dijadikan surau atas permintaan penduduk tempatan. Lima tahun kemudian, pada 6 November 1995, Majlis Agama Islam Selangor telah meluluskan permohonan sembahyang Jumaat di surau ini. Secara sementara juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: ...bagi menunggu masjid Bandar Baru Bangi Siap.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *[Menyampuk]*

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Alhamdulillah, selepas dua tahun pada pertengahan bulan Ogos 1998, Masjid Al-Hasanah....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak payah sebut sejarah. *[Dewan gamat seketika].*

Beberapa Ahli: Masa cukup, masa cukup.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan beroperasinya Masjid Al-Hasanah yang baru dibina, telah menarik ramai orang datang. Jadi, tidak ada sebablah pihak parti pembangkang menimbulkan isu terutamanya Yang Berhormat bagi Parit Buntar, dekat atau jauh dari masjid sepatutnya tidak timbul. Dalam kita mengejar atau mencari keredaan Allah s.w.t kalau kerana tidak dengan ganjaran yang dikaitkan dengan ini, maka tidak akan ada hadis Nabi S.A.W yang berhubung dengan jarak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.....

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin:masjid dengan tempat tinggal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Kalau semua masjid hendak dibina dekat dengan rumah, maka beribu-ribu surau dan masjid terpaksa dibina.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, cukuplah.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: *Last, last* Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua.....

Seorang Ahli: *Last.*

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Umat Nabi Muhammad S.A.W, umurnya tidaklah sepanjang umat nabi-nabi dan rasul terdahulu. Maka sebab itulah, ganjaran demi ganjaran dijanjikan oleh Allah kepada umat Nabi Muhammad.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.....

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Sakit telinga ya?

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Tidak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Parit Buntar.

11.30 pagi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh hanya beberapa perkara sahaja kerana masa yang tidak mengizinkan, pertama sekali ialah tentang satu laporan yang kita terima yang merupakan pada saya adalah pengumuman maklumat yang memeranjatkan banyak pihak iaitu mengenai penguasaan, kebolehan menguasai ilmu fardu ain di kalangan pelajar-pelajar Islam sama ada di sekolah-sekolah rendah ataupun di sekolah menengah.

Pada satu sidang akhbar yang dibuat oleh Ketua Pengarah Pendidikan menyebutkan keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2002 menunjukkan peratus lulus kertas Pendidikan Islam merosot. Sebab-sebab kemerosotan itu masih sama seperti SPM 2001 iaitu cetek pengetahuan mengenai pelajaran fardu ain. Di samping lagi ini termasuklah tidak tahu cara-cara mandi wajib sama seperti yang diberitahu oleh Ketua Pengarah Pendidikan Dato' Abdul Rafie Mahat ketika mengumumkan keputusan SPM 2001. Kemudian kita dapati Tuan Yang di-Pertua, bahawa kenyataan mengenai kegagalan pelajar-pelajar menguasai ilmu fardu ain ini bertambah meruncing daripada hari ke hari kalau kita lihat dari segi amalan, sebab ilmu fardu ain ini Tuan Yang di-Pertua ialah ilmu asas mengenai agama Islam yang perlu dikuasai daripada kecil sampailah dewasa kerana ilmu inilah yang akan menunjangi, yang akan meletakkan seseorang itu menjadi Muslim yang dapat mengamalkan agama dan seterusnya menjadi Muslim yang baik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini saya ingin mengulas sedikit tentang maklumat yang terakhir, yang kita terima tentang fardu ain ini didapati bahawa kegagalan anak-anak kita menguasai ilmu fardu ain ini menjadi sebab sebenarnya, mereka tidak cenderung mengamalkan agama. Bagaimana mereka hendak mengamalkan agama sembahyang misalnya dan amalan-amalan harian yang lain. Mereka tidak dapat menjalankannya, mempraktikkannya disebabkan ilmu dan kalau ada ilmu pun tidak ada amalan-amalan. Maknanya ilmu-ilmu amali tidak diberikan kepada mereka. Ini menyebabkan Tuan Yang di-Pertua, tanpa ilmu fardu ain ini di mana kita hendak sangkutkan misalnya budi pekerti yang baik, tetapi tidak ada ilmu fardu ain, seorang individu, seorang pelajar sama ada sekolah rendah atau sekolah menengah bagaimana kita hendak mendidik mereka mempunyai budi pekerti yang baik, kalau asasnya iaitu fardu ain tidak ada. Bagaimana misalnya kita hendak melahirkan akhlak mulia, melahirkan sifat yang berpada-pada atau kanaah, jujur ikhlas, sabar, taat kepada Allah dan sebagainya.

Ini adalah merupakan perkara-perkara yang kita hendak dari segi akhlak yang mesti ditunjukkan oleh anak-anak, dan keseluruhannya ini adalah bersangkutan kepada satu ilmu yang namanya ilmu fardu ain. Dalam hal ini saya tidak tahu sebenarnya, pihak kementerian hendak mengadakan satu program namanya program gerak gempur ilmu fardu ain. Sebenarnya program gerak gempur ini sudah disebut beberapa tahun yang lalu bahkan berbelas tahun yang lalu tetapi *net result* nya keputusan akhirnya tetap daripada tahun ke tahun sebagaimana laporan yang kita baca penguasaan fardu ain ini semakin menurun dan semakin menurun. Dengan sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya fikir di antara sebab penurunan ini sebagaimana yang selalu disebutkan oleh kerana latihan gurunya, oleh kerana kurikulumnya, oleh kerana peralatan mengajarnya, teknologi mengajarnya yang lemah, bahan pembelajarannya yang tidak dapat disesuaikan dengan kehendak masa, suasana pembelajaran dan sebagainya. Ini adalah di antara perkara-perkara yang menyebabkan mereka tidak dapat menguasai ilmu fardu ain.

Selain daripada itu persekitaran. Saya ingin menyebut tentang persekitaran ini. Persekitaran yang ada di sekeliling masyarakat ini bukan persekitaran mesra kepada pelajar, mesra kepada anak-anak kecil, mesra kepada anak-anak muda, sebagaimana yang kita sebutkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita akan membincangkan dengan Akta Hiburan (Pindaan) dalam minggu hadapan barangkali iaitu anak-anak kita ini dibelenggu oleh satu budaya yang kita lahirkan secara sedar

atau tidak sedar, budaya hedonistik ini, budaya yang mengejar kepada hiburan yang tidak terbatas. Kalau dapat kita lihat di TV, rancangan-rancangan TV yang mana dapat membentuk minda, yang mana dapat membentuk hati dan kita telah mengemukakan sedikit statistik yang dahulu dalam ucapan-ucapan yang lepas Tuan Yang di-Pertua, bahawa penonjolan program-program yang membina akhlak, penonjolan program-program yang bercorak agama sama ada TV1, TV2, TV3, ntv7 dan ASTRO boleh dikatakan setengah-setengahnya hampir tidak ada langsung. Inilah yang ditonton oleh anak-anak kita pagi petang, siang dan malam.

Maka mereka berlayarlah atau mereka berlabuhlah, maka mereka tertipu dalam hidup mereka dengan gaya kehidupan yang kebanyakannya gaya kehidupan itu tidak bersesuaian dan selari dengan kehendak agama. Sebab itu saya mencadangkan supaya diadakan satu kajian khas bertaraf suruhanjaya barangkali, khusus untuk meneliti permasalahan pengharapan, kebolehan anak-anak kita menguasai ilmu fardu ain ini. Sangat penting, kita tidak boleh bercakap gerak gempur demi gerak gempur, soal agama ini tidak boleh digerak gempur begitu sahaja dan kita tahu bahawa dari segi ilmu fardu ain ini, di antara pelajar-pelajar yang boleh menggarap dengan baik dan kita boleh membuat latihan, kita boleh membuat intiha dan kita boleh test tentang ini di antara pelajar SAR. Pelajar-pelajar SAR sudah pasti mempunyai kebolehan menggarap ilmu fardu ain dan ilmu fardu kifayah yang jauh lebih baik daripada pelajar-pelajar aliran kebangsaan.

Sebab itu saya ingin sekali lagi menyebutkan Tuan Yang di-Pertua supaya kita dapat memikirkan bagaimana segera ditubuhkan satu suruhanjaya untuk mengkaji, bahkan lebih penting daripada jawatankuasa untuk mengkaji SAR yang dipengerusikan oleh Bekas Ketua Pengarah Pendidikan. Ini lagi penting sebenarnya sebab ini merupakan dasar, inilah merupakan jalan, inilah yang merupakan lorong bagi kita membina generasi yang akan datang dengan bertamadun dan tamadun mereka tidak lain dan tidak bukan, tamadun yang beriman, bertakwa, beramal soleh, tamadun yang dapat menentukan insya-Allah kehidupan dengan sifat daya jati diri yang tinggi, daya juang yang tinggi, daya tahan yang tinggi dengan agama yang disandarkan melalui fardu ain itu diletakkan di hadapan.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, ialah soal kenyataan-kenyataan daripada Perdana Menteri. Saya hendak menyebut tentang kenyataan. Banyak kenyataan yang merupakan *sweeping statement*, yang *bizarre*. yang nampaknya *weird*. Misalnya saya hendak menyebutkan baru-baru ini dalam satu temu ramah yang dibuat, yang kita baca dan disebarkan di seluruh negara temu ramah tersebut ialah tentang keengganan, ketidakminatan daripada orang-orang yang bukan Melayu, bukan Islam untuk menghantar anak-anak ke sekolah aliran kebangsaan disebabkan oleh kerana dikatakan oleh Dr. Mahathir bahawa sekolah kebangsaan lebih mencerminkan sekolah Melayu Islam. Alasan yang diberikan ialah kononnya pengurus-pengurus sekolah kebangsaan daripada peringkat kementerian sampailah ke peringkat sekolah terlalu menonjolkan imej Melayu dan Islam.

Dari segi pakaian disebutkan, pakaian yang sepatutnya dibebaskan pakaian, budak-budak sekolah rendah atau budak-budak sekolah menengah agaknya sepatutnya dibebaskan berpakaian, mengapa mesti berseluar panjang, itu dipersoalkan.

Kenapa pelajar-pelajar perempuan misalnya mesti disekat daripada memakai skirt, itu dijadikan alasan. Kononnya ini menjadi perkara-perkara yang menyebabkan orang-orang Cina terutamanya, orang India juga diikuti takut untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah aliran kebangsaan. Sebab aliran kebangsaan itu dianggap sebagai sekolah Melayu Islam.

Saya hendak menyebutkan Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya perkara ini adalah timbul daripada kronologi aliran sejarah tahun 1960-an, tahun 1970-an umpamanya, dengan gerakan-gerakan Islam yang kuat, dengan teman-teman yang menganggotai badan-badan seperti ABIM, seperti JIM, seperti parti kita sendiri PAS yang sebahagiannya bertujuan untuk berdakwah untuk mengembangkan agama. Kita dapati aliran ini sudah mengubah fikiran ibu bapa, sudah mengubah pandangan ibu bapa, sudah mengubah pendudukan minda ibu bapa.

Kalau dahulu mereka tidak teringat, tidak terfikir untuk menurut secara yang paling minimum peraturan-peraturan Islam dalam kehidupan harian, kini mereka telah memujuk anak-anak mereka supaya datang ke sekolah menutup aurat, supaya datang

ke sekolah menggambarkan bahawa mereka adalah di antara anak-anak yang memiliki peribadi-peribadi yang sesuai dengan kehendak peribadi yang diinginkan oleh Allah S.W.T. Maka dengan itu kita dapati sekolah-sekolah pun *alhamdulillah* memberi ruang dan saya tidak pernah melihat, tidak pernah mendengar ada di antara guru-guru, ada di antara ibu bapa merasa tercabar dengan keterbukaan peringkat pihak sekolah, dengan keterbukaan pegawai-pegawai kementerian, dengan keterbukaan manusia-manusia yang mengurus sekolah ini daripada memberikan ruang kepada mereka mempraktikkan agama. Paling tidaknya dalam amalan berpakaian, dalam amalan membaca doa, dalam amalan menghormati guru, dalam amalan menjaga amalan-amalan yang memisahkan di antara lelaki dan perempuan. Amalan-amalan akhlak yang mesti dituruti oleh mereka tetapi bagi Perdana Menteri nampaknya ini sudah disalahartikan dengan cara yang ganjil *weird* sekali, dikatakan ini adalah di antara penyebabnya kenapa aliran kebangsaan gagal membentuk semangat perpaduan di kalangan rakyat.

Saya hendak menyebutkan semangat perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua bukan timbul daripada sekolah itu. Saya dapat memberikan contoh-contoh sekolah, tetapi dalam keadaan yang tidak mengizinkan begini tidak dapat saya memberikan contoh-contoh sekolah. Saya ada nama-nama sekolah daripada awal-awal lagi sekolah jenis kebangsaan, sekolah Cina dan sekolah India tidak ada masalah dalam mempraktikkan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan pakaian, yang berkaitan dengan akhlak yang sesuai dengan mana-mana agama iaitu akhlak yang luhur. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan tentang masalah perpaduan ini Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana ada halangan budaya yang tidak dapat dikikis sebenarnya daripada masyarakat, daripada kecil lagi kita duduk bersebelahan dengan orang Cina, bersebelahan dengan orang India, 20 tahun mana ada di antara kita sama ada orang Melayu ataupun Cina yang duduk bersebelahan ingin mengetahui budaya, ingin mendalami budaya, ingin mengetahui paling tidaknya sebahagian daripada budaya itu ialah *language* ataupun bahasa.

Kita duduk kadang-kadang sampai 20 tahun berjiran dengan orang Cina mana ada kita menguasai pertuturan Cina, bahasa Cina satu perkataan pun tidak mampu dan begitulah kita meletakkan struktur budaya begitu, dinding budaya masing-masing yang menyekat saya rasa aliran perpaduan ini. Kemudian itu halangan pencapaian ekonomi pun sudah banyak disebutkan dan saya tidak mahu mengulas, halangan *geographical locality* di antara bandar dan luar bandar, tetapi yang saya hendak sebutkan sedikit Tuan Yang di-Pertua ialah halangan-halangan yang kita letakkan di hadapan kita inilah yang menjadi model diikuti dalam kepala oleh anak-anak kita bercakap tentang perpaduan. Misalnya tentang menganaktirikan pembangkang. Sebagai Ahli Parlimen, sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri, sebagai Ahli Parlimen di Parit Buntar saya tidak boleh pergi ke sekolah, tidak boleh pergi menghadiri PIBG, tidak boleh, kita membuat beberapa permohonan untuk menggunakan, misalnya teman-teman hendak menggunakan padang sekolah untuk kita mengadakan sukan sama ada menubuhkan sepasukan bola dan sebagainya, permainan bola tidak dibenarkan, semata-mata kerana kita adalah pembangkang.

Padang bola tidak boleh digunakan, padang orang ramai tidak boleh digunakan, balai raya tidak boleh digunakan, dewan orang ramai tidak boleh digunakan, masjid, surau tidak boleh digunakan hatta untuk membincangkan perkara-perkara yang berkait langsung dengan kemaslahatan masyarakat. Kalau ini diletakkan kepada anak-anak kita dan anak-anak kita mengetahui tentang ini, bagaimana kita hendak menceritakan tentang perpaduan, di peringkat yang tinggi pun sebenarnya kita tidak memberikan harga kepada nilai perpaduan itu.

Kemudian mesyuarat, saya hendak menyebutkan mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: *[Bangun]*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat ada dua Ahli-ahli Yang Berhormat bangun.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Masa tidak ada nantilah Yang Berhormat, mesyuarat Ketua Menteri dan Menteri Besar..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tebrau bangun

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Kita, seluruh Menteri Besar, mesyuarat berlaku secara *regular* tetapi dua Menteri Besar yang sentiasa diketepikan, Menteri Besar Kelantan dan Menteri Besar Terengganu. Atas dasar apa mereka tidak dijemput, atas dasar apa mereka tidak boleh menghadiri mesyuarat-mesyuarat yang sedemikian, yang sebenarnya pokok perbincangan mesyuarat itu tidak lari daripada bidang tugas, *responsibility* dan *accountability* mana-mana Menteri Besar di Malaysia ini. Misalnya saya mengambil contoh lagi Kementerian Penerangan tidak pernah pun memberikan satu ruang hatta hendak mengucapkan Selamat Hari Raya, Selamat Tahun Baru, selamat menyambut 1 Muharam misalnya daripada Menteri Besar diberikan sedikit ruang sama ada di TV, sama ada di radio.

Mereka Menteri Besar, mereka adalah merupakan Ketua Eksekutif, mereka adalah tonggak kepada pimpinan tetapi tidak diberikan peluang untuk mereka memberikan sesuatu, untuk mereka mengucapkan sesuatu kepada rakyat yang mereka pimpin. Ini adalah contoh-contoh, banyak lagi sebenarnya kalau dihuraiakan, teman-teman saya boleh menghuraikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak ada masa minta maaf dalam 20 minit ini saya tidak ada masa banyak lagi masa nanti, waktu Yang Berhormat menjawab nanti kita boleh berinteraksi insya-Allah, mungkin mulai besok sampai ke hari Isnin. Akhirnya ada dua lagi saya hendak menyebut Yang Berhormat ini tentang amalan rasuah. Saya tertarik dengan ucapan daripada Timbalan Perdana Menteri supaya kita bebas daripada rasuah adalah antara ciri utama yang perlu ada pada setiap ahli politik selain kejujuran, keikhlasan dan kuat kerja kata Pemangku Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi semasa berucap di hadapan kira-kira 500 orang Ahli Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia.

Saya rasa pandangan atau komitmen itu sangat saya hargai tetapi saya hendak tanya kepada seorang manusia yang telah dilaporkan rasuah sudah bertahun, sudah dijawab dalam Parlimen bila saya tanyakan Mac 2002. Apa jawapannya? Siasatan Badan Pencegah Rasuah terhadap aduan-aduan yang dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor sekarang ini masih lagi diteruskan. Saya hendak tahu dan mesti hendak dapatkan jawapan. Apa jadi? Rakyat Selangor tertanya-tanya, rakyat Malaysia tertanya-tanya.

Kalau misalnya hal rasuah melibatkan pegawai-pegawai kerajaan yang saya ingat baru-baru ini disebutkan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, kononnya ada pegawai kerajaan di Kelantan terlibat dalam rasuah. Malam itu dapat tahu, esoknya dititahkan supaya pegawai-pegawai di Bukit Aman turun ke Kelantan untuk mencari akar umbinya di mana rasuah berlaku tetapi laporan polis demi laporan polis, saya hendak minta Kementerian Dalam Negeri menyatakan berapa banyak laporan polis, paling tidak tahun 2001, 2002 yang telah dibuat, yang tidak diambil tindakan, terutama laporan polis yang dibuat oleh pihak pembangkang.

Saya rasa tidak tahulah, kita sendiri di kawasan kita sama ada di Parit Buntar ataupun di Tanjung Karang dan sebagainya kita buat laporan polis demi laporan polis. Laporan polis yang terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua yang kita buat ialah tentang Ahli Parlimen bagi Tanjung Karang yang menggunakan sekolah sebagai tempat berpolitik. Anak-anak kita di sekolah dibekalkan dengan satu kalendar yang seluruhnya... [Menunjukkan sekeping kalendar] Ini ialah aktiviti-aktiviti dari Ahli Parlimen bagi Tanjung Karang yang kebetulannya Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri. Ini diberikan kepada pelajar-pelajar sekolah di Sekolah Kebangsaan Sungai Sirih, Sekolah Kebangsaan Sungai Burung, Sekolah Kebangsaan Seri Tiram, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Desa, Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Burung, Sekolah Menengah Kebangsaan Datuk Haron, SKM Tanjung Karang...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, Tuan Yang di-Pertua, kita buat kenyataan polis, kita sudah buat laporan polis. Saya hanya hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua, apa kedudukannya? Kita buat laporan polis pada 30 Januari 2003. Saya hendak tahu apa kedudukannya. Dan bukan itu sahaja, terlalu banyak lagi. Saya pun tidak mahu menjelaskannya di sini kerana masa tidak mengizinkan. Banyak lagi sebenarnya perkara-perkara yang seperti ini yang berlaku tetapi Tuan Yang di-Pertua kita pun tidak ada masa sebenarnya untuk kita bincangkan dengan lebih lanjut perkara yang sedemikian.

Yang akhirnya Tuan Yang di-Pertua ialah tentang alam sekitar ini. Saya sangat bimbang sebenarnya khazanah kekuatan negara kita ini, iaitu alam sekitar yang melibatkan pokok-pokok, yang melibatkan tanah tinggi, yang melibatkan air sebagaimana yang dijawab oleh Timbalan Menteri dalam Soal Jawab tadi tentang permasalahan alam sekitar ini. Saya hendak tahu tentang pengawasan alam sekitar yang juga terdapat di Tebrau iaitu namanya Bandar Terapung, JB Waterfront City, 47 hektar, ruang untuk disewa 400 ribu kaki persegi, 1,600 unit kondominium akan didirikan dan kosnya menelan RM6 bilion tetapi akhir-akhir ini entah bagaimana projek mega itu di *shelved*, diketepikan atas dasar ia merosakkan pandangan.....

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak izinkan, saya tidak izinkan kerana tidak ada masa. Saya tidak izinkan.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat...

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya minta tarik balik perkataan "bodoh". Saya....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [*Bangun*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [*Bangun*]

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Tarik balik! Tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak minta Tuan Yang di-Pertua, dia menarik balik perkataan "bodoh" itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, tidak perlu Yang Berhormat.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: "Bodoh" itu tarik balik!

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya minta dia menarik balik perkataan "bodoh" itu.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: "Bodoh" tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia bukan rujuk kepada orang, dia kata *report* itu.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: *Report* itu ditarik balik, perkataan "bodoh" tidak boleh digunakan dalam Parlimen!.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tetapi tidak elok juga, Yang Berhormat...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tidak, dia gunakan perkataan "bodoh"! Perkataan "bodoh"! Perkataan "bodoh"!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Perkataan "bodoh" mana boleh guna dalam Parlimen.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik! Saya minta dia menarik balik perkataan itu!.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, sama ada pandai atau bodoh, itu lain cerita, tetapi sebenarnya Yang Berhormat tidak perlu mengatakan demikian kerana Peraturan Mesyuarat perlu dipatuhi.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Sebab dia tuduh saya! *This is not fair!* Dia tuduh saya, kalendar itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat., Yang Berhormat....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Ini saya punya *floor*, Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, semua duduk!

[Dewan gamat seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, baik semua duduk, semua duduk. Yang Berhormat, bukan pada masa, saat untuk Yang Berhormat keluarkan sesuatu. Kita ada Peraturan Mesyuarat.

Seorang Ahli: Seorang-seoranglah! Tidak sabar!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat sedang berucap, jadi kalau hendak tegur, memerlukan kebenaran dari Tuan Yang di-Pertua di sini. Baik, Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Sekejap, sekejap! Saya hendak gulung. Takkan tidak boleh gulung, Tuan Yang di-Pertua? Orang lain gulung diberikan berminit-minit, saya tidak boleh bergulung. Dan ada orang ganggu saya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Satu minit, satu minit, satu minit.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat bimbang tentang penjagaan alam sekitar ini Tuan Yang di-Pertua. Saya sangat-sangat bimbang kerana inilah khazanah untuk generasi yang akan datang. Sebab itu apa yang saya sebutkan JB Waterfront City ini, saya hendak tahu daripada Kementerian Teknologi dan Alam Sekitar. Sudah kah betul-betul dibuat EIA terlebih dahulu? Sebab Menteri Besar Johor mengatakan projek itu di *shelved* untuk menentukan ia mesra alam. Maknanya waktu projek itu difikirkan atau dirancang dan telah pun dijalankan, tidakkah masalah alam sekitar ini diambil kira? Dan saya takut projek ini juga sama dengan projek misalnya *incinerator* di Semenyih dan Broga di mana projek itu dijalankan di *bulldoze* begitu sahaja tanpa mendapat kelulusan dahulu daripada Jabatan Alam Sekitar melalui kajian EIA.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sudahlah, cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Jadi saya harap Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan sedikit celahan saya dalam Ucapan Diraja ini memberikan kebaikan kepada kita semua. Terima kasih.

[Beberapa Ahli Yang Berhormat bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Tebrau.

11.51 pagi.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan [Tebrau]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Memang tepat pilihan Tuan Yang di-Pertua kerana saya bercakap tidak lama, hanya 20 minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga harap Ahli-Ahli Yang Berhormat yang lain jangan kacau saya kerana masa tidak mengizinkan. Saya ahli UMNO dan Parti Barisan Nasional yang memerintah. Saya bercakap mesti mempertahankan UMNO dan

kerajaan, begitu juga kepada pembangkang. Dia akan bercakap untuk pembangkang dan memuji partinya sahaja. Jadi kali ini giliran saya mempertahankan UMNO dan juga kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin turut bersama mengambil bahagian dalam perbahasan untuk Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Perasmian Pembukaan Penggal Kelima Parlimen Kesepuluh pada 10 Mac yang lalu.

Dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh dalam semua aspek, antaranya ialah masalah keganasan yang boleh mengancam keselamatan umat manusia. Baginda memuji tindakan yang diambil oleh kerajaan atas mereka yang boleh mengancam keselamatan negara dan orang ramai.

Baginda juga telah menyentuh dalam masalah ekonomi negara yang telah berkembang dengan kukuh dan baik dalam suasana negara yang tidak menentu. Eksport meningkat termasuk membangunkan Malaysia sebagai pusat eksport bagi produk halal.

Masalah pertanian, perikanan, penternakan juga disentuh oleh Baginda dalam titahnya.

Pihak pembangkang dari mula Dewan ini bersidang pada tahun 1999 hingga hari ini di Dewan, main lagu dan kaset lama. Banyak cerita lama dibangkitkan balik seperti PERWAJA, kes minyak, kes itu, kes ini, menuduh orang, dipusingkan balik dan dimainkan lagi cerita yang sama juga. Padahal ada yang telah diambil tindakan dan ada dalam kes mahkamah.

Pembangkang pun ada buat salah, sama-sama ada salah. Dari dahulu hingga sekarang parti PAS tetap dengan caranya yang putar belit, mengelirukan hanya berpendapat bahawa parti PAS sahaja yang betul, apa dibuat orang lain semuanya tidak betul. Kalau Kerajaan PAS buat salah dan tidak betul, dia kata betul juga. Apa hal dengan negeri di Kelantan dan Terengganu yang diperintah oleh PAS? Banyak berlaku jenayah, moral, akhlak rendah, baru-baru ini cerita merotan murid. Kenapa tidak disebut?

Masalah menuduh Kerajaan Barisan Nasional tidak adil dalam masalah jenayah, masalah akhlak, banyak berlakunya pergaduhan dan rompak. Banyak kerajaan buat tetapi tidak dipuji oleh pihak pembangkang. Negara Malaysia semakin lama rakyat bertambah ramai, banyak bangsa, banyak agama, pelbagai sifat, tentulah Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua susah hendak menjaganya.

Tuduhan kerajaan hendak menghapuskan sekolah agama, hendak menghapuskan bidang agama, cakap ikut ajaran agama, perbuatan dan sebutan boleh merosakkan akidah, itu dia tidak nyatakan. Tuduh kerajaan zalim dan sebagainya tetapi sebaliknya ia juga melibatkan parti pemerintah PAS di negeri Terengganu.

Saya harap PAS mesti menerima hakikat bahawa ia juga banyak melakukan kesalahan, melakukan kesilapan, mengaku sahajalah dan jangan sekali ianya betul sahaja. PAS adalah parti politik, parti yang ingin memerintah, parti yang akan bertutur dan bercakap apa sahaja sama ada salah atau mengelirukan, tidak peduli, ia tetap akan bercakap asalkan dia mendapat keuntungan kepada partinya. Ini lagi merbahaya kerana yang salah ia kata betul!

Perbuatan dan tutur kata ahli PAS kadang kala menjadikan kita tertanya-tanya, apakah betul parti itu parti Islam? Kalau Islam, tidak cakap begitu. Tetapi ia tidak peduli! Tipu, macam-macam cerita! Saya tidak hendak bangkitkan, tetapi saya ingat ahli-ahli PAS tahu apa yang telah dibuat.

Kalau parti Islam, Tuan Yang di-Pertua, tidak cakap kasar, tidak menuduh. Saya beri contohnya, Ketua Pembangkang menuduh ahli UMNO tidak pandai tulisan jawi. Apa, saya ahli UMNO boleh tulis jawi tetapi dia sepatutnya sebagai orang alim yang dihormati, Yang Amat Berhormat Menteri Besar, cakap macam itu. Saya pun kadang-kadang tidak tahulah, keliru, saya tidak faham. Sepatutnya menasihatkan orang dengan baik. Kalau orang marah dia pun, sebagai orang alim, dia tidak akan jawab, tidak apa, sabar. Ini tidak, dia akan meradang, akan naik angin. Jadi macam mana sifat orang alim? Saya pun kadang kala mengelirukan saya. Saya ada belajar agama, saya tahu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang dilakukan di negeri Terengganu, beri bantuan sekolah milik parti PAS, ada diberi. Wakil Rakyat PAS jadi amil zakat korporat, tidak apa, beri balak kepada kroni PAS tanpa tender, ada. Beri kepada North East Plantation 10 ribu ekar ada. Empangan kedua di Kenyir 40 ribu ekar diberi, kroni PAS atau pengikut DAP Wakaf Tapai dapat kawasan balak. Maknanya kalau sudah memerintah, dia akan buat tetapi jangan menuduh Kerajaan Barisan Nasional sahaja yang membuat. Mesti adil. Ini tidak, asal dia, baik, seolah-olah tidak ada kesalahan dibuat oleh parti PAS. Saya tengok banyak berlaku di negeri PAS. Lantik orang politik menjadi Ketua Jajahan dan agensi, ada, bukan tidak ada. Kalau orang UMNO lantik, dia marah. Beri lesen pajak gadai, ada, anak syarikat kerajaan terus mengalami kerugian, banyak. Bekas Setiausaha Kerajaan Negeri melakukan penyelewengan, marah. Mana pergi wang RM430 juta, haram untuk rakyat, halal untuk PAS. Saya tidak hendak sebut tetapi saya kena sebut juga. Saya mohon ampun kepada Allah kalau benda itu silap tetapi saya hendak tekankan pasal dia, parti Islam. Parti Islam cakap, doa, tidak hendak sebut lagi Tuan Yang di-Pertua.

Dalam *Warta Darul Aman* 8 Ogos 2002, menyiarkan kegiatan Yang Berhormat Dato' Mustafa memberi peringatan kepada Yang Berhormat Mohd Rasul Wahid....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ala, tidak sempatlah! Memang tidak sempat. *Sorry sir*, dengan izin. Boleh tidak? Tidak ada masa betul. Dekat mana saya tadi?

Dalam *Warta Darul Aman* 8 Ogos 2002 menyiarkan kenyataan YB Dato' Mustafa memberi peringatan kepada Encik. Rasul Wahid, ADUN Ajil supaya tidak kata Menteri Besar bohong. Dahulu Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi berkata kepada Kerajaan Barisan Nasional ada terdapat berlori-lori fail kesalahan Barisan Nasional, sudah dua tahun memerintah, bangkitkan cerita itu, bawalah ke mahkamah. Jangan sebut berlori-lori ikut sedap mulut sahaja tetapi lepas itu diam, tidak ada benda. Ini fitnahkah? Sudah dua tahun berlalu.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, dia tetap mengatakan dia betul. Banyak peristiwa yang berlaku yang dibuat oleh PAS ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Setiausaha Parlimen bangun.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Ini lagi tidak boleh, dia hendak lagi panjang dari saya. Tidak boleh, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: Sedikit sahaja.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Oh *no way, sorry sir. [Ketawa]*

Dato' Mahadzir bin Mohd Khir: *[Bercakap tanpa pembesar suara]* "Darul Aman" atau "Darul Iman"?

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: "Darul Iman". Oh yang itu dia betul. Yang itu betul, Darul Iman. Ok! Oh baguslah! Tang itu bagus pula. *[Ketawa]* Allah! Mengganggu ini, itu yang kadang-kadang tu...! Tengah sedap ini!

Dia tetap mengatakan dia betul. Banyak peristiwa yang berlaku yang dibuat oleh PAS yang menyalahi hukum. Dia tetap mengatakan betul. Berlaku fitnah, berlaku mencaci, mengumpat, mengeluarkan kata yang tidak patut disebut mengikut hukum, dia tetap buat. Salah tafsiran Al-Quran, membina surau, bubarkan jawatankuasa masjid, dia buat. Jadikan mimbar khutbah gelanggang politik tempat fitnah dan mengumpat, salah guna masjid, pecat imam, bilal, habis semua dibuatnya. Itu tidak salah?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Oh, dahsyat!.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Konon bila berjanji hendak hapuskan semua patung haiwan, tidak buat. Wang ehsan dahulu kata haram, sekarang ini kata halal. Banyak lagi perkara yang lain, Tuan Yang di-Pertua. Banyak ahli PAS di Terengganu masuk UMNO di Terengganu. Ada ahli PAS, kenapa dia masuk UMNO? Dia tahu perjuangan PAS tidak betul, dia masuk UMNO. Di Kelantan pun ada, banyak masuk Tuan Yang di-Pertua.

Yang kedua, saya beralih dan mengucapkan tahniah kepada polis.

Tuan Yang di-Pertua, Tun pula, minta maaf, *sorry* ya. Okey, baru bercakap lima minit Tun, okey?

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*] Ya, ya.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tahniah kepada polis yang menjalankan tugas dan tanggungjawab dengan baik bagi menjaga keamanan negara dan rakyat. Menjaga rakyat berbilang kaum dan agama bukan mudah. Perangai manusia, tingkah laku, cara hidup manusia berbeza dan bermacam-macam ragam – ada manusia baik, ada manusia jahat. Pihak pembangkang hanya pandai bercakap sahaja dan menuduh polis bermacam-macam tuduhan yang kurang sihat dan kurang baik terhadap anggota polis, mengikut sedap mulut sahaja. Polis menyabung nyawa untuk mempertahankan negara dan harta manusia – berbalas tembak dengan perompak dan penjenayah, menangkap kumpulan militan dan pengacau keamanan, termasuk pihak pembangkang kita kena terima hakikat bahawa tidak semudah hendak mendapat maklumat dan penjahat tanpa kerjasama orang ramai.

Bermacam cara pihak polis menjalankan kerjanya untuk menjaga keamanan. Saya tidak heboh dan bising macam wakil DAP memberitahu di Dewan ini dan kemudian menyalahkan polis. Banyak yang dimisalkan sebab negara itu mesti aman dan jangan ada tunjuk perasaan, dan kalau ada kekacauan maka ekonomi akan terjejas, peluang pekerjaan akan terjejas, kilang dan pelabur asing takut hendak datang ke Malaysia, maka pihak polis telah mengambil tindakan yang baik untuk menjaga keamanan negara.

Kepada pihak polis, teruslah menjalankan kerja menjaga keamanan negara, dan sepatutnya ada elaun khas kepada polis yang dapat menangkap dan membunuh penjenayah yang zalim yang membunuh manusia selain daripada merompak dengan senjata. Saya bersimpati dengan Ahli Parlimen bagi Bukit Mertajam yang kena ragut rantai sewaktu berjalan-jalan bersama Ahli Parlimen bagi Batu Gajah. Inilah yang dikatakan malang tidak berbau. Selepas itu membuat *report* polis supaya polis tolong siasat, lain kali janganlah pakai barang kemas yang berharga. [*Ketawa*]

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh Kementerian Belia dan Sukan. Ini masalah tiket untuk melihat perlumbaan kereta *F1*. Saya tidak tahulah, Petronas adalah penaja utama tetapi harga tiket mahal sangatlah. Tidak bolehkah beri peluang kepada orang ramai yang berpendapatan rendah, yang tidak mampu, murid sekolahkah atau apa-apa. Turunkanlah sedikit harganya. Beribu harga tiket – beribukah atau ratus ringgit ya? [*Disampuk*]

Ha, RM25. Jadi, bolehlah Petronas beri sedikit tiket kepada murid-murid sekolah ya? Ini mahal sangat. Cubalah RM10, untuk budak-budak sekolah dikenakan RM5. Saya mintalah pihak Kementerian Belia dan Sukan atau Petronas menimbangkan semula bila ada *Grand Prix* pada masa akan datang. Ini pun macam pertunjukan. Saya tengok ada banyak pertunjukan tetapi saya tidak tahu siapa yang mengawal harga tiket.

Ada satu berita yang saya terbaca, Tuan Yang di-Pertua, *Disney on Ice* dengan izin, hendak diadakan pada 30 Mac hingga 4 April. Saya tengok harga tiketnya mahal betul – sampai dekat RM150, *ring side* kah, *lower side* kah, *upper side* kah. Tidak bolehkah diturunkan harga bila ada pertunjukan? Pertunjukan ini seolah-olah untuk orang yang berkemampuan sahaja yang boleh melihat. Berilah peluang kepada yang tidak berkemampuan juga. Jadi semua rakyat dapat menonton sama hiburan yang baik, untuk anak-anak mereka. Hendak bawa anak, harga tiket mahal, melainkanlah anak orang kaya sahaja yang dapat menengok. Kalau kena anak orang biasa tidak mudah – harga tiketnya beratus ringgit. Jadi, dalam masalah tiket-tiket untuk *show* ini perlu dikawal juga oleh kementerian yang berkenaan, Tuan Yang di-Pertua.

Masalah mengadakan Jualan Karnival – ini jualan murah, Menteri Pelancongan, saya hendak tegur sedikit. Dia membuat satu pelancaran karnival jualan murah peringkat kebangsaan di Johor. Saya hendak tanyalah Menteri ini, tolonglah sedikit, tarikh dan masa menganjurkan persembahan. Dia buat persembahan itu dalam bulan Ramadan. Jadi, saya ingat tak kenalah. Bulan Ramadan ini bulan baik, bulan mulia, kita buat amal ibadat, bertarawih dan sebagainya tetapi dilancarkan di Johor Bahru bagi peringkat kebangsaan pada bulan tersebut. Saya ingat Kementerian kena ambil perhatian. Buat pada tarikh lainlah. Tidak jadi salah, tidak jadi rugi kalau dibuat selepas bulan Ramadan atau sebelum bulan Ramadan. Nampak perkara ini kecil tetapi banyak mendatangkan kesan tidak baik – ada hiburan, ada tarian. Jadi, saya minta Menteri yang berkenaan melihat dalam perkara ini.

Kemudian, tahniah kepada JPJ yang mengenakan denda kepada kereta daripada Singapura yang melakukan kesalahan. Dulu memang tidak ada. Saya pernah bangkitkan perkara ini – kita buat kesalahan di Singapura, kita hendak masuk ke Singapura dan dia dapat *trace* kereta kita, dia tahan kita selagi tidak membayar denda. Tunggu orang hantar duit boleh bayar baru boleh balik semula ke Malaysia. Jadi, JPJ sudah mengadakan sistem baru untuk mengesan kereta-kereta yang melakukan kesalahan. Saya harap kerja yang baik ini dapat diteruskan, dan tunjukkan bukti kita boleh menahan kereta-kereta yang melakukan kesalahan yang dibuat oleh rakyat Singapura dalam negara Malaysia.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada yang bangun tu. Nampak dak yang di sebelah kanan?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Ya, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang di sebelah kanan, yang bangun, ya. Di sebelah kanan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tidak ada masa. Lagi berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Lagi berapa minit?

Tuan Yang di-Pertua: Sampai 12.11 tengah hari.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Lima minit?

Tuan Yang di-Pertua: Enam minit lagi.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Wah, okay, okay. [Ketawa]

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya yang baik hati, Yang Berhormat bagi Tebrau. Mengenai kereta dari Singapura, kita di Malaysia ini, Tuan Yang di-Pertua, kereta kita kalau plat berwarna kuning itu untuk Raja, tetapi bagi kereta Singapura, ada plat kuning dan ada plat merah, selain daripada hitam putih macam di negara kita ini. Jadi, macam mana agaknya? Jadi kita keliru – apa yang kita hormat di sini, plat kereta kuning untuk Raja manakala kereta orang Singapura pakai plat kuning masuk ke negara ini? Jadi macam mana penghormatan kita dan keistimewaan kepada plat kuning untuk Raja, tiba-tiba orang Singapura yang pakai? Jadi macam mana pandangan Yang Berhormat kepada JPJ? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun memang teringat kes plat kuning ini. Dia ini kalau tidak silap saya, JPJ atau Kementerian Pengangkutan *check*. Dia ini dibenarkan pakai plat kuning di Singapura dalam waktu tertentu – dia ada *boundary* tetapi dia sudah silap dia masuk juga ke Malaysia. Jadi minta pihak berkenaan menyiasat mengenai plat kuning ini. Dia bukan boleh pakai di Malaysia, dia kena pakai di Singapura pada hari dan waktu tertentu sahaja dia menggunakan plat kuning tetapi tidak bermakna bila masuk Malaysia pun dia boleh gunakan. Saya pun berterima kasih kerana mengingatkan perkara ini dan dapat diambil perhatian oleh pihak kerajaan.

Kini tengah heboh mengenai penyakit radang paru-paru Yang Berhormat atau [Disampuk] Virus ya? Walaupun saya nampak penyakit ini amat serius, saya

minta Kementerian Kesihatan, dari sekarang ini mencari jalan untuk betul-betul memastikan bahawa penyakit ini tidak merebak ke Malaysia. Di Singapura dah ada kena, dia sudah tahan rakyatnya dalam kapal terbang, tidak boleh balik, tidak boleh masuk ke Singapura kerana terdapat penyakit yang tersebut. Jadi, saya harap Kementerian Pengangkutan, saya dapat laporan dia ada juga dia ambil tindakan tetapi saya harap supaya lebih tegas lagi mencari jalan sebab, Tuan Yang di-Pertua, penyakit ini amat merbahaya ya. Jadi, saya harap pihak kementerian dapat mengambil tindakan dan mengawasi pelawat, orang ramai keluar masuk, terutama dari Singapura dan juga dari KLIA.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua.. *[Disampuk]* Habislah, saya kasi *chance* orang lain pula. Ini masalah 'satu suami satu isteri'... *[Disampuk]* Saya tidak tahulah, ini kena tengok sedikitlah, satu suami suatu isteri supaya jangan kata orang, salah langkah dan tujuan. Jika ia mampu dalam semua perkara, patut bolehlah ditimbang, jangan salah, ini hukum membenarkan sampai empat. Saya bukan suruh kahwin empat. Saya pun satu sahaja, Tuan Yang di-Pertua, sama dengan Tuan Yang di-Pertua juga. Tuan Yang di-Pertua ada seorang isteri, saya pun seorang, Tuan Yang di-Pertua, insya-Allah. Walaupun hati saya, Tuan Yang di-Pertua, ada hati hendak kahwin dua tetapi apa hendak buat, ya lah kita ini sayang.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berani kot. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Oh! Tak terlayan. Serupalah tu, Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Agak-agak kita, carilah, barangkali adakan syarat dan peraturan oleh Mahkamah Syariahlah agaknya. Memang orang itu mampu. Kita hendak bantu ibu tunggal yang muda atau yang ada anak yang umur lebih 40 tahun, Yang lain-lain hendak kahwin, tidak boleh. Jadi kalau saya ini mampu, ada kemudahan, cukup syarat, ada gaji, pendapatan RM5,000, rumah ada, kereta ada, itu ada, boleh kahwin, sain. Jadi, barangkali wanita-wanita ini pun sedar, terjamin wanita itu. Saya ingat pihak yang berkenaan supaya ambil perhatian. Mungkin pihak kerajaan pun boleh mengenakan syarat tertentu supaya membolehkan, jangan ada halangan.

Yang kedua, masalah surat khabar *Harakah*. Akhbar *Harakah* ini sudah dibenarkan diterbitkan, okay lah, kerajaan memang. Saya tidak tahu, berapa kalilah keluarannya. Ini kena *check* lah. Sekarang ini surat khabar itu pun saya tengok habis jual. Yang jadi merbahaya, dalam surat khabar itu banyak yang tidak betul, Tuan Yang di-Pertua. Dekat pasar ada dijual, dekat sana sini ada dijual. Dulu janji hanya dijual kepada ahli. Saya tidak tahulah. Kementerian kenalah lihat. Saya tidak dengki tetapi sepatutnya kalau hendak berniaga, berniaga dengan baiklah. Janganlah dalam surat khabar itu keluar gambar pondok roboh sikit pun dia masuk dalam surat khabar, dia bercerita yang bukan-bukan, pada hal pondok itu tidak ada benda pun, sudah hendak roboh tetapi dikatakan roboh, banyak perkara-perkara yang lain. Jadi, saya harap kerajaan akan dapat mengambil perhatian.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua.. *[Disampuk]* ini kes Singapura. Teringat pula ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: "Akhir sekali" sudah dua kali ya?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Okay, dan banyak lagi tau.

Datuk Haji Mohamed bin Haji Aziz: Banyak lagi?

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tidak mengapalah. Ini kes Singapura, keselamatan. Timbalan Perdana Menteri Singapura ini, dia baru-baru ini telah mengisytiharkan tidak membenarkan peruntukan untuk Angkatan Tentera dipotong. Ha!! Orang lain semua potong, dia di Singapura tidak potong. Tidak tahu dia hendak berperang dengan siapa. Jadi, saya hendak bertanya kepada Kementerian Pertahanan, ini peluru berpandu bagus. Saya sudah tengok, ada sudah *test*, sudah elok.

Bolehkah tidak peluru-peluru berpandu dan peralatan strategik peperangan ini diletak dekat Tanjong Pengelih, Johor sebab dia berdekatan betul dengan Singapura, Tuan Yang di-Pertua. Tidak mengapalah kita letak, bukan kita hendak berperang. Kita cuma letak. Jadi bila kita letak, dia pun agak berfikir, "Apa kerja Malaysia letak peluru berpandu itu." *[Ketawa]* Jika tidak pun, Tuan Yang di-Pertua, dia berlatih menurunkan kapal terbang di tengah jalan – tengah jalan dia tutup, konon hendak berperang, dekat Seletar, dekat dengan Johor – turun mendarat di sepanjang jalan lebuhraya, dia

turunkan jet, Tuan Yang di-Pertua. Bukankah hendak menakutkan Malaysia? Jadi kita hendak semua – peluru berpandu yang ada di Lumut, letak di Tanjong Pengelih atau di Selat Tebrau... [Ketawa]

Akhir sekalilah, kepada pembangkang...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah tidak kali “Akhir sekali”.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Akhirlah ... selepas ini habis, Tuan Yang di-Pertua. Kepada pembangkang, ikut sahajalah apa yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah. Di Terengganu dan Kelantan, pembangkang yang memerintah dan hendak buat Barisan Nasional, dia kata ikut dia. Bila di Terengganu, Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata, “Aah, jangan cakap banyak, ikut sahajalah parti memerintah”, dia jawab dalam Dewan. Yang ini saya hendak beritahu dia, ikut sahajalah parti memerintah Barisan Nasional. Jadi adillah. Tidaklah di Terengganu sahaja yang boleh. Bagi kita pula, dia kata sebaliknya. Kalau tidak suka Mana lagi Tuan Yang di-Pertua. [Membelek-belek kertas di tangan] Akhirnya, dengan pantunlah Tuan Yang di-Pertua. Akhir, pantun.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, yang keempat dah tu.

Datuk Haji Mohd Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, makan ketam bangkang, banyak cakap tidak betul ialah pembangkang. Sekian.

Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Tuan Yang di-Pertua: Ada Usul, sila baca.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEKASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

12.12 tgh.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dr. Tiki anak Lafa]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 malam dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan hingga esok hari”.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato’ Abu Bakar bin Taib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah:

“Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.00 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan hingga esok hari.”

hendaklah disetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Perbahasan disambung semula

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat bagi Kapit. Ya, sila.

12.13 tgh.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi kesempatan ini kepada saya untuk menyertai rakan-rakan seangkatan Yang Berhormat membahaskan Usul Terima kasih Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong di sidang Parlimen pada kali ini. Telah banyak isu dikupas dan dibangkitkan sebelum ini oleh rakan-rakan Yang Berhormat yang telah kita dengar dan hayati hingga ke tarikh ini.

Tuan Yang di-Pertua, saban hari kita telah dengar dan sedang disajikan dengan berita peperangan, bermula dengan Kosovo, Bosnia, Chechnya, Afghanistan dan sekarang Iraq yang sedang di ambang perang bagi kali yang kedua. Walaupun berbagai ikhtiar telah diusahakan oleh masyarakat dunia untuk menghalangnya, namun demikian berbagai juga alasan telah diberikan oleh pemimpin tertentu, bertujuan bagi menghalalkan niat jahat yang tersirat. Kenapa ini berlaku? Mungkin soalan ini bukan lagi satu misteri kepada kita semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya salah satu penyebab kepada soalan ini adalah sikap tamak untuk menguasai sumber semula jadi negara tertentu, di samping sikap angkuh dan bongkak pemimpin kolonialisme yang masih tersemam dari sejak dahulu lagi masih diamalkan oleh sebilangan kecil pemimpin berkulit putih seperti yang wujud pada hari ini. Menukar pemimpin yang tidak disukai oleh golongan ini sudah menjadi satu lumrah. Mereka menganggap diri mereka adalah jaguh dan pejuang demokrasi tulen dan sentiasa lantang menyatakan bahawa orang lain adalah tidak demokrasi serta kolot kerana tidak bersetuju dengan pendirian yang diutarakan. Jenis demokrasi apa ini? Jika fenomena ini dibiarkan berleluasa, siapakah seterusnya yang akan menjadi mangsa mereka, yang bilakah ianya akan berakhir dan apakah penyudahannya?

Adakah mangsa seterusnya Korea Utara, Iran ataupun negara kita nanti? Justeru itu NAM adalah salah satu alternatif bagi saluran untuk menyuarakan suara negara-negara pemangsa. NAM harus lantang, tegas dan bersatu padu dalam memerangi isu ini dan Malaysia sebagai negara pemimpin Pertubuhan NAM harus memastikan bahawa setiap ahli NAM sentiasa patuh dan jujur kepada ahli-ahli yang lain. Deklarasi Kuala Lumpur tahun 2003 yang mengharamkan perang hendaklah dipastikan supaya ia tidak hanya tinggal slogan dan laungan semata-mata. Kita bersetuju bahawa keganasan memang patut dihapuskan demi kebaikan insan sejagat dan kita telah mengotakannya dengan tertumpasnya kumpulan-kumpulan militan bermula daripada Parti Komunis Malaya, Kumpulan Militan Malaysia, Al-Maunah dan Al-Arqam. Ini telah membuktikan bahawa keganasan tidak ada tempat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sikap prejudis yang diamalkan oleh segelintir ketua-ketua negara yang mudah mengecap bangsa dan negara tertentu sebagai pengganas tanpa bukti yang sahih dan nyata adalah bukan sahaja tidak adil bahkan ia adalah satu bentuk penghinaan kepada bangsa dan negara tersebut. Oleh itu ia harus ditentang habis-habisan. Pendirian tegas Malaysia dalam isu ini patut dipuji dan disanjung oleh semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, rumah panjang adalah sinonim dengan masyarakat Dayak di negeri Sarawak dan ia telah dijadikan oleh Kementerian Pelancongan Negeri sebagai salah satu produk pelancongan serta daya tarikan pelancongan ke negeri ini tetapi bagi masyarakat Dayak di Sarawak ia adalah lebih daripada itu kerana ia adalah satu keperluan asas kaum ini iaitu sebagai tempat mereka tinggal sejak turun temurun. Oleh itu saya cadangkan satu tabung pinjaman khas untuk membiayai kemudahan ini diwujudkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan seterusnya disalurkan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Mekanisme pinjaman ini nanti adalah dicadangkan seperti yang wujud pada pinjaman rumah kos rendah yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang. Cuma saya syorkan supaya syarat-syarat pinjaman yang dikenakan nanti hendaklah lebih liberal dan kadar faedah sifar atau jika ada, dengan kadar faedah serendah yang mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini adalah sejajar dengan konsep masyarakat penyayang seperti yang termaktub dalam Wawasan 2020 negara kita ini. Di samping menyediakan tempat kediaman ia mampu dimiliki oleh semua peringkat lapisan masyarakat negara ini khususnya masyarakat Dayak yang rata-rata masih tinggal di kawasan pedalaman di luar bandar. Dengan adanya kemudahan seperti ini nanti, sudah pasti sedikit sebanyak ia dapat membantu meringankan beban yang ditanggung

oleh masyarakat ini di samping menyediakan tempat kediaman yang selesa dan lebih *conducive*. Lantas ia juga akan dapat membantu menaikkan kualiti hidup masyarakat ini yang serba-serbi masih kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi untuk mengaktifkan lagi kegiatan ekonomi di kawasan luar bandar saya cadangkan agar kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Luar Bandar menambahkan lagi pembinaan jalan raya di kawasan-kawasan luar bandar. Saya percaya dengan adanya jalan raya ini nanti akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi masyarakat setempat khususnya dan seterusnya dapat membantu menjana pertumbuhan ekonomi negara. Dengan wujudnya kegiatan jual beli hasil kemudahan infrastruktur ini secara langsung ia akan dapat membantu menambahkan lagi kuasa beli masyarakat setempat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan saya supaya KPLB dapat meneruskan usaha dan perancangan untuk mewujudkan lebih banyak lagi projek kemudahan asas kepada kawasan luar bandar di seluruh negara, saya ingin meminta Kementerian Pembangunan Luar Bandar mewujudkan *database* yang sempurna, yang lengkap, yang amat tinggi mutunya mengenai tahap sebenar pembangunan atau kekurangan pembangunan atau kemunduran bagi setiap kampung di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, sistem dan keupayaan KPLB mengendalikan pemantauan pelaksanaan projek-projek luar bandar amatlah penting jikalau kerajaan hendak melihat pencapaian yang cemerlang dalam usaha membasmi kemiskinan di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebut begitu oleh sebab saya terperanjat apabila terbaca jawapan bertulis dari pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada jiran saya Yang Berhormat bagi Tuaran berkenaan soalan Yang Berhormat bagi Tuaran yang ingin tahu daripada KPLB, berapakah lagi kampung-kampung yang belum boleh dihubungi dengan jalan raya, tidak mempunyai bekalan air dan bekalan elektrik bagi setiap negeri dan daerah di seluruh negara kita.

Juga ia telah meminta daripada KPLB penjelasan, bilakah tahun sasaran kerajaan untuk memastikan setiap kampung akan mendapat bekalan elektrik, bekalan air dan perhubungan jalan raya. Soalan ini telah dikemukakan pada 11 Mac minggu lepas dan oleh sebab tidak sempat dijawab Lisan telah diberi jawapan bertulis yang memberi gambaran seolah-olah KPLB tidak ada perancangan yang teratur untuk menangani masalah pembangunan di kawasan luar bandar. Tidak ada maklumat-maklumat yang tepat untuk membolehkan Kementerian Pembangunan Luar Bandar membuat strategi-strategi terbaik dalam jangka masa panjang.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukan sekadar hendak menuduh Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang tidak menjalankan tanggungjawab dengan baik. Memang tidak ada maksud saya begitu sebaliknya saya amat berterima kasih serta ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Menteri KPLB serta pegawai-pegawai dan kakitangan KPLB dan juga tidak ketinggalan rakan seperjuangan dari Sarawak iaitu Setiausaha Parlimen KPLB yang telah bekerja kuat serta banyak mewujudkan pembangunan di kawasan luar bandar termasuk di Sarawak khasnya di kawasan saya di Kapit juga tetapi seperti yang telah saya sebut tadi, pastikanlah segala maklumat mengenai tahap pembangunan di setiap daerah, setiap kampung seluruh negara yang begitu diperlukan, yang begitu penting itu sentiasa di *update* supaya segala pelaksanaan pembangunan dapat dijalankan dengan tepat dan pembaziran dapat dielakkan. Juga, apabila Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bertanya minta penjelasan daripada KPLB tentang perkara-perkara berkaitan dengan pembangunan di kawasan mereka di luar bandar, jawapan yang lebih tepat patut diberikan. Janganlah memberi jawapan yang terlalu umum.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar, pada tahun lepas iaitu tahun 2002, berapakah telah dibelanjakan untuk projek bekalan elektrik dan bekalan air di luar bandar di negeri Sarawak. Adakah tahap ataupun jumlah yang dibelanjakan itu menepati sasaran yang telah dirancang atau dipohon oleh negeri Sarawak. Apakah masalah-masalah yang telah dihadapi oleh KPLB yang mengakibatkan KPLB tidak dapat melaksanakan projek bekalan elektrik luar bandar dengan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya dengan penuh harapan menyeru kepada kerajaan dan kementerian-kementerian yang bertanggungjawab supaya

mengambil perhatian yang serius dengan sewajarnya kepada cadangan yang telah saya bangkitkan sebentar tadi dan seterusnya mengambil tindakan segera. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya turut menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Baling.

12.25 tgh.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib [Baling]: *Bismillahi Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan ucapan terima kasih terhadap Titah Tuanku dalam perasmian Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama Parlimen.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh sewenang-wenangnya menentukan siapa pelampau atau menyeleweng tanpa bersandarkan wahyu. Takrif atau definisi yang dibuat oleh manusia tanpa bimbingan wahyu akan menimbulkan kekeliruan. Islam telah menetapkan garis panduan pelampau dan menyeleweng kepada segi akidah, ibadah mahupun politik ditentukan oleh wahyu dan semua yang lain mestilah patuh kepada garis panduan yang ditetapkan itu. Malah mereka yang melanggar garis panduan inilah yang sebenarnya pelampau.

Perkataan pelampau atau pengganas kebelakangan ini mula digunakan oleh Amerika tetapi sehingga kini tidak ada satu definisi tepat, siapakah sebenarnya pelampau atau pengganas. Ini kerana manusia sama sahaja. Orang Amerika, orang Melayu, orang Cina, orang India dan sebagainya mempunyai pemikiran yang terlalu terhad. Jika Amerika yang menentukan garisnya maka dia melakukan mengikut kemaslahatannya sahaja tanpa mempedulikan kepentingan orang lain dan inilah yang berlaku sekarang.

Pelampau dalam Islam ialah mereka yang melampaui garis panduan yang diberikan oleh Allah S.W.T dan bukan seperti yang ditetapkan oleh individu atau kelompok-kelompok manusia. Kita amat kesal kerana wujudnya golongan yang menterjemahkan pelampau agama kepada fundamentalis. Biasanya para orientalis menyamakan fundamentalis dengan ekstremis atau pelampau agama tetapi kita perlu membezakan maksud pelampau agama atau ekstremis dengan fundamentalis.

Bagi orang Islam, adakah menjadi ekstremis atau fundamentalis itu sesuatu yang buruk? Orang yang tidak meninggalkan sembahyang itu adalah ekstremis, fundamentalis. Adakah kita menganggap dia sebagai tidak betul? Ekstremis dan fundamentalis itu sepatutnya sesuatu yang baik. Yang salah ialah orang yang mentafsirkan Islam dari kaca mata yang sempit dan tidak melihat kepada perkembangan semasa. Mereka yang melemparkan tuduhan terhadap SAR adalah mungkin dari golongan ini.

Istilah-istilah itu sebenarnya dicipta oleh Barat untuk memomok-momokkan orang Islam dan kini masyarakat Islam terjebak dalam istilah ini. Apa yang perlu dilakukan ialah memurnikan semula istilah-istilah ini supaya kita tidak terperangkap dengan perangkap sesetengah ahli politik atau para orientalis Barat. Tujuan Barat adalah untuk meneutralkan orang Islam supaya tidak kuat berpegang kepada agama. Mereka ingin melihat umat Islam jadi lebih liberal. Bagi Barat, liberalisme itu sesuatu yang sangat dihormati. Apakah kita hendak menganggap orang yang berpegang kepada agama sebagai pelampau semata-mata kerana hendak menghormati konsep liberalisme Barat.

Tuan Yang di-Pertua, pejuang-pejuang Palestin yang mempertahankan tanah air mereka, mereka adalah mujahid. Mereka bukan pelampau dan mereka bukan pengganas tetapi mereka adalah mujahid yang mempertahankan negara, bangsa dan agama mereka dan membela keadilan sebab dunia tidak lagi mampu untuk memberikan keadilan kepada mereka. Mereka terpaksa melakukan perlakuan-perlakuan yang dianggap sebagai luar biasa oleh sesetengah orang sekarang untuk membela diri mereka.

Pada mereka, Barat kata pengganas tetapi bagi kita mereka adalah mujahid. Kenapa kita cuba melonggarkan jihad sedangkan perang adalah satu aspek dalam jihad apabila jalan lain sudah tidak ada lagi. Semasa perang Dunia Kedua, Hitler kalah. Jika ia menang tentu perjuangan Hitler dianggap perjuangan suci untuk membangunkan bangsa Jerman. Bagi George Bush dia hendak menyerang Iraq. Itu

bukan ekstremis bagi dia. Bagi dia itu perjuangan suci kerana mahu melepaskan Iraq daripada kekacauan Saddam Hussein tetapi bagi kita itu pengganas, *terrorist*. Kita melihat mereka sebagai jahat. Mereka melihat itu sebagai perjuangan. Begitu pula kita, sudah menanggap Islam itu sebagai perjuangan kita dan mereka melihat itu sebagai melampau dan pengganas.

Apakah dalam hal ini kita pula terima orang-orang yang berjuang dalam menegakkan kebenaran Islam sebagai pengganas dan menyeleweng. Kalau ini, apa yang kita faham, orang yang memperjuangkan kebenaran Islam sebagai pengganas, bermaknalah kita telah terjebak masuk ke dalam perangkap musuh.

Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi dalam sebuah negara seperti Malaysia. Mengapa perlu mengambil jalan melampau atau ganas. Kita boleh menang melalui jalan demokrasi, tidak dengan jalan melampau, bahkan juga dengan jalan dakwah, kuliah, ceramah dan tazkirah. Cuma sekarang, wujud satu trend untuk demokrasi itu dinodai. Jalan dakwah, kuliah, ceramah dan tazkirah dihalang dan disekat.

Oleh kerana cara ini dan jalan ini dihalang dan disekat, maka akan jadilah nanti bibit-bibit yang boleh jadi melampau dan ganas yang mungkin menjadi gejala yang mencemarkan demokrasi. Lagi buruk padahnya kalau pencemaran ini dilakukan sendiri oleh pihak-pihak yang berkuasa dan pihak yang diberikan tugas menjaga keselamatan dan keamanan.

Landasan demokrasi memang sesuai dengan Islam walaupun ada kelemahannya. Untuk kegiatan-kegiatan politik, baiklah kita gunakan demokrasi, bukan sistem komunis atau diktator dan sebagainya. Selagi kita amalkan demokrasi, tidak akan ada yang melampau, insya-Allah, sebab tidak ada manusia yang setuju dengan cara ganas dan melampau. Tetapi apabila terlalu banyak sekatan, diadakan melalui pelbagai akta, pelampau akan wujud dengan sendirinya. ISA, Akta Polis dan sebagainya tidak akan berkesan lagi sebab rakyat akhirnya akan menumpukan, misalnya kepada siaran-siaran sulit dan rahsia, surat-surat layang, radio-radio rahsia, internet dan mungkin sebagainya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, amalan demokrasi adalah selaras dengan ajaran Islam. Rasulullah S.A.W amat menghargai pemikiran orang lain. Di dalam satu kisah, seorang Yahudi datang meminta hutang kepada Baginda Rasulullah S.A.W yang pada ketika itu Baginda Rasulullah S.A.W sedang memberi kuliah atau memberi ceramah. "Ya Muhamad! Bayarlah hutang aku." Lalu para sahabat menengking lelaki Yahudi itu dan para sahabat ada yang ingin memukulnya tetapi Baginda Rasulullah S.A.W melarang. "Wahai para sahabat, biarkanlah dia kerana dia sebenarnya mempunyai hak."

Kata-kata Rasulullah itu memerintahkan supaya para sahabatnya tidak mengambil tindakan terhadap lelaki Yahudi berkenaan walaupun perbuatan Yahudi itu agak keterlaluan semasa Rasulullah sedang memberi ucapan. Lantas, baginda memberitahu kepada para sahabat bahawa memang baginda ada berhutang dengannya tetapi tempoh untuk membayarnya bukan hari ini tetapi dua hari lagi. Oleh kerana dia datang terlalu awal.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita mengikut ajaran hadis ini bahawa setiap orang yang mempunyai isu, berhak menyuarakannya, maka tidak akan timbul masalah. Masalah salah faham terhadap Islam adalah juga berpunca daripada institusi-institusi Islam di negara ini yang tidak bergerak aktif membawa Islam ke hadapan. Ada sesetengahnya turut terlibat secara aktif dalam kancah politik kepartian. Seluruh organisasi jabatan atau institusi Islam tersebut bergerak untuk parti politik, bukan lagi untuk membawa Islam ke hadapan.

Kebanyakan orang melihat institusi-institusi Islam di negara ini, antaranya seperti JAKIM, Yayasan Dakwah Islam Malaysia atau YADIM, Institut Kefahaman Islam Malaysia iaitu IKIM, Lembaga Tabung Haji dan jabatan-jabatan agama sebagai negatif dan tidak lagi dapat memenuhi kehendak gerakan Islam serta pentadbiran Islam yang berwibawa membawa Islam maju ke hadapan. Yang ada, lebih kepada menjadi *rubber stamp* kepada kehendak pemerintah sahaja, tidak lagi berani menegur pemerintah. Yang penasihat pun nasihat untuk berlindung di bawah bayangnya sahaja. Oleh itu, orang ramai mencari alternatif lain.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu apa yang perlu sekarang ialah memperbaiki institusi-institusi Islam di negara ini seperti yang disebutkan tadi Jabatan Kemajuan

Islam Malaysia atau JAKIM, Institut Kefahaman Islam Malaysia atau IKIM, Mahkamah Syariah, Lembaga Tabung Haji dan sebagainya dan bukannya cuba menyalahkan orang lain, lebih-lebih lagi cuba menudingkan jari semata-mata terhadap PAS seperti mana antara Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap sebelum ini termasuklah Yang Berhormat bagi Sepang, Yang Berhormat bagi Tebrau dan sebagainya, seolah-olah mereka tidak mahu mengakui hakikat kesalahan yang terpikul di atas pundak mereka sendiri yang mereka menerajui kerajaan sekarang.

Lahirnya keburukan dalam masyarakat bukan 100% disebabkan keburukan orang lain tetapi kerana kita tidak berjaya melahirkan kebaikan yang boleh menjadi contoh dan ikutan kepada orang. Apabila kita menginsafi organisasi Islam, mempunyai banyak kelemahan, maka tumpuan perlu diberi untuk memperbaikinya.

Tuan Yang di-Pertua, kumpulan-kumpulan radikal dan ajaran sesat muncul misalnya, adalah salah satu sebab yang besar kerana berlaku kekosongan dalam organisasi agama. Orang beranggapan JAKIM, YADIM dan Lembaga Tabung Haji tidak boleh diharapkan lagi. Semuanya sudah menjadi pejabat UMNO. JAKIM telah menjadi JAKUM – Jabatan Kemajuan UMNO Malaysia. YADIM sudah menjadi YADUM – Yayasan Dakwah UMNO Malaysia. Lembaga Tabung Haji begitu juga, dengan hilang kecekapan. Di mana letak kecekapan dalam profesional mereka yang telah diberi faham dan dijawab di Dewan ini, mereka dilantik di kalangan profesional dan diberi gaji berpuluh-puluh ribu semata-mata untuk menjaga supaya pentadbiran Tabung Haji itu cekap.

Tetapi yang terdedah sekarang ini, Tabung Haji telah tidak mampu untuk menjaga amanah orang ramai, sedangkan Tabung Haji adalah satu institusi yang sungguh dibanggakan oleh umat Islam.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Jeli bangun di belakang ya. Sila.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Baling. Apakah Yang Berhormat bagi Baling sedar bahawa oleh kerana perniagaan asas Tabung Haji tidak dapat memberikan pulangan, walaupun melantik berbagai-bagai penasihat tetapi Tabung Haji pada asasnya tidak mampu mengeluarkan sebarang dividen kepada penabung-penabung tersebut.

Maka, sebab itulah Tabung Haji telah terpaksa bermain dalam perniagaan yang berisiko tinggi seperti *currency market* untuk membayar dividen kepada penabung-penabung. Apakah Yang Berhormat sedar tentang perkara ini? Minta penjelasan.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jeli. Tuan Yang di-Pertua, inilah tadi, masyarakat kita menilai keupayaan dan kecekapan Tabung Haji sama ada dari segi perjalanannya berasaskan kepada dasar penubuhannya atau telah jauh lari sehingga dengan sebab itu sebahagian besar daripada umat Islam di Malaysia khususnya, merasa cukup hampa. Penghargaan yang pada mulanya mereka telah berikan begitu meleset.

Tuan Yang di-Pertua, antara juga yang kita anggapkan institusi yang boleh membantu kemajuan Islam juga tertubuhnya Penerangan Khas di Kementerian Penerangan tetapi apa yang ada dengan bajet yang begitu besar yang diluluskan oleh Dewan, Penerangan Khas hanya menjadi 'Penerangan UMNO'. Habis, apa yang ada lagi kepada orang-orang Islam dan kepada organisasi Islam di Malaysia ini? Kalau itulah sikapnya, maka kita jangan menyalahkan kalau berlaku sesuatu terhadap masyarakat, lebih-lebih lagi umat Islam tentang pegangan-pegangan dan fahaman mereka dalam soal-soal yang boleh menjejaskan iman dan akidah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, masa saya panjang lagikah?

Tuan Yang di-Pertua: Ada tiga minit, Yang Berhormat.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Tujuh?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga.

Tuan Taib Azamuddin bin Md. Taib: Aik, saya rasa macam ada sepuluh minit lagi. *[Ketawa]* Tidak adakah waktu di mana kita boleh realistik dan rasional? Politik berkelahi dan berbalah perlu dihentikan. Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam

Dewan ini semua sekali patut menjadi contoh. Apa untung kalau kita ketengahkan politik berkelahi dan berbalah? Marilah kita mencari jalan ke arah politik persepakatan, ke arah perpaduan bagi menggantikan politik perbalahan dan permusuhan.

Kita jangan gunakan kesempatan yang diberi dalam Dewan ini untuk mengeruhkan lagi suasana.. *[Disampuk]* Ini mula mukadimah ucapan, hentam sebelah tanpa menilai sendiri. Orang tidak akan marah kepada UMNO kalau UMNO betul-betul elok. 40 tahun orang menilai UMNO. Bukan masa tiga, empat tahun. Ini memerlukan anjakan paradigma dan anjakan itu hanya boleh dilakukan dengan memecahkan lingkaran yang membendung pemikiran. Jadi, dengan itu, untuk memecahkan lingkaran pemikiran ialah dengan wahyu Allah S.W.T tetapi malangnya sesetengah suasana yang ada sekarang agak terkongkong sehingga lingkaran itu amat sukar dipecahkan. Yang ada pun cuma hanyalah seolah-olah suatu transformasi pemikiran tanpa adanya pembaharuan yang berasaskan wahyu.

Kalau ada pihak-pihak yang mengetengahkan asas-asas wahyu, maka pihak itu akan dituduh, akan diberi gelaran sebagai penyalahgunaan ayat al-Quran, menyalahafsirkan al-Quran, menyalahgunakan agama dan bermacam-macam lagi. Saya cukup terkilan dengan ucapan Yang Berhormat bagi Batang Lupar....

Tuan Ramli bin Ibrahim: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, dia hanya ada satu minit lagi. Tidak payahlah bertanya apa-apa.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Yang Berhormat bagi Batang Lupar semalam, sehingga meletakkan bahawa seolah-olah pakai kopiah putih, pakai serban itu juga sesat... *[Disampuk]* Ini sudah cukup melampau, kenapa kita bercakap terlalu sentimen kepartian, sedangkan kita seorang Islam. Ukurlah wahyu!

Saya amat kecewa dengan ucapan-ucapan yang seumpama ini yang lahir daripada seorang Muslim sendiri. Saya hormat hak individu untuk berpolitik tetapi jangan kita gunakan sentimen kepartian dan politik itu sehingga kita lupa masalah siapa kita dari segi iman dan akidah.

Tuan Yang di-Pertua, ini cerita monogami. Monogami dan poligami bukan untuk kempen. *Even* poligami juga kita tidak boleh kita kempen... *[Membaca satu ayat Al-Quran]* Jelas ayat Allah. Wanita yang dipilih pun wanita yang baik. Kemudian 'inkhifum', apa syarat yang dihuraikan dalam masalah *khifum*? Jika kamu rasa ragu - Ragu terhadap apa? Keraguan itu sendiri pun tidak boleh didefinisikan mengikut apa yang kita fikir, kerana definisi keraguan itu telah diatur susun dengan kedudukan-kedudukan yang tertentu.

Kita berasa ragu dari segi kesihatan kita, kita rasa ragu dari segi kemampuan ekonomi, kita rasa ragu dari segi untuk menjalinkan kemesraan kasih, maka kamu tidak layak. Berlakunya keruntuhan rumah tangga bukan semata-mata kerana poligami, kerana yang monogami pun berkerenyah-kerenyah. Kalau rekod Jabatan Agama, ada yang runtuh, ada yang kahwin setiap setahun seorang, lepas seorang cerai seorang, lepas seorang cerai seorang. Sebab itu, bagi saya kalau kita hendak kempen, cuma kita boleh kempen ialah "satu isteri satu suami" tetapi bukan "satu suami satu isteri". Satu wanita, makna satu suami, itu yang kita kempen baru betul.

Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, bagi saya ada benarnya di antara poligami dengan juga monogami. Bagi mereka yang tidak layak, mereka bermonogami. Sebab itu saya pun sampai sekarang Tuan Yang di-Pertua, seorang sahaja. Tidak tahulah kot selepas daripada ini, setakat ini manalah tahu ada rekomen Sri Gading. *[Ketawa]* Allah!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup ya.

Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib: Tuan Yang di-Pertua, itulah mudah-mudahan daripada saat ini dan seterusnya, kepada kita ahli-ahli di Dewan ini terutama sekali, marilah kita bersama-sama menjadi model, menjadi contoh dan menjadi teladan sebagai seorang pemimpin yang diberi mandat oleh rakyat. Yang keruh kita sama-sama jernihkan dan mudah-mudahan yang jernih kita dapat nikmati bersama. *Insyallah!* Assalamualaikum.

Tuan Yang di-Pertua: Bandau.

12.48 tgh.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili [Bandau]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya sudah tiga hari bangun-bangun, nama tercicir mengikut BBC.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan Titah Diraja mengandungi dan menyentuh banyak perkara tentang keadaan, cabaran dan masa depan negara Malaysia serta tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh pihak kerajaan untuk meningkatkan lagi kemajuan untuk rakyat jelata di negara kita.

Saya dan pihak kami terus menyokong penuh isi kandungan Titah Diraja yang begitu tegas dan jelas menyentuh banyak perkara yang perlu diberi perhatian melalui pihak kerajaan dan rakyat keseluruhannya.

Dan pada masa yang sama, mengatakan terima kasih atas peluang yang diberi kepada pihak saya dan kami, untuk membahaskan dan menyokong Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Ucapan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, pada setakat ini, dan memandangkan perkembangan sekeliling kita, pihak kita menyokong penuh ketetapan kerajaan, membantah dan mengutuk Kerajaan Amerika Syarikat dan rakan-rakannya dalam Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, yang berdegil memerangi negara Iraq dan menentang arus pendirian majoriti negara, yang membantah tindakan kejam tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, "*...Disarmament through war and violence is a policy, you cannot achieve peace and security through disarmament that is conducted through war.*"

Apa dasarnya majoriti ahli-ahli PBB menyokong tujuan mencapai *peaceful disarmament* di Iraq, dengan izin. Sekali lagi, *peaceful disarmament*, bukan melalui peperangan. Amerika Syarikat harus menghormati ketetapan ini dan tidak menderhakai PBB dan khasnya Majlis Keselamatan PBB dengan cara bertindak sendiri sesuka hatinya seperti mana yang dilabel, dengan izin, "*American cowboy*".

Tuan Yang di-Pertua, kita tegaskan sekali lagi bahawa kita menentang peperangan, yang diwujudkan oleh Amerika Syarikat ke atas negara Iraq. Peperangan tidak boleh menyelesaikan apa-apa masalah, bahkan ia akan membawa kerosakan, kemusnahan, kemunduran dan penderitaan semua pihak.

Dalam peperangan sebenarnya tidak ada seorang pun yang menang, walaupun kemungkinan ada pihak yang kalah. Kita inginkan damai dan penyelesaian masalah melalui perundingan yang mementingkan keselamatan semua pihak dan menghargai nyawa manusia, walaupun keadaan mungkin amat merunsingkan kerana perundingan sering kali gagal mencapai keputusan yang memuaskan bagi semua pihak.

Tuan Yang di-Pertua, doa dan harapan kita semua ialah Amerika Syarikat dan rakan-rakannya, dalam Majlis Keselamatan PBB pada saat-saat terakhir ini akan mementingkan nyawa daripada kuasa mutlak dan mengutamakan damai daripada permusuhan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kita mengalu-alukan tindakan yang telah dan sedang dilaksanakan oleh kerajaan, untuk mempertahankan pertumbuhan ekonomi negara, dari ancaman luar khasnya akibat tekanan ekonomi yang muncul akibat peperangan, yang mungkin dan nampaknya seolah-olah walaupun berada sekadar 12 jam lagi yang tinggal, untuk negara Iraq mengambil pertimbangan desakan dan amaran Amerika Syarikat tetapi namun nampaknya dan kita berdoa tidak akan wujud, tetapi nampaknya sudah berada dalam keadaan tipis.

Pihak kita difahamkan bahawa kerajaan sedang mengemas kini program dan strategi-strategi untuk melindungi ekonomi negara dari sebarang akibat negatif kepada pertumbuhan ekonomi, khasnya produktiviti di peringkat sektor-sektor eksport tertentu.

Pihak kita cukup yakin, bahawa pihak kerajaan akan dapat mengatasi dengan jayanya apa juga ancaman yang kemungkinan wujud dan sekali gus mempertahankan kemantapan ekonomi, kadar produktiviti dan kualiti hidup yang sedang dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Pihak kita juga cukup yakin bahawa rakyat jelata negara keseluruhannya akan terus bersatu padu, berdiri teguh di belakang kepimpinan negara, menyokong penuh apa juga tindakan yang perlu dilakukan demi mempertahankan kedaulatan negara dan kemakmuran yang dinikmati oleh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal menangani ancaman kepada ekonomi negara Malaysia, berasas daripada perkembangan dan alam persekitaran di peringkat antarabangsa, dengan adanya ancaman peperangan yang dilakukan oleh pihak Amerika Syarikat kepada Iraq, maka adalah ditekankan bahawa persekitaran ekonomi dunia pasti akan berubah, lewat serangan tersebut, antara perkara-perkara yang akan wujud ialah kenaikan harga minyak dan alam yang tidak menentu dari segi sentimen pelaburan di pasaran modal di seluruh dunia.

Pasti keadaan ini akan mempengaruhi kedudukan ekonomi Malaysia. Seperti mana yang ditekankan oleh Timbalan Menteri Kewangan pada hari kelmarin, iaitu dari segi impak kenaikan harga minyak dunia, kepada harga minyak di negara Malaysia, kemungkinan impaknya itu tidak akan begitu ketara kerana harga minyak domestik dikawal oleh pihak kerajaan. Jadi, kemungkinan dari segi kenaikan inflasi ia tidak akan begitu serius.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, pihak kita berpendapat, impak kenaikan harga minyak akan mempengaruhi kos pengeluaran di peringkat sektor industri khususnya barangan-barangan eksport yang mengimport sebahagian komponen pengeluaran.

Kenaikan harga minyak akan sekali gus mempengaruhi taraf produktiviti di peringkat sektor, pihak kami berpendapat bahawa pihak kerajaan hendaklah mengkaji dan memantau perkara ini supaya kos pengeluaran tidak akan meningkat ke tahap di mana barangan eksport negara Malaysia tidak akan lagi kompetitif di pasaran antarabangsa hasil daripada kenaikan kos minyak yang akan pasti wujud apabila peperangan wujud.

Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah langkah-langkah yang sedang dirancang di dalam perkara ini, walaupun pihak Timbalan Menteri dan kerajaan telah menyatakan bahawa apa juga perancangan akan diumumkan pada penghujung bulan ini, tetapi adalah baik bagi para pelabur untuk lebih awal dapat menangkap langkah-langkah dan persiapan-persiapan yang dilakukan oleh kerajaan demi mempertahankan produktiviti dan *competitiveness*, dengan izin, barangan eksport Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai domestik ekonomi pula, ia perlu terus digalakkan supaya kadar pertumbuhan dapat dipertahankan dan juga kadar, dengan izin, *presumption*, tidak menurun. Dalam hal ini langkah-langkah *pre-emptive* iaitu *pre-emptive measures* hendaklah terus dilaksanakan, namun dalam hal ini, program dan projek *pre-emptive* yang akan diteruskan, yang akan dilaksanakan oleh kerajaan haruslah lebih terfokus kepada sektor-sektor dan subsektor yang boleh menyumbang dengan kadar yang tinggi dan dalam tempoh yang singkat kepada pertumbuhan sektor tersebut.

Adalah juga ditekankan bahawa pelaksanaan projek-projek tersebut hendaklah dikawal ketat, supaya masalah boros dan berlapis ganda dapat dielakkan. Dalam hal yang sama, pihak kerajaan dan khasnya Kementerian Kewangan haruslah juga memberi masa yang cukup untuk pihak negeri ataupun pihak pentadbiran di daerah, seperti kuasa-kuasa tempatan dan khususnya juga bagi Ahli-ahli Parlimen untuk melibatkan diri dalam soal perancangan dan masa yang mencukupi itu adalah penting supaya ia lebih teratur dan saya katakan tadi tidak boros dan tidak berlapis ganda.

Pada masa yang sama juga, Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang di sini mengatakan bahawa pembayaran-pembayaran kepada para kontraktor pelaksana juga, dalam keadaan ekonomi ataupun *certainty* di peringkat antarabangsa itu yang mula dialami perlulah juga pihak kementerian dan pihak kerajaan mempercepatkan tuntutan-tuntutan pembayaran kepada kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam pelaksanaan program-program *pre-emptive* seperti di peringkat negeri Sabah. Kita sedia maklum dijangka bahawa masih kira-kira 60% tuntutan dari projek yang dilaksanakan secara program daripada tahun yang lalu belum diselesaikan dan ini perlulah diberi perhatian secepat mungkin supaya bukan sahaja pusingan modal bagi

kontraktor bumiputera tetapi dengan pembiayaan tersebut, *injection*, dengan izin, agar *local economy* akan terus berjalan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan bahawa usaha-usaha kerajaan membangun negara dari segi ekonomi dan sosial, telah membawa manfaat dan keadaan peningkatan kualiti hidup rakyat kita yang begitu ketara. Tumpuan yang diberi kepada pembangunan sektor pendidikan amatlah dialu-alukan, khasnya pembinaan dan pelengkapan sekolah-sekolah rendah dan menengah, mahu pun dari segi pembaikan ataupun pembinaan bangunan-bangunan baru.

Tumpuan kepada pembangunan infrastruktur ini adalah tepat kepada keperluan rakyat khasnya di luar bandar. Pihak kita dimaklumkan bahawa bagi Rancangan Malaysia Kelapan, sejumlah 160 buah sekolah menengah dan 198 buah sekolah rendah telah pun dirancang dibina di seluruh negara iaitu sejumlah 358 buah semuanya.

Namun demikian, setakat ini, hanya sejumlah 72 projek sahaja dalam proses pembinaan iaitu 25 buah sekolah menengah dan 47 buah sekolah rendah. Angka ini mencerminkan bahawa matlamat yang ditentukan masih jauh dari pencapaian. Bahkan ini sudah di peringkat pertengahan Rancangan Malaysia Kelapan, dan nampaknya daripada data ini saya kira 20% yang dalam proses pembinaan.

Pihak kita merayu agar Kementerian Pendidikan memberi perhatian kepada masalah pelaksanaan program pembinaan sekolah-sekolah seperti yang dirancang supaya apa yang dirancang, seperti yang saya katakan tadi akan tercapai khasnya keperluan-keperluan di luar yang begitu mendesak.

Pihak kita dimaklumkan bahawa beberapa sekolah yang telah dirancang untuk dilaksanakan telah ditunda atau sedang disemak balik kerana dengan izin, *ceiling* peruntukan, yang disediakan bagi kementerian telah pun dengan izin, *burst* atau peruntukan terlebih pakai.

Dalam perkara ini, pihak kita merayu kepada kementerian supaya dalam soal menyemak kembali keperluan-keperluan bangunan, dan keperluan-keperluan asas di sekolah-sekolah di luar bandar, keutamaan hendaklah diberi kepada kawasan-kawasan yang masih mundur ataupun *depressed*, dengan izin, demi mengurangkan jurang kemajuan dan juga pengagihan peruntukan di antara bandar dan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya akan sambung. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya. Mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada jam 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Mesyuarat**]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan disambung semula. Dijemput Yang Berhormat bagi Bandau menyambung ucapan. Sila.

2.32 ptg.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum ditangguhkan tadi saya berbicara tentang keperluan pendidikan di luar bandar. Saya sambung.

Di kawasan Parlimen Bandau beberapa sekolah menengah dan rendah yang telah dirancang dibina dalam Rancangan Malaysia Kelapan belum lagi dilaksanakan. Misalnya, SMK Bandau, SMK Langkun dan SMK Bingkungan, masing-masing telah memulakan pengambilan pelajar peringkat sekolah menengah semenjak 4 tahun yang lalu tetapi ketiga-tiga SMK tersebut masih menumpang di bangunan sekolah rendah masing-masing.

Keadaan adalah mendesak dari segi keperluan bangunan dan tapak yang baru kerana *facilities* di SMK masing-masing amat tidak mencukupi. Dalam soal ini,

maka saya ingin merayu supaya pelaksanaan pembangunan ketiga-tiga SMK tersebut dapat diteruskan secepat mungkin untuk menampung keperluan infrastruktur asas para pelajar kita yang kebanyakannya berasal dari keluarga yang berpendapatan rendah dan berasal dari kampung-kampung yang jauh daripada bandar.

Tuan Yang di-Pertua, memang di beberapa tempat termasuklah di zon utara Kudat, kita berterima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan kerana sering kali nama sekolah menengah yang dibina baru itu sering kali disebut SMK II seperti SMK Tandik II dan seterusnya. Tetapi sambil kita menambah bangunan SMK, SMK-SMK yang lama menyebutkan SMK II atau SMK III, kita harus prihatin juga kepada keperluan asas tempat-tempat yang telah pun dikenal pasti sebagai memerlukan bangunan SMK baru.

Saya sentuh ini kerana tiga tempat yang saya sentuh tadi para pelajar yang sudah Tingkatan 3 dan belum lagi bangunan yang telah pun dirancang dibangunkan. Dalam kesempatan ini juga saya ingin merayu kepada pihak Kementerian Pendidikan untuk sekali lagi memberi perhatian kepada rayuan kita bahawa satu SMK di kawasan Kampung Merab, Perak, Kota Merudu harus diberi perhatian untuk dibina.

Ini disebabkan bahawa di tempat ini adalah tempat yang memang terpencil tetapi dia mempunyai *catchment area*, sejumlah 6 sekolah rendah dan dengan penubuhan sekolah menengah di tempat tersebut, kita berpendapat bahawa bukan sahaja peluang untuk para pelajar meneruskan pendidikan mereka ke peringkat sekolah menengah, akan dapat ditampung tetapi sekali gus akan membantu meningkatkan ekonomi rakyat kita di kawasan tersebut yang kebanyakannya adalah masyarakat ataupun isi keluarga dari golongan berpendapatan rendah ataupun miskin.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pengajaran Bahasa Inggeris di sekolah-sekolah, pihak kita juga terus mengalu-alukan apa juga tindakan dan program-program pelaksanaan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan. Namun pihak kita juga merayu kepada pihak kementerian supaya memberi tumpuan dan perhatian kepada sekolah-sekolah luar bandar yang tidak mempunyai infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, bekalan air, makmal komputer dan tenaga pengajar mahir dalam mata pelajaran Sains dan Bahasa Inggeris.

Sebab seperti mana kita sedia maklum, keutamaan pada fasa pertama adalah dari segi pembekalan komputer misalnya adalah kepada sekolah dalam golongan 'A' ataupun sekolah-sekolah yang sudah sedia ada bekalan elektrik dan bekalan-bekalan infrastruktur asas. Jadi, apabila ini terjadi, sekolah yang belum mempunyai bekalan elektrik misalnya, akan terus ketinggalan. Jadi, pihak kita merayu kepada pihak kementerian supaya pada masa yang sama kita membangun ataupun memajukan tempat yang sudah mempunyai infrastruktur asas, sekolah-sekolah yang belum mempunyai tetapi perlu dibangunkan sebagai satu *stimulus*, dengan izin, bagi kawasan-kawasan luar bandar itu haruslah diberi perhatian. Sekolah-sekolah yang menghadapi kekurangan dalam hal ini masih terus ketinggalan dari segi pengembangan dan kemajuan dalam pelajaran Bahasa Inggeris dan Sains.

Pihak kita juga sedia maklum bahawa kementerian sedang berusaha gigih mengatasi keperluan-keperluan ini, namun keadaan di sekolah luar bandar hendaklah diberi perhatian dengan cara yang lebih spesifik supaya jurang kemajuan tidak terus wujud di antara sekolah bandar dan sekolah di luar bandar.

Di dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang membangkitkan keperluan seperti mana saya telah banyak sentuh, keperluan bangunan guru di SK Takibang yang begitu terpencil daripada daerah Kota Merudu ataupun kawasan Parlimen Bandau, ia hanya boleh dihubungi melalui kawasan Ranau. Kita baru sahaja kembali dari sana 2 minggu yang lalu dan keperluan perumahan guru pun masih lagi dalam keadaan sebahagiannya dibina oleh masyarakat dahulu dan baru sahaja menggunakan peruntukan Parlimen untuk membina asrama sementara. Jadi, saya merayulah kepada pihak kementerian supaya memberi tumpuan-tumpuan kepada keperluan dari segi prioriti seperti yang saya tekankan ini.

Begitu juga di sekolah SMK Sungai Magandai, sampai sekarang masih lagi menggunakan bangunan yang dibuat oleh Persatuan Wartawan Sabah. Pihak saya telah berbincang dengan Pengarah Pendidikan Negeri dan beliau mengatakan masalahnya di sana itu ialah masalah jalan raya.

Pada saat ini, peruntukan *preemptive* jalan raya telah pun dibina dan siap dan saya berharap dengan adanya jalan raya pihak kementerian dan Jabatan Pendidikan akan memberi tumpuan untuk memberi bangunan baru dan sekali gus membina asrama sementara untuk menampung keperluan anak-anak suku kaum Kadazan Dusun Kimaragang dan Sonsogon di tempat itu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal keselamatan ucapan Titah Diraja ada juga terus menyentuh kepentingan pihak kerajaan, terus berusaha memelihara dan menjamin keselamatan dan kedaulatan negara. Pihak kita mengalu-alukan usaha Kerajaan Pusat menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin di seluruh negara khususnya di negeri Sabah, Projek Ops Nyah II Bersepadu yang dilaksanakan di negeri Sabah semenjak awal tahun 2002, telah mencapai *success* dan kejayaan dari segi mengurangkan jumlah pendatang tanpa izin di negeri tersebut.

Dalam anggaran kita tidak kurang 50% telah pun dikurangkan melalui beberapa pelaksanaan program tersebut. Pada saat ini, rakyat negeri Sabah merasa lebih selamat dan berperasaan dalam keadaan berkuasa di bumi negeri Sabah. Hasil daripada Projek Ops Nyah II Bersepadu, hampir 200,000 PTI telah dihantar pulang ataupun pulang ke negara asal masing-masing dengan sukarela.

Adalah harapan kita semua supaya Program Ops Nyah II Bersepadu akan diteruskan dengan lebih menyeluruh lagi, dengan lebih berkesan di bawah pentadbiran Ketua Menteri baru di negeri Sabah iaitu Yang Berhormat Dato' Musa Ahmad. Usaha meneruskan program membanteras PTI adalah amat penting sekali demi memantapkan lagi keadaan keselamatan negeri Sabah dan keselamatan negara Malaysia keseluruhan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat habis, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Dan, sekali gus meyakinkan para pelabur dan pelancong bahawa negeri Sabah adalah bebas daripada ancaman anasir-anasir menculik ataupun anasir dan ancaman yang dibawa oleh para pendatang asing.

Saya gulung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Oh, masa singkat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah habis pun Yang Berhormat, bukan singkat lagi.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: 2 minit. 10 minit beri tadi kan?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat, sudah habis pun.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Saya merayu agar Kerajaan Pusat akan terus membekal keperluan-keperluan fizikal dan kewangan anggota polis dan anggota tentera supaya tugas dan tanggungjawab mereka untuk mensifarkan PTI di negeri Sabah dalam tempoh yang segera akan dapat dicapai.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk dahululah, Yang Berhormat. Berdiri lama pun saya tidak mesti bagi.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terakhirnya, Tuan Yang di-Pertua, pihak kita terus mengalu-alukan setiap keputusan dan ketetapan yang dibuat oleh Kerajaan Malaysia melalui tindakan mengutuk, saya katakan tadi di awal ucapan saya....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat, habis Yang Berhormat.

Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili: ...mengutuk Amerika Syarikat dalam tindakannya untuk menyerang Iraq. Sekali lagi saya merayu, "*Jangan, Jangan, Jangan menyerang Iraq.*" Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Tuaran.

2.41 ptg.

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta membahaskan Usul Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Diraja yang disampaikan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam.

Tuan Yang di-Pertua, Titah Ucapan Diraja telah menyentuh sebanyak 36 perkara. Dalam kesempatan yang pendek ini, cuma saya akan menyentuh satu perkara sahaja iaitu soal pembasmian kemiskinan. Perangkaan-perangkaan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelapan membuktikan dengan jelas bahawa Kerajaan Malaysia telah mencapai kecemerlangan dalam pembasmian kemiskinan.

Kadar kemiskinan negara buat keseluruhannya telah berkurangan daripada 8.7% pada tahun 1995 kepada 7.5% pada tahun 1999. Kadar kemiskinan bagi negeri-negeri yang lebih maju iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Perak, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkurangan sedikit daripada 4.2% pada tahun 1995 kepada 3.99% pada tahun 1999. Bagi negeri-negeri yang kurang maju menurut indeks komposit pembangunan iaitu Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu, kadar kemiskinan juga berkurangan daripada 15.6% pada tahun 1995 kepada 13.2% pada tahun 1999.

Dalam konteks ini negeri Sabah mencatatkan kadar kemiskinan yang tertinggi iaitu 22.4% pada tahun 1995 dan menurun kepada 20.1% pada tahun 1999. Kejayaan Kerajaan Malaysia ini adalah hasil daripada kesungguhan kepimpinan kerajaan melaksanakan pelbagai program pembasmian kemiskinan termasuklah pelaksanaan program-program mikro kredit melalui agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia dan agensi-agensi yang turut serta melaksanakan konsep Grameen Bank daripada Bangladesh, seperti Yayasan Usaha Maju atau YUM di negeri Sabah.

Melalui Rancangan Jangka Panjang Ketiga dan Rancangan Malaysia Kelapan kerajaan juga telah menetapkan sasaran bahawa menjelang tahun 2005 kadar kemiskinan negara kita Malaysia akan menurun kepada 0.5%. Ini bererti bahawa kita akan mencapai kadar kemiskinan hampir sifar menjelang tahun 2005. Persoalannya sekarang ialah jika sekiranya kadar kemiskinan di tujuh negeri kurang maju, masih lagi berada pada kadar purata 13.2% dan kadar kemiskinan negeri Sabah yang tidak dapat dikeluarkan daripada 20.1% kepada 0.5% maka ini bererti bahawa negara kita tidak akan berjaya mencapai sasaran 0.5% kadar kemiskinan pada tahun 2005 iaitu tinggal 2 tahun daripada sekarang.

Untuk mencapai sasaran ini, Tuan Yang di-Pertua, maka sudah sewajarnya kerajaan menumpukan perhatian yang bersungguh-sungguh kepada pembasmian kemiskinan di ketujuh-tujuh negeri yang kurang maju dan terutama sekali di negeri Sabah oleh kerana kemiskinan di negeri itu masih lagi tinggi. Sebagai contoh, sudah tiba masanya bagi Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan tambahan kepada agensi-agensi yang telah terbukti berjaya membasmi kemiskinan terutama sekali kepada Amanah Ikhtiar Malaysia.

Saya mohon mencadangkan, Dewan yang mulia ini supaya agensi ini diberi peruntukan tambahan khususnya untuk dana pengurusan supaya dengan adanya peruntukan ini maka dapatlah agensi ini dapat memperluaskan kegiatan-kegiatan terutama sekali di negeri Sabah.

Saya juga mencadangkan supaya Kerajaan Persekutuan memberi peruntukan kepada Yayasan Usaha Maju atau YUM di negeri Sabah bukan sahaja untuk peruntukan pengurusan tetapi juga peruntukan untuk pinjaman *micro credit*. Saya tidak tahu sama ada Kerajaan Negeri Sabah telah memohon peruntukan ini daripada Kerajaan Persekutuan tetapi setakat ini saya tahu dan Pengerusi Amanah Ikhtiar Malaysia juga, Ahli Yang Berhormat bagi Lipis juga tahu bahawa Yayasan Usaha Maju sekarang ini jika sekiranya peruntukan tambahan tidak diberikan daripada Kerajaan Persekutuan, saya fikir yayasan ini boleh ditutup bila-bila masa.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, dalam kes Sabah dan Sarawak, Kerajaan Persekutuan sudah pun menambah komitmen dan kesungguhan yang amat tinggi untuk membasmi kemiskinan di kedua-dua negeri tersebut terutama sekali untuk

membasmi kemiskinan di kalangan suku-suku kaum bumiputera minoriti seperti mana yang disebut pada Perenggan 3.44, muka surat 39, Dokumen Rancangan Malaysia Kelapan yang berbunyi "Penyiasatan pendapatan isi rumah lebih terperinci bagi Sabah dan Sarawak akan dijalankan untuk menetapkan tahap pendapatan, kemiskinan dan kualiti hidup di pelbagai kawasan dalam negeri tersebut serta di kalangan pelbagai kumpulan bumiputera seperti Kadazandusun, Iban, Bajau, Murut, Bidayuh dan pihak bumiputera minoriti yang lain. Penemuan daripada penyiasatan tersebut akan digunakan untuk merangka pendekatan yang lebih khusus bagi membasmi kemiskinan serta meningkatkan kualiti hidup di kawasan pedalaman dan terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kelapan sudah pun dilaksanakan selama dua tahun iaitu daripada tahun 2001 hingga 2002. Untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kelapan, kita sekarang hanya mempunyai lebih kurang dua tahun lagi iaitu tahun 2003 hingga tahun 2005. Saya ingin bertanya kepada kerajaan sama ada kerajaan telah melaksanakan penyiasatan pendapatan isi rumah di kalangan bumiputera minoriti Sabah dan Sarawak seperti mana yang digariskan oleh Rancangan Malaysia Kelapan tadi.

Dalam konteks yang sama saya juga ingin bertanya sama ada kerajaan telah menerima dan melaksanakan resolusi yang telah dihantar kepada kerajaan hasil daripada satu forum yang telah dianjurkan oleh Dayak Graduate Association dengan INDEP pada tahun lepas. Saya ingin bertanya sama ada Unit Perancang Ekonomi dan juga Majlis Tindakan Ekonomi Negara telah berbuat sesuatu untuk melaksanakan bukan sahaja dasar kajian yang saya sebut tadi tetapi juga dalam memorandum yang telah diserahkan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penyokong kerajaan, saya merasa bimbang kalau-kalau sasaran 0.5% kadar kemiskinan pada tahun 2005 itu tidak tercapai. Kebimbangan ini berasaskan kepada hakikat bahawa program-program khusus dengan pendekatan baru dan bersesuaian dengan keunikan tahap pencapaian sosioekonomi Sabah dan Sarawak untuk membasmi kemiskinan di kalangan bumiputera minoriti di kedua-dua negeri tersebut terutama sekali di kalangan masyarakat yang telah dikenal pasti sebagai masyarakat di mana terdapatnya golongan rakyat termiskin seperti petani bukit dan juga kumpulan nelayan. Kajian Institut Pembangunan Negeri Sabah atau IDS pada suatu ketika dahulu telah mendapati bahawa kumpulan termiskin di Sabah adalah di kalangan petani tradisional padi bukit dan juga di kalangan nelayan tradisi.

Tuan Yang di-Pertua, menurut perangkaan dalam *Buletin Statistik*, para petani padi bukit mengusahakan seluas lebih kurang 10,519 hektar tanah di Sabah dan 72,517 hektar di Sarawak setiap tahun. Manakala pengeluaran padi mereka pula ialah - ini daripada *Buletin Statistik*, bukan daripada saya sendiri - 16,990 tan metrik di Sabah, manakala di Sarawak pula ialah 47,835 tan metrik. Di Sabah pengeluaran padi bukit adalah merupakan 22.5% daripada jumlah keseluruhan pengeluaran padi negeri berbanding dengan 77.5% bagi padi sawah. Ada pihak-pihak yang membuat andaian bahawa para petani padi bukit akan berkurang apabila generasi akan datang mendapat pendidikan yang lebih baik atau lebih tinggi. Namun demikian, perangkaan-perangkaan menunjukkan bahawa bilangan isi rumah serta keluaran pertanian padi bukit bukan pula berkurang setiap tahun tetapi meningkat dari tahun ke tahun.

Saya tetap yakin bahawa kerajaan mampu melaksanakan program-program pembangunan yang khusus untuk kumpulan sasaran ini terutama sekali apabila maklumat sosioekonomi terperinci mengenai mereka diperolehi. Oleh itu, saya ingin mencadangkan pihak kerajaan supaya mempercepat penyiasatan dan kajian seperti mana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kelapan tersebut supaya pendekatan-pendekatan yang bersesuaian, yang unik, yang barangkali berlainan sedikit dengan pendekatan-pendekatan yang selama ini telah dilaksanakan di negeri-negeri di Semenanjung.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya program-program pembangunan pembasmian kemiskinan di kalangan Orang Asli di Semenanjung juga perlu diperhebat. Ini adalah amat penting supaya Orang-orang Asli ini akan terkeluar daripada golongan termiskin dan supaya martabat dan maruah Orang-orang Asli ini terbela. Kita tidak mahu Orang-orang Asli ini dan nama suku kaum Orang Asli ini terus menerus diperalatkan, digunakan untuk mencemuh orang lain.

Saya merasa amat kesal apabila Yang Berhormat bagi Kuala Kedah pada 17 Februari menggunakan nama suku kaum 'Jakun' untuk mencemuh orang lain. Bagi

saya, ini adalah sikap angkuh. Ini bagi saya adalah mentaliti Bush, sebab dia merendah-rendahkan orang lain iaitu salah suku kaum kita di Malaysia. Kita berharap seluruh rakyat Orang Asli dari Perlis sampai ke Johor bangkit untuk menentang PAS. [Disampuk] Ini bukan kali pertama pemimpin-pemimpin...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Boleh saya tanya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Minta maaf, pendek masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tak bagi jalan, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bagilah saya jawab!

Tuan Wilfred Madius Tangau: Memang ini banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia belum bagi lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohamad bin Sabu: Saya tak tuju mana-mana kaum. 'Jakun' itu tak cerdik. Saya tak tuju kaum itu.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Duduk, duduk! Ini *floor* saya, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini bukan pertama kali. Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS menggunakan nama suku kaum, 'Jakun' untuk mencemuh orang lain. Dalam persidangan yang lepas Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena juga menggunakan perkataan ini. Kita mengatakan bahawa tolonglah jangan gunakan nama suku kaum untuk mencemuh orang lain. Biarlah kita menghormati walaupun orang ini dipandang rendah, walaupun tahap pembangunan Orang-orang Asli ini masih lagi rendah tetapi tolonglah jangan. Kita mengharapkan mereka membela Orang Asli tetapi dia tidak membela. Semalam dia membela orang-orang Indonesia - pembantu rumah Indonesia, dia tahu bila Orang Asli dia mencemuh. Dia gunakan pula nama suku kaum Orang Asli untuk mencemuh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, kajian ini adalah amat penting tentang kemiskinan. Saya difahamkan bahawa Majlis Tindakan Ekonomi Negara sedang menjalankan satu kajian kemiskinan di Kedah - baguslah untuk Kuala Kedah, terima kasihlah dia tetapi saya mencadangkan supaya kajian kemiskinan ini janganlah dibuat secara *piecemeal*, buatlah kajian kemiskinan secara menyeluruh. Di semua negeri yang dikatakan negeri kurang maju dan supaya program-program pembasmian kemiskinan ini dapat disasarkan, dapat diadakan pendekatan yang bersesuaian supaya ia lebih berkesan untuk menepati sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan isi rumah golongan miskin termasuklah memberi sumber pendapatan sampingan seperti aktiviti industri berasaskan pertanian berskala kecil dan pemprosesan sumber hutan yang tidak berasaskan kayu balak termasuklah satu kampung satu industri.

Program-program ini amatlah kita alu-alukan. Dan di tempat-tempat di mana prasarannya mencukupi terutama sekali prasarana pengangkutan dan juga bekalan elektrik, bekalan air dan sebagainya kita yakin kerajaan akan berjaya. Cabaran kerajaan ialah bagaimana kita memulakan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Peraturan Mesyuarat 35(4) - Seseorang Ahli yang telah bercakap dalam sesuatu masalah itu boleh bercakap menerangkan apa-apa perkara besar dalam ucapannya yang telah menerbitkan kesamaran faham tetapi tidak boleh dikeluarkan perkara-perkara terbaru.

Saya sebut perkara ini sebab nanti surat khabar petik, esok kata saya hina orang Jakun. 'Jakun' bukan saya tuju kepada kaum. Misalnya pandangan saudara pandangan jakun. Itu ayat bahasa Malaysia, saya tidak tuju mana-mana kaum. Macam juga kita kata itu asli, bukan Orang Asli. Jadi, jangan akhbar esok laporkan, saya hina orang Jakun. Ini minta Speaker, saya tidak tuju mana-mana kaum. Ini dia salah ambil ayat itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apalah, teruskanlah ucapan. Saya harap penjelasan itu difahami semua.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya ini bukan orang Melayu tetapi saya juga mengaji dalam bahasa Melayu. Saya tak pernah lihat dalam Dewan Bahasa dan Pustaka ungkapan 'Jakun' itu sebagai salah satu patah perkataan dalam bahasa Melayu. Yang saya tahu ungkapan 'Jakun' itu adalah salah satu daripada suku kaum Orang Asli di Semenanjung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Dan apabila katakan Jakun, kita faham bahawa bila digunakan 'Jakun' itu dia mengatakan ini macam bodoh, orang ini rendah, kamu ini... Dia gunakan...

Tuan Mohamad bin Sabu: Kami di sini tidak ada suku kaum Jakun.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Ini sebenarnya menghina orang lain.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tak ada suku kaum Jakun, jadi kami guna perkataan jakun adalah perkara bodoh, tidak cerdik, bukan masalah menghina kaum.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah Yang Berhormat .

Tuan Mohamad bin Sabu: Jangan tersalah *quote* perkara ini, saya hormat saudara, saya hormat Yang Berhormat tetapi jangan tersalah *quote* perkara itu.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Jangan ambil masa banyak untuk saya. Tuan Speaker, saya mohon mencadangkan supaya di Dewan yang mulia ini di masa-masa yang akan datang jangan lagi gunakan perkataan-perkataan nama suku kaum untuk menghina orang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar ada juga program Gerakan Desa Wawasan untuk memperkasa keupayaan institusi akar umbi terutama sekali badan JKKK untuk membawa kesejahteraan rakyat di peringkat kampung tetapi program ini hanya boleh dilaksanakan di kampung-kampung yang mempunyai bekalan elektrik dan jalan raya yang sudah diaspal. Bagi kampung-kampung yang langsung tidak ada jalan raya dan yang jalan *gravel*, kita kena tunggu giliran.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya sempat membawa Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar dan saya ucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada beliau dan pegawai-pegawai di kementerian kerana telah melawat kawasan saya dan saya telah mencadangkan membawa Timbalan Menteri ini untuk melancarkan Gerakan Desa Wawasan di dalam satu kampung. Walau bagaimanapun, Pengarah KEMAS negeri telah menasihatkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa kampung ini belum layak lagi untuk dilancarkan sebagai Gerakan Desa Wawasan sebab kampung ini tidak ada bekalan elektrik dan jalan raya belum lagi diaspal, masih lagi *gravel*. Timbalan Menteri mengatakan "...Kenapa tidak boleh, ini saya nampak ada bilik gerakan, sudah banyak aktiviti." Dia cakap ini dia punya kelayakan. Itu salah satu daripada ciri-ciri untuk melancarkan Gerakan Desa Wawasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya gulung.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Saya mohon mencadangkan pihak kementerian supaya menyesuaikan kelayakan-kelayakan dan ciri-ciri Gerakan Desa Wawasan ini bukan sahaja dimestikan ada bekalan elektrik, sebab kalau kita hendak tunggu lamalah. Dan kita kena tunggu lama semua jalan raya diaspal, jika sekiranya kampung itu tersusun, jika sekiranya kepimpinan di kampung itu terlatih untuk menjalankan Gerakan Desa Wawasan, luluskanlah, biarkanlah sebab ini bukan melibatkan banyak peruntukan daripada kerajaan, cuma kita mahu memulakan orang-orang kampung dapat digerakkan untuk membuat satu...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya masa Yang Berhormat sudah habis.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Dengan kata-kata demikian, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya jemput Pulau.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, DAP belum dapat satu lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak usah persoalkan saya. Saya bagi, Yang Berhormat, itu hak saya Yang Berhormat. Pulau.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya tahu ini memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya tak usah bincang Yang Berhormat, ini hak saya Yang Berhormat. Saya bagi, tunggulah.

3.02 ptg.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar [Pulai]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabaakatuh.*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Walaikum salam.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk mengambil bahagian di dalam Ucapan Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam keadaan kita dalam Dewan yang mulia ini sedang kita bercakap, berbahas, kadang-kadang bertengkar tidak menjadi halangan. Saudara-saudara kita di negara Iraq sedang dikepung oleh askar-askar Amerika Syarikat dan konco-konconya seramai 250,000 orang dan mempunyai senjata-senjata yang canggih, mempunyai senjata-senjata yang moden. Dia tidak payah serang, dia petik sahaja daripada tempat yang ada hari ini kita fikir banyak yang menjadi mangsa.

Ribuan manusia akan menjadi mangsa. Bila-bila masa belum tahu. Kita sebagai rakyat yang sama-sama bersimpati di atas nasib yang akan menimpa rakyat Iraq ini maka kita amat dukacita. Puncanya ialah dengan sebab seorang pembesar negara atau ketua negara yang bersifat gelojoh, yang bersifat angkuh, bersifat besar diri yang dia telah menyangka yang dia tidak ada orang yang boleh mengatasinya. Negeranya dan kerajaannya dianggap sebagai kerajaan yang besar. Tidak menghiraukan segala nasihat dan segala pendapat, segala buah fikiran daripada seluruh negara yang ada dalam dunia ini, melainkan hanya konco-konconya dua tiga negara sahaja.

Dia lupa bahawa manusia ini kekuasaannya terhad, bukan kuasa mutlak. Dia lupa dia juga sebagai seorang manusia dan dia lupa yang dia akan menerima akibat-akibat buruk. Dengan sebab itu, mereka tidak menghiraukan segala pandangan dan segala pendapat negara-negara di seluruh dunia termasuk suara yang dimajukan oleh Kumpulan Negara-negara Berkecuali atau NAM yang baru diputuskan dan sebahagian daripada negara-negara Islam.

Oleh kerana itu mereka tidak menghiraukan dan ada di antara negara yang bersimpati dengan dia. Maka kita sebagai rakyat yang mempunyai fikiran yang waras, fikiran yang sejahtera, fikiran yang sederhana maka berkewajipan di atas kita bersimpati serta apakan daya yang boleh kita buat.

Usaha telah dibuat dengan berbagai-bagai cara, tetapi helah bermacam-macam helah yang dilakukan dari satu helah kepada satu helah, yang sebenarnya mereka hendak menghancurkan negara itu dengan merebut beberapa kekayaan yang ada dalam negara itu. Saya tidak berkata minyak dan sebagainya tetapi untuk merebut kekayaan-kekayaan yang ada di dalam negara yang ditunjukkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, di Johor, telah diarahkan Sembahyang Hajat tiap-tiap lepas Maghrib dan Qunut Nazilah hari Jumaat. Oleh kerana usaha telah dibuat, bermacam-macam cara tetapi degil tetap degil...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Hah...!

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Kita sudah menyamakan macam cerita-cerita Firaun yang dianggapkan tidak ada seorang pun yang boleh mengatasinya dan dia menganggap dia Tuhan, tetapi Presiden Bush juga agaknya tidak ada orang lain yang kuat melainkannya sama juga seperti Firaun.

Dia lupa Al-Quran telah menerangkan [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Ada di antara kumpulan-kumpulan kecil, yang sederhana dapat mengatasi dan mengalahi kumpulan-kumpulan yang besar. Itu adalah dengan kekuasaan Allah S.W.T. dan dia lupa sejarah Abrahah, apabila hendak merosakkan, hendak menubuhkan dan merobohkan Kaabah, tetapi Kaabah bukan kepunyaan seorang, Allah S.W.T. Apakah daya? Apakah yang diterima oleh Abrahah? Akhirnya ranap. Akhirnya hancur lebur. Jadi padang.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Padang jarak.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: ...jarak padang tekukur. Sejarah! Mudah-mudahan kita bukan niat jahat. Hasrat yang kotor, hasrat yang dengki, hasrat takbur, bongkak, agak-agaknya akan bernasib seperti nasib Abrahah. Sebab itu bagi kita hari ini usaha lain tidak ada oleh kerana dia itu taraf dia barangkali dia Tuhan, kita serahkan kepada Allah S.W.T. Kita tidak terdaya dan kita doakan mudah-mudahan saudara-saudara kita, rakan-rakan kita rakyat di Iraq terselamat daripada segala angkara.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Amin. Amin. Amin.*

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: *Amin Yarabbal Alamin.* Hadirin dan hadiratTuan Yang di-Pertua, minta maaf. Saya fikir saya macam kempenlah... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: [*Ketawa*] Apa Yang Berhormat. Itu, teruskan Yang Berhormat.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri minta penjelasan Yang Berhormat. Hendak bagi?

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli Yang Berhormat bagi Jerlun.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Pulau yang beri laluan kepada saya untuk mendapatkan penjelasan. Luahan hati Yang Berhormat tadi itu, saya dapat merasai betapa marahnya Yang Berhormat bagi Pulau kepada Bush yang hendak menyerang Iraq. Saya rasa kita semua pun begitu marah kepada tindakan gelojoh pemimpin Amerika ini tetapi bagaimana sikap ramai di kalangan kita yang terus-menerus menggunakan barang-barang yang diimport daripada Amerika seperti pelbagai jenis jenama rokok. Minuman *CocaCola*, *Pepsi-Cola* dan sebagainya berapa banyak keuntungan daripada jualan barang-barang itu digunakan untuk membeli senjata dihantar untuk memerangi Iraq, di samping membantu Israel membunuh dan menembak umat Palestin.

Bagaimana? Apakah Yang Berhormat bersetuju kalau kita pulau semua barang Amerika ini? Terima kasih. Minta penjelasan sedikit.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita kisah Amerika dengan Iraq ini. Di sini kita sebagai manusia yang bertamadun, negara yang ada undang-undang. Negara yang ada peraturan, kita ada mempunyai fikiran, maka kita serahkan kepada pihak yang berkuasa dan kita mengikut bagaimana apa yang telah disarankan oleh pihak-pihak yang berkenaan, insya-Allah kalau kata pulau, kita pulau. Tidak ada masalah cuma kita sebagai rakyat, patuh, tunduk kepada pemerintahan kita. Itu yang penting. Walau apa sekali pun undang-undang, kita patuh.

Tuan Yang di-Pertua, alhamdulillah, kita sekali lagi alhamdulillah, kita bersyukur duduk dalam sebuah negara, negara yang kecil, aman, damai, makmur, kalau kita keluar negara barangkali ramai Ahli Yang Berhormat keluar negara, negeri kita ini kecil sahaja. Bukan besar sangat kalau dibandingkan dengan negara China 1.3 bilion, Indonesia 240 juta.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Kita 24 juta lebih kurang. Tidak lama lagi akan berubah pula sempadan pilihan raya. Terima, insya-Allah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Kita bersyukur saudara, duduk di sebuah negara, negara yang aman, damai. Itu mengikut dalam bahagian Siasah Syariah yang keutamaan sekali peringkat yang pertama *aulawiyat*, katanyalah. Hah begitu, peringkat awal. Kalau keamanan tidak ada, jangan cakaplah lain-lain hal. Kalau kemakmuran tidak ada, jangan cakap masalah kesihatan dan sebagainya. Ini dari segi peraturan. Kita berterima kasih kepada kerajaan dan juga pimpinan kita yang telah dapat mengatur, menyusun, ...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar:menaja, menjanakan segala perkara-perkara yang boleh membawa keamanan kepada negara kita ini. Kita berterima kasih, saudara walaupun ada sebahagian yang tidak berterima kasih, itu terpulang. Terpulang, itu nikmat Allah S.W.T. kita berterima kasih bersyukur [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Kita bersyukur, insya-Allah tetapi amaran keras kalau sekiranya tidak menghiraukan nikmat Allah S.W.T. ini, maka Allah S.W.T. akan tarik balik [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]. Itu peraturan, sunnah, Allah S.W.T. Tidak bersyukur, tarik balik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Jaga PAS... [*Ketawa*]

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Walau apa sekalipun yang diaturkan oleh pihak negara, walau apa pun yang disusun oleh pihak-pihak kerajaan yang berkenaan, kita patuhi. Tujuannya untuk memberi keselamatan, kesejahteraan, keamanan, kemakmuran rakyat yang ada dalam negara kita. Kewajipan kerajaan setelah dibina kerajaan, setelah dia menang dalam pilihan raya mengikut demokrasi berparlimen, menang dalam pilihan, menubuhkan kerajaan, menyusun dengan keadaan-keadaan yang tertentu, kita patuh.

Walaupun apa sekalipun undang-undang, walaupun pahit dan sebagainya demi kepentingan masalah keselamatan negara itu '*sadduz zarai*' sebagaimana apa yang diperkatakan mengikut dari usul. Menolak kejahatan, menolak kemudaratan, masing-masing tahu masalah ini tetapi oleh kerana ada kepentingan-kepentingan lain..... Minta maaf, ada kepentingan lain, maka menidakkan perkara ini. Kerajaan boleh menubuhkan apa juga undang-undang demi keselamatan, demikian kepentingan rakyat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Okeylah. Cantiklah. [*Tepuk*]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Teruskan, teruskan.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terjemahkan Dato?

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Tidak payah. *[Dewan riuh]* Banyak pengacau ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Terima kasih Yang Berhormat,, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Teruskan, teruskan.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Tuan Yang di-Pertua, mudah-mudahan atas keseluruhannya dan mudah-mudahan atas ketaatan kita, mudah-mudahan atas kepatuhan kita kepada kerajaan, mudah-mudahan nikmat yang Tuhan kurniakan keamanan, kesejahteraan, kemewahan ini terus berjalan, terus akan diwarisi oleh anak-anak kita dan cucu-cucu kita terus berjalan sampai bila-bila masa. Insya-Allah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Amin, amin, amin

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Syabas, syabas.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Saya berpindah kepada mauduk yang lain. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan hari ini telah membuat satu slogan, satu keluarga satu rumah....

[Dewan menjadi riuh seketika]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu isteri atau satu suami atau apa Yang Berhormat?

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Saya tak cakap satu suami dan satu isteri, minta maaf. *[Ketawa]*

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Sri Gading tidak mengapa, Sri Gading tidak mengapa dia *sporting*.

[Ketawa] [Dewan riuh]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Satu keluarga, satu rumah?

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Sebab itu kerajaan sangat berusaha daripada kerajaan pusat dan juga berganding usaha dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk memberikan kemudahan kepada rakyatnya. Mana-mana yang belum ada rumah terutama penduduk-penduduk setinggan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Haa! *[Ketawa]* Setinggan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: *[Ketawa]* Ya, ya satu keluarga dan satu rumah ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setinggan!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Setinggan ini!

[Dewan riuh dengan ketawa]

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Kita amat berterima kasih di atas perhatian dari pihak kerajaan negeri dan pihak-pihak kerajaan pusat dan berhasrat - kerajaan pusat dan kerajaan negeri berhasrat bukan menghapuskan. Dikatakan bahawa tahun 2007, sifar setinggan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Huh!

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar: Dekat Kelantanlah tetapi Terengganu tidak.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Sebab itu pihak kerajaan negeri dan juga pihak tuan-tuan berganding bahu dengan pemaju-pemaju berusaha untuk mengatasi masalah-masalah ini dan kita amat berterima kasih kepada kerajaan pusat melalui JPN iaitu Jabatan Perumahan Negara telah membuat pembinaan-pembinaan rumah sama ada rumah-rumah sebuah ataupun bertingkat-tingkat. Di kawasan saya satu daripadanya akan dibina untuk mengatasi masalah setinggan dan juga di kawasan Tebrau juga telah dibina pun. Gelang Patah sama juga, cuma masalah rayuan kami, membawa rayuan daripada pengundi-pengundi dan seluruh rakyat kawasan masing-

masing sama ada Tebrau mahupun Gelang Patah, mahupun Pulai, mengikut daripada beritanya bahawa apabila dibina sahaja rumah ini maka akan disewakan.

Hasrat kerajaan supaya menjadikan satu keluarga satu rumah, mempunyai rumah tetapi kalau disewa sampai bila pun kita tidak akan sampai hasrat ini. Dari itu dipohonkan melalui dalam dewan ini dipohonkan kepada pihak yang berkuasa dapat menimbangkan semula dan dapat dikaji semula bukan semua dalam kawasan Pulai akan dibina 2,250 buah unit. Kesemuanya akan disewakan, ini telah pun kita mengadakan satu perjumpaan dengan pihak berkenaan dan kita rayukan bukan kesemuanya disewa kalau boleh sebahagian besarnya dijual sama ada sewa beli ataupun terus jual sekali gus dan mana-mana yang tidak berkemampuan boleh disewakan kepada mereka itu, insya-Allah mudah-mudahan.

Di kawasan Tebrau, di Pasir Gudang telah berjalan lama, masih lagi dengan keadaan sewa. Terima kasihlah sewa pun tidak begitu besar, RM100 mempunyai dua bilik ataupun tiga bilik tetapi sampai bila hendak sewa? Tambahan lagi hasrat kita kalau ini dijalankan terutama sekali di Pulai amat berat sekali hendak meninggalkan atau sudah mengosongkan rumah setinggian itu amat berat. Kalau dijual agaknya mudah, boleh dirundingkan, boleh wakil-wakil rakyat sama ada parlimen mahupun ADUN dapat memberikan penerangan kepada pengundi-pengundi dan juga penduduk-penduduk yang berkenaan. Dari itu harapan mudah-mudahan dapat dipertimbangkan semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat cukup sudah Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Berhubung dengan masalah dadah, dadah telah menjadi satu dasar kerajaan. Dadah najis dan dadah musuh negara, saya pendekkan cerita, tahun ini juga kerajaan telah mengambil keputusan bahawa memerangi dadah berhabis-habisan. Satu daripadanya sebahagian daripada apa yang dicakapkan atau yang diadakan oleh pihak Lembaga Pelawat Serenti. Serenti di Tampoi di kawasan saya lebih kurang ada hampir 500 orang, yang beragama Islam hampir 400 orang tapi guru agama seorang. Satu daripada cara untuk memasukkan kefahaman dan juga perasaan, keimanan, menggalakkan mereka itu melakukan mengikut bagaimana cara yang diredai Tuhan maka guru agama penting sekali. Dari itu dirayukan dalam dewan ini pada pihak yang berkenaan supaya dapat dipertimbangkan, berikan sekurang-kurangnya 4 orang, sebagaimana yang lepas-lepas diberikan 4 orang melalui JAKIM.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Dan pelawat-pelawatnya harap dipertimbangkan, oleh kerana pelawat ini juga bekerja keras membantu pentadbiran serenti dan juga sebagainya maka harap dapat dipertimbangkan diberikan elaun.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa cukup Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar: Sama ada elaun bulanan mahupun elaun mesyuarat harap dapat dipertimbangkan dan dari itu diucapkan terima kasih. *Wassalamualaikum.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Bukit Mertajam.

4.21 ptg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, hari itu Yang Berhormat Bagan Datok mengatakan menyeru supaya kerajaan mencari jalan untuk memperkecilkan jurang..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jurang ya.

Puan Chong Eng: Jurang di antara pelajar yang baik dan pelajar yang keputusannya yang kurang baik. Saya hendak merayu kita juga mengurangkan masa

ucapan ketua BBC yang panjang dan juga yang 6 jam di sini hanya 20 minit, banyak kali beratus ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat cakap macam yang itu pula, kita beri pembangkang dan orang yang mencadangkan.

Puan Chong Eng: Tapi itu satu hari! Tidak pernah, tidak mengapakah, tidak apalah!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat kalau bertengkar yang ini masa masih berjalan, saya tidak kira masuk ke tidak masuk, teruskan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, dia boleh dapat 6 jam tetapi tolonglah sini pun diberikan 60 minit pun sahaja cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa dihadkan, hari ini hari akhir Yang Berhormat, saya tidak jamin semua dapat, teruskan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya harap boleh lanjutkan lagi!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak adalah ini yang terakhirlah.

Seorang Ahli: Esok sambung!

Puan Fong Po Kuan: Sambung betul...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik tentang Titah Ucapan yang mengatakan salah satu tumpuan utama ialah mempertingkatkan usaha membanteras keganasan berdasarkan *gender* termasuk keganasan rumah tangga, sumbang mahram, rogol dan gangguan seksual. Saya rasa gembira kerana akhirnya kerajaan ataupun kementerian yang berkenaan sedar bahawa perlu membanteras keganasan berdasarkan *gender* dan bukan pada tahun yang lalu kita adakan kempen WAV ialah kempen wanita, Woman Against Violence. Sekarang dia dah dapat betul, ini adalah cara yang betul membanteras keganasan berdasarkan *gender* ialah *against violence against women*, ini adalah betul.

Tapi saya hendak tambah lagi, keganasan berdasarkan *gender* bukan terhad kepada keganasan rumah tangga, sumbang mahram, rogol dan gangguan seksual tetapi juga ragut beg tangan di jalan raya kerana mangsanya *almost* 100% ianya wanita dan kes setiap hari saya percaya ada beratus kes yang berlaku tetapi tidak ada, jarang kita mendengar bahawa mereka yang ditangkap. Jadi mereka menjadi lebih berani.

Saya ingin mendapat data berapakah kes yang terdapat setiap ataupun dalam satu tahun kes ragut beg tangan di jalan raya. Di seluruh Malaysia khususnya di kawasan Sea Park dan juga di kawasan Bukit Mertajam kerana pihak polis mengatakan kedua-dua kawasan ini adalah *black area* dan tidak selamat. Memang banyak kes telah berlaku di tempat jalan 20/9 di dua, tiga bulan yang kebelakangan ini. Terdapat lebih kurang 15 kes, dia berlaku di waktu pagi, di waktu tengah hari, di waktu senja dan di waktu malam. 20 jam ia berlaku.

Seorang Ahli: 24 jam!

Puan Chong Eng: 24 jam ia berlaku. Jadi, saya haraplah pihak polis ataupun pihak kerajaan lebih prihatin. Jangan melihat ini sebagai satu jenayah yang remeh-temeh kerana ia juga memberi kesan kepada rakyat biasa khususnya kepada kami wanita. Kita tidak selamat lagi. Di jalan raya berjalan, kena samun, kena ragut beg. Di *car park* kena rogol bergilir-gilir. Di *fly-over* di Kajang, pun dirogol. *Broadly light*, bukan waktu malam, dalam bas pun dirogol, dibunuh. Bukan wanita yang cantik sahaja tetapi yang budak kecil usia dua tahun pun diculik di rumah, dirogol, dibunuh. Ada wanita yang 70 tahun, semasa pergi jogging waktu pagi dirogol juga... [Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hm...

Puan Chong Eng: Wanita apabila di rumah sendiri, disamun, dirogol. Jadi, saya hendak tahu walaupun dikatakan di dalam ucapan akan membanteras keganasan

berdasarkan gender tetapi apakah pelan tindakannya? Memanglah banyak kali telah dikatakan.....

Tuan Saupi bin Daud: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri, hendak beri jalan?

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat tadi kalau kita lihat, mengikuti perkembangannya. Ini berlaku kepada Yang Berhormat sendiri, sampai ada berbalut atas dahi semalam kena.

Saya ingin bertanya, Yang Berhormat sudah kena dua kali ragut umpamanya dan tindakan laporan polis telah dibuat dan dikenal pasti kawasan-kawasan ini adalah kawasan hitam atau *black area*. Jadi, adakah polis kita tidak mencukupi ataupun penjenayah-penjenayah hari ini tidak lagi takut kepada polis dan penjenayah bertambah dengan begitu banyak. Jadi, saya minta pandangan daripada Yang Berhormat.

Puan Chong Eng: Saya rasa kedua-dua adalah berkaitan. Yang pertama, anggota polis tidak cukup. Apakah nisbahnya seorang anggota polis kepada *citizen*, kepada penduduk? Adakah dia telah bertambah mengikut pertambahan penduduk dan juga pendatang asing? Yang kedua juga, saya rasa sekarang kerana ada '*black gold*', politik '*black gold*'. Jadi, saya rasa ada sindiket-sindiket yang dilindungi oleh individu-individu yang tertentu.

Walaupun kerajaan membanteras, 'berperang' dengan dadah tetapi dadah terus masuk. Di mana ia datang? Saya dengar ada menyeludup beras melalui Thailand sana dan anggota *enforcement* turut terlibat. Mungkin ada penduduk di kawasan saya yang tanya, mungkin senjata juga diseludupkan di dalam beras itu? M16 begitu banyak. Di mana datangnya senjata ini? Bukankah dikata siapa yang mempunyai senjata tanpa berlesen adalah hukuman mati tetapi masih ada...

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Hendak beri jalan? Masa Yang Berhormat tidak banyak dah.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Saya cukup merasa simpati apa yang berlaku kepada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam. Cuma, saya membaca dalam *Times* pada bulan ini, berhubung dengan penangkapan seorang penjenayah terbesar Nam Kam di Vietnam, di mana hasil daripada penangkapan tersebut penjenayah ini sebenarnya mempunyai *parole* kepada 100 orang lebih anggota polis khususnya pegawai tinggi polis. Apakah peristiwa-peristiwa seumpama ini perlu kita bendung? Kalaulah terdapat daripada jawapan Timbalan Menteri tadi, kalau dalam polisi itu pun, mungkin terdapat perkara yang sama.

Puan Chong Eng: Memang. Seperti umpamanya *trafficking of women*. Malaysia telah menjadi pusat ataupun *receiving country for trafficking a women*. Jadi, kita sudah menjadi Commonwealth country, ada wanita dari China, dari Indonesia, dari Russia, dari Vietnam dan Kemboja yang datang sini untuk aktiviti menjual perkhidmatan seksual. Mengapa pihak polis walaupun telah menjalankan 12,243 kali serbuan tetapi mereka masih di sini. Ini adalah kerana ini bukan cara untuk membanterasnya. Pihak polis menangkap wanita ini, hantar mereka balik, besok hari sindiket bawa masuk lagi. Mengikut *Coalition Against Trafficking of Women, trafficking of women* boleh berlaku, ia mesti adalah dengan kerjasama sindiket dan juga pihak imigresen serta pihak *enforcement*.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, hari itu saya bercakap, saya guna perkataan 'sabda', memang dimarahi. Itu hanyalah kinayah, iaitu sindiran. Iaitu tidak ditumpukan dalam masalah memerangi jenayah. Kejayaan tumpu memerangi pembangkang. Misalnya bila kita buat ceramah, 200, 300 polis kepung kita. Ertinya anggota polis itu patut digunakan untuk basmi jenayah tetapi digunakan untuk kepung tempat ceramah, setiap malam.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Puan Chong Eng: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Jadi, disalahgunakan anggota polis untuk hadapi pembangkang, bukan hendak membanteras jenayah. Setuju atau tidak bila saya cakap?

Puan Chong Eng: Saya memang hendak sebut perkara ini kerana ia prioriti pihak polis sudah tersalah. Ia untuk serbuan yang dibuat ke atas profesional IT yang di Palm Court. Ia menggunakan 67 anggota polis. Di seluruh kawasan Bukit Mertajam, jumlah anggota polis lebih kurang begitu juga. Jadi, apakah prioriti, keutamaan, yang mana lebih penting? Untuk menjaga satu kawasan penduduk dan rakyatnya atau kah serbuan ke atas profesional IT ini yang lebih dipentingkan. Yang lebih penting apabila pembangkang mempunyai aktiviti yang bukan haram, yang aman, yang legal tetapi hantar beratus-ratus anggota polis.

Tetapi, untuk meronda kawasan hitam, dia kata tidak cukup Yang Berhormat, tidak cukup anggota, tidak cukup kakitangan. Saya hendak cadangkan..., ini bukan masalah saya sahaja tetapi masalah juga Yang Berhormat-Yang Berhormat di sebelah sana. Bukan sahaja di kawasan Petaling Jaya, di kawasan Kuala Lumpur, di kawasan Kuching, di mana-mana juga, Bukit Mertajam, Kota Bharu, Sibul pun mungkin ada. Johor Bharu saya dengar sangat dahsyat.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kita meningkatkan kualiti pihak polis dan juga menambah jumlah anggota polis supaya kita lebih selamat, kerana saya hanya diragut beg. Yang Berhormat bagi Pendang, dia dirompak, masuk rumah dia, ikat semua orang dia. Bukan dia sahaja, juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Rumahnya juga dipecahkan masuk. Ini menunjukkan ia sudah sampai satu tahap yang sungguh serius dan saya harap bahawa kerajaan memandang berat tentang masalah ini.

Saya juga ingin mengatakan *Malaysia Truly Asia*. Kalau kita *Malaysia Truly Asia*, kita mesti ada anggota polis yang boleh cakap bahasa Malaysia, berbahasa Melayu, berbahasa Mandarin, berbahasa Kantonis, berbahasa Hokkien, berbahasa Kelantanis, berbahasa Tamil, berbahasa Telegu, berbahasa Penang... [Ketawa] Tetapi kita nampak ada ramai anggota polis tidak dapat berbahasa lain kecuali bahasa Melayu.

Kita sekarang katakan kita hendak menarik profesional dari luar negara, orang asing, warga asing untuk berkhidmat di Malaysia. Mereka berjalan di jalan raya, pihak polis, anggota polis kata, "...Tunjukkan pasport". Mereka tidak faham mereka berbahasa Inggeris. Jadi mereka tengok pasport tidak tahu apa dia kata, tetapi mereka kata mereka mahu duit, RM5.00, RM10.00 atau RM200.00. Ada yang mengatakan tidak ada duit sudah sepuluh kali diminta, dia kata tidak ada duit lagi, RM5.00 sahaja. RM5.00 pun ambil... [Tepuk] Ini bukan sahaja berlaku kepada warga asing sekarang rakyat beg diragut, rumah dipecahkan, hendak membuat laporan polis, setengah membuat laporan polis dia kata sudah sampai tengah harilah, sangat lapar, boleh belanjakah, boleh pergi makan, kita pergi keluar makan, dia cakap tidak perlu awak beri duit sahaja nanti saya pergi makan sendiri.

Seorang Ahli: Oh..Teruklah. tak kan macam ini teruknya!

Puan Chong Eng: Minta duit juga..

Seorang Ahli: Kalau UMNO buat *report*, macam mana?

Puan Chong Eng: Kalau UMNO *report* dia akan bertindak segera... [Ketawa] tetapi rakyat yang membuat *report* tidak ada tindakan. Selepas membuat *report* pun tidak ada tindakan. Jadi, kalau hendak membanteras dadah habis-habisan yang pertama mestilah membanteras, berperang dengan rasuah.

Saya juga ingin komen terhadap serbuan yang dibuat ke atas wanita asing yang terlibat dalam aktiviti maksiat. Yang saya hendak katakan di sini ada dua jenis, yang pertama suka sama suka, dia sendiri rela hendak menjadi pelacur. Kalau kita kirakan ini adalah aktiviti yang tidak bermoral dia yang menjual perkhidmatan, pihak yang membeli perkhidmatan itu adalah juga *immoral* dan kalau dia perlu dihukum yang membeli itu mesti dihukum juga. Seperti orang yang menjual dadah dia dihukum, orang yang membeli juga dihukum, khasnya kalau penjual itu sudah berumah tangga. Dia mesti diberi bimbingan, diberi ajaran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung ya.

Puan Chong Eng: Nanti masa sudah cukup, sekejap lagi. Dia mesti diberi bimbingan kerana aktiviti ini bukan sahaja membahayakan diri sendiri kerana ada penyakit HIV, penyakit yang boleh *transmit* melalui aktiviti ini tetapi ia boleh juga membawa penyakit ini balik ke rumah dan merebak kepada isteri dan anaknya. Di Malaysia mengikut nota yang ada pada 2001 suri rumah tangga yang dijangkiti HIV sebanyak 476 tetapi yang *sex worker* hanya 223 orang. Jadi, suri rumah tangga lebih bahaya daripada *sex worker*. Di aktiviti suka sama suka ini tidak ada *victim*, tidak ada mangsa tetapi ada wanita yang terpaksa ditipu untuk menjadi pelacur. Inilah wanita yang kerajaan atau pihak polis yang perlu menyelamatkan mereka.

Saya tidak melihat ada apa-apa usaha untuk menyelamatkan mereka walaupun mereka dipaksa, ditipu datang ke Malaysia dipaksa menjadi pelacur..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Puan Chong Eng: Saya gulung. Saya lihat selepas mereka terlepas dari sindiket *they jump from the second floor, from the window*, mereka tidak pergi ke pihak polis, mereka pergi ke Michael Chong dan mereka dihantar balik begitu sahaja. Mereka tidak digalakkan untuk membuat laporan polis selepas itu, menolong polis menyasat, mengapa tidak dibuat? Kerana ada sindiket, ini dikatakan sendiri oleh pihak Menteri. Ada sindiket di belakang mereka dan saya khuatir kerana ada *black gold* jadi sindiket bersubahat dengan sesetengah *enforcement*.

Yang *last* sekali saya hendak membuat tuduhan bahawa di Majlis Perbandaran Ampang mempunyai anggota *officer* yang menerima setiap bulan RM80,000 daripada pusat-pusat *entertainment* atau mereka yang menjual VCD ada orang hendak mencabar atau tidak? Tidak ada kerana Menteri, Senator, Timbalan Menteri yang mengatakan sudah dua kali dia kata dan dia mengatakan kementerianya akan menyasat. Mengapa kementerian awak yang menyasat, kementerian Yang Berhormat bukan pihak penguat kuasa, sepatutnya diberikan kepada ICA atau pihak polis.

Seorang Ahli: Tidak yakin.

Puan Chong Eng: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Lipis.

3.41 ptg.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad [Lipis]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong banyak menyentuh tentang status Malaysia terkini. Tidak dapat dinafikan bahawa kita menduduki tangga teratas di peringkat negara membangun dan berada di ambang status negara maju. Kita menjadi *role model* dalam banyak perkara dan dalam lain perkataan banyak negara membangun cuba *imitate* atau *approximate* kaedah-kaedah dan pendekatan yang kita lakukan dalam membangun dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi dan keselamatan serta kestabilan negara.

Tuan Yang di-Pertua, selama lebih daripada 45 tahun negara kita telah dapat berdikari. Jadi, dalam tempoh yang 45 tahun ini pihak pembangkang telah mengatakan kita telah tua, jadi pokok tua patut di tebang tetapi, Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya kelapa itu lagi tua dia mempunyai banyak minyak dan lagi baik, yang muda ini kadang-kadang dia lembut. Apa yang saya maksudkan di sini kita telah berdikari, tidak terlibat dengan hutang yang membebankan negara dan tidak terjajah dalam apa bentuk jua pun. Walau bagaimanapun, ini adalah persoalan terkini yang saya maksudkan persoalan-persoalan yang kita berada sekarang.

Persoalan akan datang adalah satu persoalan yang sukar untuk dijawab. Walau bagaimanapun, kita amat bertuah di bawah pemimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita telah mempunyai *a ready answer*, satu jawapan yang telah

tersedia yang mana kita mempunyai wawasan yang dinamakan 'Wawasan 2020' untuk menjadi sebuah negara yang maju. Alhamdulillah, sekarang pun kalau kita tengok di Lembah Klang pun kita berada dalam keadaan ciri-ciri negara maju. Dan kita amat berbangga bahawa insya-Allah soal kepimpinan negara akan menjadi *smooth transfer of power* Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah dinamakan sebagai pengganti kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita dan mendapat sokongan seluruh daripada anggota Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, di era dunia tanpa sempadan ini segala-galanya bergerak dengan pantas, tidak statik dan *target* kita sentiasa bergerak, *it's a moving target*. Satu-satu keputusan yang kita ambil tidak lagi berdasarkan kepada emosi iaitu kalau kita emosi, itulah yang kita tengok, berdiri sampai empat, lima orang terjerit-jerit dalam Dewan ini umpamanya. Dan tidak juga berdasarkan kepada naluri. Segala-galanya mestilah berdasarkan fakta yang *empirical* dan tafsiran yang profesional. Dalam kata-kata lain, kita tidak boleh berada dalam keadaan di mana kita ada *first class* infrastruktur tetapi mempunyai *third world mentality*. Dalam konteks ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memetik Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang berbunyi, "*Kejayaan ini, kejayaan Malaysia kini adalah hasil daripada kebijaksanaan kerajaan Beta menggubal dasar dan strategi, mampu bertindak pantas terhadap segala perubahan yang berlaku di sekeliling serta berani membuat keputusan*".

Tuan Yang di-Pertua saya percaya di antara pembaharuan yang berani kita lakukan ialah dengan tidak bergantung kepada IMF. Kita mengadakan kawalan terpilih modal dan mata wang. Penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dan langkah mengembalikan semula SAR ke dalam arus perdana pendidikan kita. Semua langkah-langkah bijak dan pragmatik ini seperti yang telah saya katakan di atas tadi telah ditentang keras oleh pembangkang yang mempunyai *third world mentality*. Apa tidaknya Yang Berhormat....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Jeli bangun.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya belum habis lagi Datuk, belum habis sebab nanti setengah ayat, dia pun *translate* setengah ayat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Tidak, saya tidak lari, saya tidak lari, saya tengah berdiri ni.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Yang Berhormat jangan *argue*, Yang Berhormat sudah tiga tahun duduk di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jeli.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Saya masih dalam *third mentality* lagi, *don't worry*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sila duduk.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Ya, sabar Yang Berhormat, pakai baju Melayu, kita kena sabar sedikit orang Melayu. Tuduhan-tuduhan lain telah dilemparkan kepada kerajaan dengan kata-kata kesat dan kasar seperti meramalkan kejatuhan ekonomi negara, mengkhianati bangsa, anti-Islam dan akhir-akhir ini di Dewan ini dua tiga hari ini kita ini bermentaliti Bush sebab Bush sekarang hendak menyerang negara Iraq. Okey, saya bagi Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk pun saya bagi. Tidak *third mentality* punya pemikiran, Yang Berhormat? Okey, saya bagi.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Lipis. Yang Berhormat bagi Lipis ada menyatakan bahawa kejayaan kita adalah kerana kita tidak menggunakan formula IMF di mana sejak kita mendapat pinjaman daripada IMF. Apakah Yang Berhormat sedar Korea Selatan yang mendapat pinjaman USD40 bilion dalam masa tiga tahun semasa Kim Dae-jung memimpin, hutang USD40 bilion habis dibayar bahkan telah dapat

mengumpulkan lebih daripada USD100 bilion *foreign reserve* dan negara Korea Selatan telah menjadi pujian daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, itu pertama. Yang kedua, Thailand. Thailand telah berhutang IMF sebanyak USD17 bilion dan Thailand di bawah Thaksin Shinawatra, USD17 bilion juga telah habis dibayar bahkan sekarang *foreign reserve* Thailand jauh lebih besar daripada Malaysia. Apakah kita hendak mengatakan mereka yang menggunakan formula IMF semua gagal ataupun kerana kecekapan mengendalikan selepas daripada itu, yang penting. Yang mana satu yang penting? Adakah Korea lebih mundur daripada Malaysia?

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Sudah, sudah, cukup Yang Berhormat. Ini forum saya, Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Fakta Yang Berhormat betul. Tiga tahun langsung hutang tetapi tiga tahun menderita Yang Berhormat, kita tidak menderita, satu tahun pun kita tidak menderita... [*Tepuk*] Dan Yang Berhormat tahu atau tidak berapa banyak syarikat-syarikat induk di Korea telah jatuh kepada *foreigner* sebab dia jual?

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Betul, saya percaya apa yang betul memang Yang Berhormat kata tidak betul, ini saya tidak hendak jawab. Thailand Yang Berhormat, saya baru balik daripada Thailand. Alhamdulillah menteri bawa saya jumpa, berbincang dengan Perdana Menteri Thailand, dia kata Yang Berhormat, *slow* sedikit Malaysia, *you are very far ahead*, dia kata *so that we can catch-up with you* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Ini saya cakap betul. Okey, sudah. Jadi berhentikanlah jadi *prophet of doom, they are the prophet of doom*.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh lebih lanjut lagi mengenai *first class infrastructure* tetapi *third world mentality* ini, saya kira kita boleh membaiki keadaan ini dengan meletakkan atau *positioning a right people at the right place*. Dari segi servisnya bermakna *putting square pack at the square hole*. Ini term pegawai PTD. Umpamanya kita di Dewan ini kita akan berbelanja untuk *renovate* berapa juta? Kira-kira RM90 juta untuk beri keselesaan kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih melalui demokrasi ini, di tempat ini.

Jadi dalam hal ini saya percaya Tuan Yang di-Pertua akan setuju dengan saya supaya kelengkapan yang begitu baik iaitu *first class* infrastruktur tadi di *equip* pula dengan kakitangan yang juga *first class*. Umpamanya Tuan Yang di-Pertua saya difahamkan pembantu Tun tergolong daripada kakitangan N5 sahaja dengan itu kadang-kadang dia sendiri pula menulis sendiri draf suratnya. Timbalan Tuan Yang di-Pertua pun saya dengar pembantu dia N7. Memang bagus N5 atau N7 ini buat kerja tetapi taraf dia itu bukan untuk Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya tengok Tuan Yang di-Pertua mengangguk memang cadangan saya ini baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Memang baik, memang baik.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Dan kalau sudah Tuan Yang di-Pertua dapat kemudahan macam itu, Timbalan dapat, kami ini pula bagilah *Research Officer*. Jadi percakapan pun lebih banyak *point*, fakta yang relevan kepada perbincangan kita.

Tuan Yang di-Pertua untuk keadilan kepada pengundi-pengundi saya, saya hendak menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan pembangunan luar bandar. Saya memang memuji langkah-langkah yang telah diambil oleh kementerian-kementerian, pegawai-pegawai yang telah bertungkus-lumus untuk memajukan kawasan luar bandar terutamanya kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar tetapi walau bagaimanapun semua akan setuju dengan saya tidak semuanya program itu dapat dicapai. Jadi dalam hal program menyediakan lampu kepada kampung, saya percaya seperti semua di kawasan, bukan kawasan saya sahaja, banyak kawasan lain lagi dari sepuluh lampu di sesuatu kampung kadang-kadang kontraktor buat tujuh lampu. Bila dipetik supaya ia "*menyalu*" kata orang Negeri Sembilan. Daripada tujuh itu, tiga sahaja yang menyala. Jadi ini rata-rata di setiap kampung, saya minta supaya program ini dipulihkan.

Saya juga diberitahu bahawa masalah ini timbul kerana kementerian memberi kontrak kepada seorang sahaja untuk semua kawasan, saya ingat, di Semenanjung ataupun di Sabah dan Sarawak. Jadi bagi-bagilah kepada lebih ramai kontraktor dan sebagainya.

Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, saya percaya, boleh menambahkan skop pembangunan atau program di kawasan-kawasan FELDA dengan menyediakan ruang-ruang perniagaan yang berpatutan. Saya tengok di kawasan saya di Koyan, banyak kereta yang lalu lalang. Yang singgah makan pun banyak, tetapi gerainya seperti di Koyan Satu, Yang Berhormat bagi Tumpat pun bersetuju dengan saya - saya nampak dia pernah berhenti dan makan di situ, gerainya tidak begitu cantik. Bukan saja tidak begitu cantik tetapi kecil, jadi tidak begitu *up-dated*. Jadi, saya minta supaya FELDA umpamanya, ambillah duit daripada *FELDA Plantation*, yang barangkali sudah banyak tetapi peneroka tidak juga masuk sebagai ahli, supaya dibina ruang-ruang niaga yang lebih baik, dan bina juga kutubkhanah atau *library* untuk murid-murid FELDA ini menelaah dan menimba pengetahuan.

Saya tengok Kementerian Pertanian telah memainkan peranan yang begitu baik. Walau bagaimanapun, apabila IADP Pahang Barat umpamanya, ditutup, jadi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pertanian ini nampaknya telah tidak begitu aktif seperti dahulu. Umpamanya, MARDI. Saya difahamkan MARDI di Pahang sekarang tumpuannya hanya di Kuantan sahaja. Jadi, banyak pakar kita di MARDI. Ramai yang mempunyai Ph.D. dalam pelbagai bidang tetapi di Pahang saya diberi tahu bahawa mereka hanya mengendalikan projek *ostrich farm* atau burung kasuari. Jadi takkanlah kepakaran pegawainya yang begitu banyak hanya tertumpu di Kuantan, sedangkan Kuantan itu bukanlah satu kawasan ataupun daerah pertanian. Saya percaya MARDI memang mahir dari segi *food technology* dan sebagainya, dan ini kalau dimanfaatkan boleh memberi kegunaan yang banyak kepada penduduk-penduduk luar bandar.

Menyentuh tentang kesihatan pula, kita percaya bahawa perkhidmatan kesihatan di Malaysia ini telah mencapai taraf yang tinggi. Kita telah mencapai *world standard* atau negara maju tetapi ada penyakit-penyakit ataupun *symptom* penyakit yang mana kita tidak memberi tumpuan pun. Umpamanya, bagi mereka yang mengidap *autism*, iaitu kanak-kanak yang tidak boleh bercakap. Saya difahamkan bahawa di Hospital UKM, beribu orang telah berdaftar untuk mendapatkan khidmat rawatan bagi *autism* ini tetapi kemudahan untuk merawat mereka yang terlibat, ataupun mereka yang mempunyai sifat-sifat *autism* ini amat tidak mencukupi, sedangkan jika kita dapat menyediakan rawatan yang begitu baik kepada pesakit, kalau kita hendak panggil pesakit ini, maka kita dapat pulihkan kanak-kanak yang tidak boleh bercakap itu supaya boleh bercakap. Dan yang istimewanya, saya difahamkan bahawa mereka yang mengidap *autism* ini adalah mereka yang begitu bijak. Jadi, kalau kita boleh memanfaatkan mereka maka kita boleh melahirkan mereka sebagai pakar dalam pelbagai bidang – dalam bidang IT, dan seperti mana yang saya katakan tadi, dalam pelbagai bidang.

Tuan Yang di-Pertua, saya duduk dekat dengan Yang Berhormat bagi Tambun. Saya tengok Yang Berhormat bagi Tambun pun nampak sedih sebab limau Tambun sudah tidak berapa banyak lagi, tanah diambil untuk kawasan perumahan. Dia memang berhasrat benar supaya usaha penanaman limau ini dimajukan. Dan di depan saya pula, Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Dia memaklumkan kepada saya bahawa ikan terubuk di Sarawak pun sudah tidak berapa banyak. Dan saya difahamkan bahawa ikan terubuk ini pada tahun 1960-an atau 1970-an dulu banyak terdapat di Semenanjung, di Kuala Sungai Perak tetapi sekarang ikan terubuk tidak ada lagi di Semenanjung, ada di Sarawak, itu pun dah semakin berkurangan, ada di Batang Lupar sahaja, itu pun sebab Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi ada di sana. Jadi, dia jaga ikan dan alhamdulillah dia pernah bagi ikan juga kepada saya.

Jadi yang lain itu, umpamanya kita tengok ikan dugung, barangkali di Selat Tebrau, Johor itu semakin hari saya percaya semakin pupus. Badak sumbu atau *Sumatra's rhinoceros*, sudah tidak ada. Pokok-pokok yang indah, yang besar banyak ditebang. Yang Berhormat bagi Arau pergi dengan saya ke Gibraltar. Kami telah dibawa ke sebuah rumah yang menjadi rumah *ex-Governor* kira-kira 300 tahun dahulu, dan dia tunjuk, "Inilah pokok yang Gabenor tanam dulu". Tiga ratus tahun. Jadi saya menyeru kepada jabatan-jabatan atau kementerian-kementerian, kita kekalkan benda-benda ini supaya anak cucu kita dapat melihat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Boleh dudukkah atau boleh gulung?
[Ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, satu minit lagi.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Boleh gulung? Saya gulung 10 minit Tuan Yang di-Pertua, kalau diizinkan. Jadi, saya ingat Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga pun, Tuan Yang di-Pertua, Menteri dia wanita. Jadi, untuk menjaga wanita ini, Tuan Yang di-Pertua, saya kira wanita dia boleh juga jaga wanita, tetapi lelaki kalau dia jaga wanita... [Disampuk] Lagi baik, ha, lagi baik, ataupun sama baik... [Ketawa] Jadi rakan-rakan saya dia kata, "Mengapa tidak ada Timbalan Menteri untuk membantu Menteri wanita untuk menjaga wanita?"... [Disampuk] Apa geleng kepala di sana? Tidak betulkah? Yang Berhormat bagi Seputeh dia tidak setuju tetapi biasalah, cadangan yang baik memang payah untuk dia setuju.

Tuan Mohd Apani bin Haji Mohamad: [Bangun]

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Assalamualaikum. Apa pula ini?.. [Ketawa] Jadi dengan itu menyentuh tentang JAKIM yang telah dibangkitkan tadi – YADIM, YAPEM, dan dikatakan menjadi ibu pejabat UMNO dan sebagainya, perkara ini saya rasa adalah satu tuduhan yang liar. JAKIM, YADIM – ini membawa pemahaman Islam yang betul. Mereka ini betul-betul mengikut wahyu ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Dan sabda Rasulullah s.a.w.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad: Dah cukup ya? Dengan itu, terima kasih dan saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Sipitang.

4.03 ptg.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dan rakyat Sipitang yang saya wakili, menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Yang Ke 12, Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail dan menyokong ucapan cadangan Yang Berhormat bagi Shah Alam dan disokong oleh Yang Berhormat bagi Kluang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meminta perhatian Dewan ini dan juga seluruh rakyat Malaysia, iaitu mengenai isu yang akhir-akhir ini tanpa reda-reda, iaitu isu memperkecil-kecilkan, mengaibkan orang lain di kalangan kita juga, terutama sekali daripada pembangkang. Perkara ini telah menular sekian lama walaupun ada dalam Akta Pilihan Raya, jikalau berkempen memburukkan, mengaibkan orang lain, calon itu boleh dianggap tidak sah atau batal daripada menjadi wakil rakyat tetapi perkara ini kita harus lihat secara menyeluruh. Rakyat harus melihat, pegawai kerajaan harus melihat bahawa perkara ini bukan perkara main-main dan kita sudah menjadi negara yang akan menjadi negara maju, bertamadun. Soal mengaibkan orang lain ini terus menerus juga diperkatakan oleh pembangkang.

Seperti di Dewan ini beberapa masa yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri diaibkan, mengatakan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak layak menjadi Menteri Kewangan, tidak layak membentang Bajet ataupun Belanjawan. Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri dikatakan tidak ada taring dan banyak lagi.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar pernah satu hari mengatakan kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan, "Saya kalau dibandingkan dengan saudara bagai langit dengan bumi". Itu ertinya begitu angkuh dan ini terbawa-bawa. Seperti dikatakan juga oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah mengatakan jakun adalah golongan yang tidak bertamadun, tidak langsung boleh mencapai kemajuan.

Pada hari kedua, 12 Mac 2003, Yang Berhormat Ketua Pembangkang dalam *Hansard* ini, pada muka surat 83, apabila saya bertanya, beliau menjawab dengan

angkuh. *"Tuan Yang di-Pertua, kalaulah tali panjang sejengkal, jangan mengail di laut dalam"*. Dia mengaibkan saya, menggambarkan bahawa saya tidak ada pengetahuan. Saya adalah seorang doktor yang ber *qualification*.....

Beberapa Ahli Pembangkang: [Sorak]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya mengakui beliau adalah lulusan agama tetapi saya tidak pernah mempersoalkan kelulusan beliau tetapi dia mengaibkan saya. Saya ada kelulusan Master's Degree. Siapa yang kail panjang sejengkal? Dalam perubatan saya boleh potong orang, saya boleh merawat orang, berbanding dengan Ketua Pembangkang. Sikap sebegini adalah sikap yang saya rasa cukup angkuh macam Bush juga. Bongkak!

Begitu juga dengan Yang Berhormat bagi Parit Buntar mengatakan Yang Berhormat bagi Kinabatangan, *"Saya bagai langit dengan bumi"*. Apa tujuan beliau? Tujuan beliau ialah mengaibkan orang lain. Begitu juga apabila mengatakan, *"Saya adalah Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya adalah world class MP"*. Saya pun *world class MP* juga. Dari segi ini kita sama sahaja, kita tidak boleh mengatakan sedemikian.

Saya mohon Tuan Yang di-Pertua, perkara seperti ini janganlah diulang-ulang. Kita mengarah ke arah negara maju. Saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, menteri yang *in charge* undang-undang mengkaji perkara ini supaya dibuat satu ketetapan bahawa tidak boleh kita mengaibkan orang lain, lebih-lebih lagi menghina, memperkecilkan, merendahkan maruah yang dikeluarkan oleh pemimpin sama ada PAS ataupun parti-parti pembangkang yang lain atau Barisan Nasional. Ini sudah menjadi perkara biasa, bila ceramah sahaja bila mengaibkan orang lain inilah yang mendapat tepuk.

Apa akan terjadi kepada masyarakat kita di masa akan datang? Kita adalah *public figure* dengan izin, atau pun orang kenamaan Yang Berhormat yang menjadi pemimpin. Apabila kita bercakap yang sedemikian bererti kita menyuruh atau membawa rakyat Malaysia ini bercakap memperkecilkan orang lain. Kita mestinya melihat perkara ini secara lebih jauh. Kalau di negara Barat apabila kita bertanya dengan kawan dengan izin, *"What do you think about him?"* Dia kata, *"Oh, sorry, he is very good man"*. Dia tidak akan cakap perkara yang aib tetapi kalau kita di sini, *"Macam mana dengan si anu?"*. *"Oh dia itu begitu, begini.."*

Jadi, kita mesti ubah budaya ini supaya menjadi masyarakat yang bertamadun, masyarakat yang baik, barulah kita boleh harmoni. Selagi ada unsur-unsur sebegini saya tidak melihat bahawa masa yang terdekat ini kita boleh mencapai tamadun *first world infrastructure, first world mentality* tetapi kita masih *first world infrastructure* tetapi mentaliti dunia ketiga. Saya minta Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengulas perkara ini dan minta jawapan apakah tindakan yang harus dibuat kepada mereka yang masih lagi mengamalkan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada program perumahan rakyat. Saya ingin mengucapkan tahniah seperti kata Yang Berhormat bagi Pulau tadi satu rumah satu keluarga. Tidak kisahlah satu rumah satu isteri. Yang penting ialah rakyat di negara ini mesti kita bekalkan rumah yang mencukupi. Kita ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Jabatan Perumahan Negara yang telah pun mengatur program untuk menyelesaikan masalah perumahan ini.

Kita memang ada berbagai program. Yang kaya ada rumah banglo, ada apartmen mewah; golongan berpendapatan rendah ada program kos rendah; golongan miskin yang tidak mampu ada program PPR. Semua ada program. Harapan rakyat amatlah tinggi untuk mendapatkan rumah ini. Kalau boleh, kita minta segerakanlah pembinaan rumah-rumah kos rendah ini. Kawasan saya dapat 500 unit. Kita minta dan *alhamdulillah* nampaknya diluluskan tetapi bilakah pelaksanaannya? Bilakah boleh dimulakan oleh kontraktor-kontraktor yang dikatakan sudah dipilih? Kita mohon supaya segerakan kerana rakyat di bawah sudah menangis memohon untuk segera. Saya pun kadang-kadang tidak faham juga rakyat ini. Dia mahu rumah juga yang teratur, yang ada jiran, yang sama ada rumah sebuah-sebuah ataupun secara bertingkat.

Tuan Yang di-Pertua, masalah perumahan ini mestilah juga menyelesaikan masalah yang ada sekarang iaitu masalah setinggan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Pulau tadi. Setinggan ini saya tidak melihat boleh selesai dalam masa

yang terdekat kecuali barang kali kawasan Kuala Lumpur yang mana dilaporkan bahawa sekitar 230,000 setinggan di kawasan Kuala Lumpur di 19 *locality* yang sudah pun beransur-ansur dibuat perumahan. Kalau boleh semua masalah setinggan di negara ini dibuat kajian daripada Perlis sampai ke Tawau, Sabah. Berapakah rumah setinggan ataupun kawasan setinggan? Berapakah penduduk yang terlibat dan apakah perancangan kerajaan untuk menyelesaikan masalah setinggan ini?

Kita sudah melihat setinggan ini berulang-ulang menimbulkan masalah. Yang pertama sekali tidak tersusun, pandangan mata cukup hodoh. Yang kedua di situlah punca masalah air tidak cukup, elektrik tidak ada, penyambungan haram, samseng pun ada di situ, merebak penyakit-penyakit berjangkit seperti tibi, kolera dan sebagainya. Dan yang paling menyusahkan pemimpin ialah kebakaran. Selalunya apabila ada kebakaran, yang pertama sekali kebakaran melibatkan selalunya puluhan dan ratusan rumah. Minggu sudah hari Khamis dekat kawasan Beaufort 50 buah rumah setinggan terbakar melibatkan 230 orang dan habis harta benda dan seorang budak kecil tanpa disedari tertinggal dan hangus rentung, hilang. Perkara ini berulang-ulang di Kerinchi, di Tawau, di Pulau Gaya - di Sabah saya bercakap ini - di Mambong terlibat juga, di Sandakan, Lahad Datu, ratusan rumah dan apabila ia terbakar pemimpin dan Jabatan Kebajikanlah yang bersusah payah.

Saya mohonlah supaya kerajaan bertegas. Yang pertama sekali kita mesti tegas apabila sahaja ada orang yang membuat rumah di kawasan setinggan ini cepat-cepat kerajaan merobohkan dan menghalang. Yang kedua, orang yang membuat rumah dan menyewakan diambil tindakan. Pemilik tanah membenarkan setinggan di kawasan tanahnya juga diambil tindakan. Ini kelemahan kita. Saya mintalah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Majlis-majlis Berkuasa Tempatan tegas menyelesaikan masalah ini. Kita berharap masalah setinggan ini dapat diselesaikan menjadikan negara ini negara maju, semua satu rumah satu keluarga ataupun tiap-tiap orang. Tidak ada lagi yang tidak ada rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada memperkasa produk-produk Malaysia. Malaysia adalah negara ke 17 dalam perdagangan industri. Melihat kemampuan Malaysia, Malaysia boleh melonjak maju laju jauh lebih baik daripada itu. Kita mempunyai infrastruktur *world class*, kita mempunyai pengurusan yang baik di peringkat sektor awam, kita mempunyai sektor awam yang banyak, kita mempunyai sumber manusia yang pandai, terlatih, pintar dan berpelajaran, kita mempunyai perundangan yang baik yang telus dan juga kestabilan politik. Ini adalah beberapa faktor yang boleh menyumbang Malaysia kepada negara-negara maju.

Pergolakan politik hari ini Amerika akan menyerang Iraq. Ini juga akan mengubah senario perdagangan yang melibatkan negara kita. Jepun boleh bangkit selepas perang dunia kedua dalam masa 30 tahun sahaja menjadi negara perindustrian yang unggul di dunia dengan produk-produk mereka. Kalau kita sebut daripada jentera berat, Hitachi dengan kereta bermotor, Nissan, Honda, Toyota, Daihatsu berbagai-bagai lagi. Kalau kita sebut elektrik, Sony, Sanyo, Fuji; kalau *camera* – Nikkon, Konika dan senarainya panjang kalau disebut. Begitu juga negara-negara yang lain mereka mempunyai produk-produk tersendiri. Kita bersyukur Malaysia dengan keazaman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga ada produk kita. Kita ada kereta Proton. Kita ada Proton, bermacam-macam Proton. Kemudian kita ada Perodua, bermacam-macam jenis Perodua. Kemudian kita ada perabot tetapi yang saya kesal ialah barangan kita terhad. Sudah sampai masanya Menteri MITI memastikan bahawa kita mesti ada produk sendiri. Kita memang menjadi pengeluar industri yang utama tetapi produk kita bukan produk Malaysia. '*Made in Malaysia*' tetapi kita *made in somebody's brand*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Kita membuat barangan orang lain, bukan cap Malaysia.

Kita bersyukur ada juga cap Malaysia. Kita boleh, misalnya dalam produk makanan, kita ada Brahim's yang sudah menembusi pasaran antarabangsa. Kemudian kita ada perabot yang juga boleh menembusi pasaran antarabangsa tetapi banyak lagi peluang. Dan jikalau ada krisis dunia pada masa akan datang ini, saya melihat blok-blok yang tidak senang dengan Amerika, misalnya Perancis, kemudian Jerman, sudah tentu akan beralih pandangan dan pengilang-pengilang kita mengambil peluang perkara ini mesti merancang.

Selalunya selepas peluang ini, permintaan barangan adalah tinggi dan seharusnya kita mengambil peluang perkara ini dan melihat lebih jauh supaya

barangan Malaysia mempunyai cap Malaysia. Misalnya dalam ubat-ubatan, dalam alat solek, tidak mustahil. Selalunya perempuan ini beli Christian Dior, Estee Lauder, gincu, apa lagi saya pun tidak tahulah perempuan ini, berbagai-bagai. Kalau minyak wangi ada Poison, ada Nina Ricci dan Bulgary, macam-macam. Tidak mustahil Malaysia juga boleh mengeluarkan barang-barangan seperti ini. Cap Malaysia, misalnya minyak wangi ros atau minyak wangi pandan [Ketawa] Ertinya produk Malaysia.

Kita mesti mengharumkan nama Malaysia dengan jenama-jenama Malaysia, tidak mustahil. Kalau dahulu, orang tidak kenal Jepun. Orang kata selipar Jepun. Bila kata selipar Jepun, ertinya barangan itu rendah kualitinya tetapi sekarang ini Jepun mempunyai barangan yang baik. Dan ada baju juga, Kenzo, salah satu yang terbaik di dunia dan telah menembusi pasaran antarabangsa. Inilah cita-cita kita.

Saya minta, mohonlah persatuan pengilang-pengilang ataupun industri Malaysia mesti memikirkan perkara ini. Mencari idea, memerah otak, *brainstorming* supaya kita ada jenama sendiri, supaya Malaysia itu dapat bersaing di pentas perdagangan antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, saya baru-baru ini ke Dubai. Saya melihat dua seminar ataupun dua pameran perdagangan, satu *intersect*, yang kedua *Oracle*. Saya *round* lebih kurang 800 *stalls*, tidak ada satu pun *stall* dari Malaysia. Saya merasa sedih, semuanya di *control* oleh Amerika, Jerman, Perancis, Jepun, China dan sebagainya. Dan sekarang ini pun China telah pun menghasilkan produk-produk mereka, *brand* China, jenama China di situ. Peralatan perubatan, pemeriksa darah, stetoskop dan sebagainya tetapi tidak ada barangan Malaysia sedangkan kita layak mempunyai *brand* cop kita sendiri.

Inilah keinginan saya kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, supaya kita ada jenama sendiri. Tidak kisah sama ada daripada barangan perubatan, ubat-ubatan, perabot, enjin atau apa sahaja seperti kita ada Proton dan juga Perodua.

Tuan Yang di-Pertua, kalau ada masa, saya melihat bahawa kita mesti bersaing mengikut rentak dunia pada hari ini. Saya cukup setuju dengan saranan pemangku Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi....

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: [Bangun]

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Saya tidak mahu bagi jalan. Saya ada banyak lagi. Dalam ucapan yang bertajuk *Competing For the Future* dalam jamuan makan malam....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob:bagi keluarga Oxford dan Cambridge pada 6 Mac 2003 yang mengatakan antara *jestnya* ialah *first world infrastructure but third world mentality*. Saya cukup bersetuju kita ini telah ada infrastruktur kelas pertama bertaraf dunia tetapi masih ramai lagi rakyat Malaysia mempunyai *third world mentality*. Kita tidak nafikan ramai juga yang telah pun berubah menjadi *first world mentality*.

Dari segi pandangan saya, di mana silapnya perkara ini. Saya mohon menteri yang bersangkutan, Jabatan Perdana Menteri membuat kajian apakah sebabnya rakyat Malaysia ini mempunyai *third world mentality*, sebahagiannya. Yang pertama saya melihat, tidak faham undang-undang, tidak tahu undang-undang. Yang kedua, tidak faham undang-undang, yang dia susah hendak mengikut arahan.

Saya selalu juga memandu di Kuala Lumpur. Bila ada garisan putih itu – satu malam saya bersama dengan ahli perniagaan dari Australia dan Korea. Bila kami di barisan hadapan, kereta terus ke depan melebihi garisan. Saya malu. Motosikal melebihi garisan sedangkan lampu merah itu sudah ada garisan di mana patut kita berhenti. Dalam hati saya, "Inikah masyarakat Malaysia?" Kita cukup jauh berbanding dengan masyarakat negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, kajian haruslah dibuat apakah sebabnya. Bagi saya, masalah ini kita mesti selesaikan sekarang. Bermula hari ini, kita mesti menyelesaikan di peringkat tadika. Tadika mesti dijadikan tempat untuk menanam mentaliti *first world* ataupun mentaliti moden ini. Kemudian disambung ke sekolah rendah dan sekolah menengah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, boleh gulung.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Nanti sekejap. Kita mesti perbanyakkan peruntukan untuk tadika dan juga sekolah rendah dalam peruntukan. Kalau kita lihat sekarang, kajian nisbah peruntukan untuk sekolah rendah kita ada satu tetapi sekolah menengah dan universiti kita ada sepuluh, lebih kurang. Jadi *ratio*, nisbah itu begitu jauh, 1:10. Tetapi di negara maju seperti Jepun dan Korea, nisbahnya 1:2 – satu nisbah peruntukan untuk sekolah rendah, dua untuk universiti. Jadi, ia seimbang.

Jadi, kita mintalah kerajaan membuat kajian, 'kalau melentur buluh, biarlah dari rebungunya'. Jadi, ertinya kalau kita mahu membudayakan cara maju kepada masyarakat kita, biarlah daripada tadika. Ibu bapa mesti mengambil peranan. Pembangkang juga sama. Jangan mendidik anak-anak menghasut rakyat di tadika [Disampuk] supaya membenci kerajaan. Kita mesti membawa mentaliti yang baik kepada negara kita.

Saya mempunyai banyak lagi perkara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Yang Berhormat.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Tuan Yang di-Pertua, saya menghormati. Atas peluang ini, saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Jeli.

Beberapa Ahli: [Sorak]

4.22 ptg.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad [Jeli]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan sekalian. Kalau dulunya orang kata Jeli ini ramai harimau, maka sekarang ini harimau Jeli sedang bercakap. [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua, negara kita merdeka semenjak 1957. Sudah beberapa kali pilihan raya diadakan dan daripada 1955, pilihan raya yang pertama sehingga sekarang ini, rakyat tidak pernah memberi kepercayaan kepada mana-mana parti untuk memerintah negara kita melainkan UMNO dan Barisan Nasional. Apa yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1969, telah berlaku satu peristiwa yang menyayat hati kita semua. Rusuhan kaum disebabkan beberapa perkara yang tidak di *address*, dengan izin, oleh pihak pemerintah, pihak kerajaan pada ketika itu iaitu UMNO dan Perikatan.

Sebab itulah timbul satu gagasan dan satu formula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua bersama-sama dengan gabungan dan sekutunya, termasuk daripada PAS ketika itu, di mana menimbulkan satu polisi dan dasar yakni Dasar Ekonomi Baru. Adapun Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai serampang dua mata. Pertama, bertujuan menyusun semula struktur masyarakat. Yang kedua, menyeimbangkan ekonomi negara. Mudah-mudahan dengan hasrat dan cita-cita tersebut, maka keamanan negara akan tercapai.

Sebab itulah kita lihat selepas daripada peristiwa berdarah itu, keadaan dan suasana negara kita menjadi bertambah aman tetapi apa yang menyedihkan, sasaran dan *target* yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua yakni pada masa dalam tempoh 30 tahun dari 1970 sehingga tahun 2000, menasarkankan ekuiti ekonomi bumiputera 30% daripada keseluruhan kek ekonomi negara.

Kita ingin bertanya kepada UMNO dan pemimpin-pemimpin UMNO. Apakah sasaran ini satu sasaran yang logik pada tahun 1970? Apakah sasaran ini dapat dicapai ataupun merupakan angan-angan dan impian Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua pada ketika itu?

Saya fikir Dasar Ekonomi Baru yang dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang kedua itu pada ketika itu merupakan satu perkara yang realistik, satu perkara yang boleh dicapai tetapi malang, dari segi saiz ekuiti bumiputera, apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua, ialah sasaran 30% jauh lagi daripada dicapai di mana kita lihat pada kemuncak saiz ekuiti bumiputera adalah sekitar

awal 1990-an di mana saiz ekuiti bumiputera pada ketika itu sekitar 20.8% tetapi bila berlaku kegawatan ekonomi, saiz ekuiti bumiputera telah turun kepada 11.5% dan sekarang ini saiz ekuiti bumiputera hanyalah sekitar 14.7%.

Ini bermakna dalam tempoh lebih daripada 33 tahun bukan 30% yang dicapai, tetapi malah lebih teruk daripada 20.8% yang pernah dicapai.

Kita ingin bertanya kepada Dewan ini yang begitu hebat memuji Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dalam tempoh 33 tahun ini, siapa yang paling lama memerintah negara kita. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kedua hanya lima tahun, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ketiga hanya enam tahun, tetapi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang ada sekarang ini lebih daripada 20 tahun, sekiranya pencapaian ekuiti ini tidak dicapai, janganlah disalahkan kepada sekolah agama rakyat, janganlah disalahkan pengundi-pengundi Jeli, janganlah disalahkan kepada orang lain, tetapi salahkanlah kepada Perdana Menteri dan pemimpin-pemimpin UMNO yang ada hari ini... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Setiu bangun.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih sahabat saya Jeli. Kita dapati bahawa Perdana Menteri kita yang kedua, Allahyarham Tun Razak, antara sasarannya ialah untuk memperbaiki orang-orang Melayu khususnya di kawasan luar bandar, FELDA dan kawasan-kawasan wujudnya FELDA dan seumpamanya tetapi sekarang Perdana Menteri baru, Perdana Menteri sekarang ini kita dapati bahawa tumpuannya ialah memperbesarkan ataupun membina istana-istana besar seperti Putrajaya dan seumpamanya.

Adakah Yang Berhormat sedar bahawa sudahlah gagal mencapai 30% bumiputera dalam ekuiti ekonomi tetapi dalam masa yang sama penumpuan tidak lagi kepada orang-orang Melayu di luar bandar. Terima kasih.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Bukan setakat gagal dari sudut meningkatkan saiz ekuiti bumiputera sebanyak 30%, satu perkara yang realistik pada tahun 1970 tetapi juga gagal untuk melahirkan 30% bumiputera dalam sektor-sektor yang strategik sama ada sains, kejuruteraan, akauntan bertauliah dan juga juruukur.

Jadi, dengan satu dasar yang cukup popular, Dasar Ekonomi Baru ini merupakan satu dasar yang jauh lebih popular daripada Dasar Wawasan 2020, serampang dua mata daripada dua mata itu, tidak satu mata pun yang berjaya. Satu pun mata tidak berjaya. Maka benarlah apa yang dikatakan oleh Pemangku Perdana Menteri inilah jenis pemimpin dan juga rakyat yang mempunyai *first class infrastructure* tetapi *third world* punya mentaliti.

Hanya suka menunjuk-nunjuk infrastruktur tetapi yang penting ialah *content*, isi, sebab itulah kita hairan kepada sistem pendidikan yang ada di dalam negara kita hari ini. Kenapa sistem pendidikan yang ada di dalam negara kita tidak boleh melahirkan masyarakat yang kreatif, masyarakat yang *entrepreneurship*, seperti mana yang diminta oleh wakil daripada Sipitang sebentar tadi. Kalau Korea tanpa ubah bahasa, tidak perlu belajar Inggeris, sesiapa pergi ke Korea sekarang ini, sesiapa kalau pergi ke Taiwan sekarang ini, kita boleh tengok bagaimana anak bangsa mereka, dengan produk-produk yang baru timbul daripada negara-negara yang maju, dalam tempoh dua minggu, dia boleh *modified* produk itu, dia boleh *miniature*, dengan izin, produk tersebut, menjadikan produk itu jauh lebih baik daripada produk-produk yang keluar daripada negara asal.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ini bukan kerana bahasa Inggeris tetapi kerana sikap, kerana kreativiti, kerana nilai yang ada pada rakyat negara tersebut, yang inilah merupakan kegagalan paling utama, yang ada pada sistem pendidikan dalam negara kita.

Tuan Hassan bin Mohamed: [Bangun]

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tak payahlah, tidak ada masa.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebab itu saya memohon Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan Yang Berhormat sekalian, kita lihat umpamanya, kita

berbangga dengan keadaan ekonomi negara kita yang ada pada hari ini, saya tidak pernah terbaca dalam laporan dalam negara, tetapi saya terperanjat, saya baca dalam laporan World Bank.

Dalam laporan World Bank menceritakan keadaan hutang kerajaan, hutang awam di mana pada akhir tahun 2001, jumlah hutang kerajaan ialah 75% daripada keluaran dalam negara kasar negara. Dalam hujung tahun 2001, itu belum mengambil kira hujung tahun 2002, kalau dicampurkan dengan defisit tahun 2002, bermakna hutang kerajaan 85% daripada keluaran dalam negara kasar negara, ini tidak mengambil kira dalam keadaan semasa, di mana sekarang ini kerajaan ketiadaan wang, di mana terpaksa diumumkan dasar fiskal, kononnya dasar fiskal di mana kerajaan terpaksa mengeluarkan Malaysian Government Security, hutang sekuriti kerajaan sebanyak RM18 bilion untuk apa, untuk membayar kontraktor-kontraktor yang sampai sekarang belum terima bayaran. Di mana Yang Amat Berhormat Pemangku Perdana Menteri memberi jaminan, bahawa mereka ini akan dibayar sekitar hujung April dan juga awal Mei.

Bermakna kita sudah ketiadaan *cash*, tunai, *liquidity* pada kerajaan sekarang ini, sebab kita melihat banyak mereka yang menghadapi masalah dari sudut tidak mendapat pembayaran pada waktu yang sepatutnya, walhal pada penghujung Februari, di sinilah waktunya kontraktor-kontraktor selalu mendapat bayaran dan waktu inilah mereka mempunyai banyak *liquid*, banyak tunai, tetapi apa yang berlaku kerana kemungkinan kewangan tersebut telah digunakan, telah difokuskan kepada menganjurkan NAM, kerana NAM pada pembentangan Belanjawan 2002 mungkin duit itu belum di *transfer* lagi, sebab itu digunakan peruntukan itu untuk NAM, yang berjumlah lebih kurang RM100 juta, maka menyebabkan banyak kontraktor-kontraktor Melayu, kontraktor-kontraktor yang tidak mendapat bayaran yang sepatutnya mereka dapat.

Apa yang hendak dipertikaikan di sini, kalaulah dengan RM18 bilion yang kerajaan akan berhutang dalam masa bulan depan, RM18 bilion, daripada RM18 bilion, RM5.4 bilion hendak bayar hutang semasa dah. Dan bukan setakat itu juga, dalam laporan *The New Straits Times* juga, dalam dua hari sudah juga mengatakan bahawa kerajaan akan mengeluarkan *sovereign bon* yakni menjual bon di peringkat antarabangsa, USD2 bilion, yang berjumlah RM7.6 bilion, bermakna dalam masa yang terdekat ini, kerajaan akan berhutang lebih kurang RM25.8 bilion.

Ini tidak mengambil kira lagi belanjawan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyatakan defisit dianggarkan sekitar RM28 bilion. Kalau mengambil kira defisit RM28 bilion dengan hutang yang dipohon oleh kerajaan, berapa jumlah defisit diramalkan pada tahun ini.

Ini bermakna kita mungkin menduga, pada akhir tahun 2003 hutang kerajaan sama banyak, sama tinggi dengan jumlah keluaran dalam negara kasar negara, lebih kurang RM350 bilion ke RM400 bilion. Itu satu kes yang pertama.

Sekarang dalam Bursa Saham Kuala Lumpur, syarikat yang mempunyai nilai kapital yang tertinggi Tenaga Nasional Berhad. Tenaga Nasional Berhad merupakan syarikat yang paling besar yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur, tetapi yang menyedihkan, Tenaga Nasional Berhad mempunyai hutang sekitar RM30 bilion, keadaan semasa.

Dan sekiranya nilai Tenaga Nasional Berhad berada pada paras bawah daripada RM9.50, maka hutang Tenaga Nasional Berhad lebih besar daripada jumlah kapital Tenaga Nasional Berhad. Ini adalah syarikat yang paling besar dalam Bursa Saham Kuala Lumpur. Begitu juga yang berlaku kepada Telekom.

Telekom dahulu merupakan syarikat yang paling besar, di Bursa Saham Kuala Lumpur, sekarang telah jatuh di tangga yang keempat. Ini merupakan syarikat-syarikat yang tidak patut terjadi begitu, sepatutnya Telekom dan juga Tenaga Nasional Berhad, janganlah pada sampai pada satu ketika, rakyat yang akan menjadi beban, seperti mana rakyat menanggung beban MAS, rakyat terpaksa menanggung beban Renong dan sebagainya, di mana sekarang ini MAS umpamanya, ya, MAS dikatakan tidak berhutang tetapi kepada siapa dipindahkan hutang RM18 bilion tersebut, hutang MAS RM18 bilion ditukarkan kepada satu syarikat dan syarikat ini merupakan milik rakyat Malaysia, syarikat ini merupakan milik khazanah negara.

Siapa khazanah negara? Seluruh rakyat negara, yang menanggung hutang RM18 bilion, silap siapa? Silap kita menswastakan konon agenda penswastaaan negara, Malaysia Incorporated, di mana kejayaan Malaysian Incorporated sekarang, siapa tokoh-tokoh yang kita boleh banggakan, di mana kelab-kelab billionaire Melayu dahulu, di mana?

Satu demi satu jatuh tersungkur, sekarang ini kita cuba hidupkan yang baru, Tan Sri Syed Mokhtar, mudah-mudahan saya berdoa dia betul-betul berjaya, tetapi kerajaan belum serik, dasar itu, yang gagal itu masih akan diteruskan, dan saya bimbang sebegitu kuat pun Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhari ini, saya takut dia tak mampu hendak menelan semua perkara-perkara ini.

Saya minta kerajaan insaf dan sedar, marilah kita agih-agihkan ekonomi negara, bukan kepada Tan Sri Syed Mokhtar sahaja, ingat dan sedarlah kesilapan yang kita lakukan pada masa dahulu, Halim Saad jatuh, Tajuddin Ramli jatuh, Azman Hashim pun sudah tidak berapa hendak sihat, ini kerana silap kita, kerana tumpukan kepada beberapa individu tertentu, patut lebarkanlah saiz-saiz kek ekonomi, bukan kepada satu dua orang, tetapi kepada banyak orang, termasuk kawan-kawan kita daripada UMNO, kasihan, sudah berjuang lama pun tidak dapat banyak apa-apa sangat lagi.

Kemudian, kita pergi kepada keadaan sistem pendidikan negara ini. Kita hendak tanya sekarang yang berlaku di negara, kita kena tanya kepada diri kita, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada dalam Dewan, kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan, dia cukup sedih kerana anak-anak kawan-kawan kita daripada bangsa Cina, anak-anak kawan-kawan kita daripada bangsa India, tidak berapa gemar untuk menghantar anak mereka di sekolah kebangsaan. Kenapa jadi begitu?

Alasan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengatakan kerana di sekolah kebangsaan, guru-gurunya paksa budak-budak ini, anak-anak murid ini pakai tudung, pakai seluar panjang. Saya fikir ini alasan yang tidak *first class mentality*, ini *third world* punya mentaliti alasan macam ini, adakah munasabah anak-anak kita daripada bangsa Cina, anak kita daripada bangsa India tidak dihantar ke sekolah kebangsaan kerana dipaksa pakai tudung, dipaksa pakai baju kurung, dipaksa pakai seluar panjang. Ini satu benda yang tidak ada langsung *evidence based* dia.

Sebab itu, kita tidak pelik kalau anak orang Melayu pun tidak berapa hendak suka hantar ke sekolah kebangsaan, macam mana boleh jadi begitu, mana tidak jadi begitu, setiap 33 minit hasil daripada pendidikan negara kita, setiap 33 minit mengikut laporan Agensi Dadah Kebangsaan, setiap 33 minit akan ada seorang penagih dadah yang baru, tak takutkah?

Sudahlah hantar penagih dadah, buat pusat serenti banyak-banyak, yang pergi hantar pusat serenti, hendak kata 10% yang betul-betul pulih pun, kerajaan tidak berani hendak bertanggungjawab, hasil daripada sekolah kebangsaan, sebab itu mereka jerih macam mana mereka sanggup hantar anak mereka kepada Sekolah Agama Rakyat, fasal apa, dia kata setidak-tidaknya aku tengok anak aku bila pergi ke Sekolah Agama Rakyat aku yakin, akhlak yang ada pada dia, kalau tidak percaya cuba buat sukatan, daripada 100 orang anak Melayu atau anak yang ditangkap kerana dadah, berapa orang yang datang daripada Sekolah Agama Rakyat cuba buat siasatan.

Mengikut laporan polis di negeri Kelantan, kes-kes juvana yang melibatkan yang dilaporkan tidak sampai 5% kes-kes juvana yang melibatkan anak-anak Melayu daripada Sekolah Agama Rakyat sebab itu saya pohon kerajaan insaf, belum lagi terlambat, kita sama-sama membina balik kembali, apa salahnya biarlah kedua-dua sistem yang ada itu, wujud seperti mana yang berlaku sekarang. Kerana kita lihat Sekolah Agama Rakyat inilah yang akan melahirkan ulama-ulama yang selama ini belum dibuktikan berjaya oleh sekolah-sekolah aliran kebangsaan.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Arau, Arau.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Okey, boleh.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Yang Berhormat Jeli, Yang Berhormat tadi menyebutkan me *relate* kan penagih dadah dengan dasar pendidikan

negara, saya hendak tanya Yang Berhormat, tahu kah Yang Berhormat isu-isu masalah-masalah sosial tertinggi di Kelantan, penagih dadah pun ramai di Kelantan, pada hal di Kelantan ini, banyak ulamanya, pemimpinnya, Menteri Besarnya terdiri daripada ulama, kenapa dalam pendekatan yang dibuat oleh PAS tidak berjaya mengubah dan tidak berjaya membawa suatu keadaan yang lebih baik daripada negara-negeri yang lain.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak menggunakan laporan daripada pihak kami. Kami menggunakan laporan daripada Agensi Dadah Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Laporan Agensi Dadah Kebangsaan, yang terkeluar dalam *Berita Harian* ada menyatakan negeri yang paling ramai yang terlibat dengan dadah ini ialah negeri Pulau Pinang, paling ramai nombor satu Pulau Pinang, nombor dua, Kedah, nombor tiga – Perak, nombor empat – Selangor, nombor enam, tujuh pun belum ada Kelantan, Terengganu. Ini laporan Agensi Dadah Kebangsaan, bukan saya reka, itu pertama.

Yang kedua, dalam *The New Straits Times*, kes-kes juvana setakat enam kedudukan yang teratas, Kelantan Terengganu tidak termasuk. Laporan dalam *The New Straits Times*, kemudian teman kita daripada Barisan Nasional, bila menceritakan tentang kes *prostitution*, dengan izin, kes pelacuran, kes-kes pelacuran dia baca semua negeri-negeri tidak termasuk Kelantan dan Terengganu, kenapa jadi begitu, kerana kita tutup kelab-kelab malam, kerana kita tutup premis-premis judi.

Seorang Ahli Pembangkang: UMNO buka kelab malam.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Itu kita sama-sama tahu. Sebab itu sekarang ini, ini merupakan rekod-rekod yang kita dasarkan kepada rekod-rekod yang ada dalam akhbar hari ini, sebab itu, saya cukup sedih yang berlaku pada Belanjawan 2002 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, bayangkan Kementerian yang kedua paling banyak menerima peruntukan daripada negara ini, Kementerian Pertahanan, tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua, semak balik cara dia *prepare budget* itu, cukup menyedihkan, daripada lebih kurang RM8 bilion *budget* tersebut, bayangkan untuk Kepala Pembangunan, ia hanya buat Tentera Darat, kelengkapan berapa ratus juta, pembinaan berapa ratus juta, untuk Tentera Udara kelengkapan berapa ratus juta, pembinaan berapa ratus juta, ini merupakan satu kaedah yang tidak bertanggungjawab dari segi menyediakan *budget* untuk ditatap oleh kita Ahli Parlimen dan rakyat terbanyak.

Kalau RM800 juta dia tidak *itemise*, bayangkan kalau RM800 juta dia boleh beli macam-macam benda, mana kita tahu, RM800 juta boleh buat kelengkapan, boleh buat pembinaan, sebab itu benarlah apa yang dikatakan oleh Kuala Terengganu, makna dia beli, *submarine*, dengan izin, melalui orang tengah, dia tidak beli *direct* kepada *manufacturer*, ini terbukti melalui laporan *Asian Wall Street Journal*. Sebab itu kita minta pihak Kementerian Pertahanan membentangkan kembali *budget* itu bentang balik, sebarkan balik, makna bentang balik untuk kita apa dia belanjawan setiap itu, sama ada kelengkapan apa kelengkapan yang hendak dibeli dengan RM800 juta, kalau pembinaan apa yang hendak dibuat, umpamanya untuk Tentera Darat, begitu juga Tentera Laut, apa dia kelengkapan yang hendak dibeli, apa dia pembinaan yang hendak dibuat. Supaya kita lebih telus, supaya tidaklah sampai RM1 bilion, kita tidak tahu mereka hendak buat apa.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya hendak melihat kepada rekod yang berlaku, seperti mana yang dikatakan dituduhkan bahawa sekolah-sekolah agama rakyat ini prestasinya cukup

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila, sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Hm... Ya, ya, ya. Sila, sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Lambat, api lambat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya ada bertanya soalan kepada pihak kementerian tentang berapakah jumlah kapal terbang *Skyhawk* yang ditempah, yang telah dibawa pulang, yang masih tersadai di Lapangan Terbang Arizona, Amerika Syarikat. Soalan saya ditolak kerana itu rahsia negara. Jadi, bagi saya kapal terbang itu kalau bawa balik pun boleh jual kepada *workshop* botol sahaja.

Soalnya kenapa dalam bentuk beli kapal terbang macam ini pun rahsia negara? Barangkali dia bubuh *item-item* begitu juga, ini juga rahsia negara. Jadi, sedangkan kita jumpa pegawai-pegawai tentera mereka amat risau tentang kelengkapan yang ada pada tentera kita. Jadi, kalau yang itu rahsia negara, yang ini rahsia negara, kapal terbang yang tidak dibawa balik, berapa biji yang tersadai, berapa biji rugi, berapa juta, semua rahsia negara, kita Ahli Parlimen ini pakai bisu lagi senang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada seminit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Seminit ini saya tukar tajuk lain. Sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kerajaan bercita-cita hendak buka *ValueCap* ini dengan modal RM10 bilion. Pasaran saham sekarang ini lebih kurang RM500 bilion, nilai *ValueCap* RM10 bilion. Kita kena ingat nilai yang masih dipegang, ekuiti yang masih dipegang oleh orang-orang asing RM50 bilion.

Kalau RM10 bilion kita hendak main, orang kata, "*Kalau kail panjang sejengkal, janganlah lautan yang dalam diduga*". Kerana kita kena ingat penasihat ekonomi kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dia pernah melakukan satu kesilapan besar dahulu, di mana dia telah main *currency*, Tuan Yang di-Pertua, pada 1994. Di mana dia main *currency*, dia beli pound terlalu banyak. Bila dia beli *pound* terlalu banyak George Soros pergi jual *pound* menyebabkan kita kerugian RM10 bilion.

Tuan Yang di-Pertua ada, Tuan Yang di-Pertua menjadi pengerusi pada masa itu. RM10 bilion kita rugi. Orang yang sama Tuan Yang di-Pertua, dia hendak main benda yang *virtual*. Benda yang *virtual* dia hendak guna Malaysian *ValueCap* ini bernilai RM10 bilion. RM10 bilion dia tidak main dalam pasaran RM500 bilion sedangkan *foreign equity* laporan dia bukan lagi 'buy'. Malaysia punya *stock market* ini bukan 'buy', *sell*.

Sebab itu kita tengok CalPERS. CalPERS merupakan pemegang dana terbesar Amerika Syarikat. Daripada 20 bursa besar saham dunia Malaysia tidak termasuk daripada 20, dia sudah dikeluarkan dahulu, bila dia hendak masukkan balik, dia tidak hendak masuk, daripada 20 Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, saya minta kerajaan fikir balik, jangan guna *ValueCap*. Biarlah pasaran saham itu kalau hendak disuntik, suntik lebih kurang, kalau suntik banyak nanti RM10 bilion itu macamlah kita mencurahkan air di dalam pasir.

Kita curah air dalam pasir, tidak boleh bertakung kerana apa yang berlaku sekarang, bursa saham kita, nilai semasa nilai indeks komposit ialah 600, jumlah dagangan lebih kurang 100 juta unit saham dengan nilai dagangannya dalam lebih kurang 200 juta sehari.

Biarlah. Kalau kita fokus benda-benda yang lain lebih penting. Umpamanya, *biotech* yang kita sudah jauh ketinggalan daripada teman-teman kita. *Biotech* ini kita guna perkara-perkara yang sudah ada, *raw material* sudah ada dalam negara kita, kita manfaatkan. Macam sekarang tongkat ali, kacip fatimah, lepas ini kita bimbang tongkat ali, kacip fatimah, produk itu sudah hendak masuk pasar tiba-tiba *raw material* tidak ada. Kita tidak buat kajian tentang *raw material*, di mana kita hendak dapat.

Saya takut nanti semua produk kacip fatimah, tongkat ali, semua yang ciplak punya lepas ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup, Yang Berhormat. Cukuplah ya.

Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad: Sebab itu minta kerajaan fikir balik tentang Malaysian *ValueCap*, cukup, jangan. Kerana kita sudahlah berhutang sampai RM27 bilion campur dengan kerugian *ValueCap*, kita mungkin akan kerugian sampai RM40 bilion. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Telok Intan.

4.45 ptg.

Tuan Mah Siew Keong [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, kami mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk melaksanakan Khidmat Negara atau *National Service* di mana satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Menteri Pertahanan telah ditubuhkan.

Hasrat kerajaan melaksanakan Program Khidmat Negara adalah untuk memupuk semangat cintakan negara, perpaduan, integrasi sosial dan ini dialu-alukan. Kami telah ada perbincangan dengan NGO dan kelab-kelab belia dan juga melawat satu negara asing untuk meninjau pelaksanaan *National Service* mereka. Di sini, oleh kerana ada kebimbangan dari segi ibu bapa-ibu bapa dan juga NGO-NGO, saya ingin memberi beberapa cadangan untuk pelaksanaan Program Khidmat Negara yang akan dilaksanakan pada bulan Januari tahun depan.

- (1) Aspek yang harus diberi perhatian untuk pelaksanaan Khidmat Negara. Khidmat Negara atau *National Service* ini merupakan satu cadangan yang baik terutamanya dapat memupuk semangat. Namun saya berpendapat bahawa Khidmat Negara akan hanya mencapai matlamat sepenuhnya setelah melalui penyelidikan yang mendalam, perbincangan yang menyeluruh dan perancangan yang rapi.

Saya ingin *highlight*, dengan izin, beberapa aspek utama pelaksanaan yang mana harus diberi perhatian oleh pihak kerajaan sebelum melaksanakan.

- (a) kita patut menubuhkan Majlis Perundingan Khidmat Negara yang mana ahli-ahlinya patut merangkumi wakil dari pertubuhan belia, NGO serta parti politik untuk membincang dan merangka matlamat muktamad Khidmat Negara;
- (b) kerajaan harus mengkaji secara mendalam keperluan-keperluan, kemudahan dan kos yang terlibat untuk melaksanakan *National Service*. Antara perkara ialah keperluan kemudahan tempat tinggal untuk kira-kira 450 000 orang peserta berusia 18 tahun, pada tahun depan terdapat 450 000 kaum belia. Adakah kerajaan mempunyai kemudahan tempat tinggal yang mencukupi pada tahun depan. Jika tidak, adakah kerajaan berkesempatan untuk mendirikan kemudahan tempat tinggal yang baru dalam tempoh 9 bulan ini;
- (c) keperluan tenaga pelatih. Saya juga mengambil berat sama ada kerajaan atau pihak Kementerian Pertahanan mempunyai tenaga pelatih yang mencukupi untuk melatih kira-kira 450 000 orang peserta. Jika tidak memadai, adakah pihak kerajaan berkesempatan untuk mengambil dan melatih tenaga pelatih baru dalam tempoh 9 bulan ini;
- (d) satu lagi kebimbangan saya adalah kos pelaksanaan yang tinggi. Satu pengiraan yang paling ringkas menunjukkan dalam usaha untuk melaksanakan Program Khidmat Negara, akan melibatkan kos yang tinggi dan sama ada ini akan merupakan satu beban kewangan yang besar kepada kerajaan. Kita boleh kira, jika kita buat anggaran bahawa makanan, uniform,

kemudahan tempat tinggal, gaji untuk pelatih, elaun perkhidmatan, jika kita anggar RM800 seorang setiap bulan dan jika kita ada 450 000 peserta dalam 6 bulan, ini adalah satu beban kewangan yang berjumlah RM2.16 bilion. RM2.16 bilion adalah satu angka yang sederhana dan ini adalah satu jumlah yang besar. So, adakah kerajaan bersedia sekarang dalam suasana ekonomi ini.

Tuan Yang di-Pertua,

- (2) Prinsip Sama Rata. Program Khidmat Negara seharusnya dilaksanakan berlandaskan prinsip sama rata yakni Khidmat Negara harus diwajibkan untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira jantina, kaum, status sosial keluarga serta berlatar belakang agama dan kebudayaan. Kita tidak harus *differentiate* antara siapa hendak pergi belajar di universiti atau siapa tidak mahu, yang hendak belajar dapat *special treatment*. Semuanya mesti adalah sama;
- (3) Nilai Kredit dan Elaun Perkhidmatan. Kami mencadangkan bahawa sijil pengiktirafan dan nilai-nilai kredit berdasarkan pencapaian seseorang sepanjang tempoh latihan dicadangkan dikeluarkan kepada mereka yang telah berjaya menyempurnakan seluruh tempoh latihan 6 bulan ini. Nilai-nilai kredit ini akan digunakan sebagai satu kriteria pemilihan apabila peserta Program Khidmat Negara memohon untuk melanjutkan pelajaran di kolej swasta, universiti tempatan atau permohonan kerja di sektor awam atau swasta dan akhir sekali cadangan;
- (4) Rangka Kerja Perlaksanaan Program Khidmat Negara. Saya berpendirian bahawa Khidmat Negara tidak sepatutnya berorientasi latihan dan rejimen ketenteraan iaitu *military training* sahaja, dengan izin. Selain daripada latihan ketenteraan yang paling asas, Khidmat Negara seharusnya ke arah membangunkan asas insan sejati yang merangkumi fizikal, emosi, kerohanian dan pembangunan intelektual di kalangan seluruh pemuda-pemudi Malaysia. Oleh itu modul latihan mesti merangkumi pendidikan keluarga dan negara yang beridentitikan bangsa Malaysia dan memupuk satu masyarakat penyayang.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengalu-alukan cadangan kerajaan untuk melaksanakan Khidmat Negara pada Januari tahun depan tetapi saya ambil berat kesediaan kerajaan dari segi penyediaan infrastruktur dan kemudahan untuk 450 000 belia melaksanakan Program Khidmat Negara. Kami harap aspek yang saya bangkitkan akan diberi perhatian. Saya turut menyokong, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Saratok.

4.52 ptg.

Datuk Peter Tinggom anak Kamarau [Saratok]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang ini untuk bersama-sama mengucapkan syukur dan terima kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kesepuluh pada 10 Mac yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, kita berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia kerana keamanan yang wujud selama ini dan segala percubaan-percubaan yang berkaitan dengan kacau-bilau telah pun ditawan dengan jayanya. Ini oleh kerana pentadbiran kerajaan yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang cekap, adil dan dihormati oleh negara-negara lain di seluruh dunia sama ada di Barat atau di Timur.

Pemimpin-pemimpin kerajaan di negara yang sedang membangun pun telah menyatakan kekaguman mereka melihat pembangunan sosial, ekonomi dan politik yang mapan. Mereka menyentuh khasnya perpaduan, kerjasama dan keharmonian di antara rakyat yang berbilang kaum, berbilang agama yang boleh bekerjasama memajukan negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah suatu keistimewaan Malaysia yang kita banggakan dan satu tanggungjawab utama semua rakyat Malaysia. Sebagai rakyat Malaysia kita mesti jaga dan pastikan keadaan damai ini dipertingkatkan supaya ekonomi kita lebih maju dan rakyat pula boleh menggunakan peluang ini untuk mendapatkan pelajaran dan ilmu untuk bersama-sama menangani ombak globalisasi yang semakin bertambah kuat kesannya di negara kita.

Semua yang saya sebut ini, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana undang-undang negara Malaysia yang sedia ada menjaga rakyatnya, justeru kewujudan Akta Keselamatan Dalam Negeri atau ISA dengan izin, yang saya rasa mesti dikekalkan. Saya suka sangat mengimbas dan mengingatkan kembali di Dewan yang mulia ini sejarah kita yang berlatarbelakangkan masyarakat majmuk.

Corak masyarakat kita pada hari ini memang diketahui oleh tokoh-tokoh politik kita seperti Yang Teramat Mulia Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj, Perdana Menteri yang pertama dalam tahun 1963 yang menggabungkan dan menubuhkan negara Malaysia yang ada sekarang. Oleh sebab itu, undang-undang yang tertentu diwujudkan supaya hak semua kaum dijaga dan dilindungi oleh Perlembagaan. Tidak ada satu kaum boleh memaksa yang lain dalam hal-hal seperti agama. Ekstremis-ekstremis satu-satu agama perlu dihadkan aktiviti mereka supaya tidak menjadi satu tempat militan bersembunyi.

Kewujudan Kumpulan Militan Malaysia contohnya banyak kaitannya dengan ekstremis agama. Begitu juga Kumpulan Jemaah Islamiah mewujudkan militan mereka di peringkat antarabangsa. Kalau kumpulan-kumpulan seperti ini tidak disekat aktiviti-aktiviti mereka, manakah letaknya perlindungan Perlembagaan yang kita harapkan semasa Sabah dan Sarawak setuju menubuhkan negara Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, dalam banyak hujah parti pembangkang khasnya PAS dan sekutunya, saya rasa kami di Sabah dan Sarawak rupa-rupanya tidak dipedulikan. Kita rasa hujah-hujah itu agak sempit ataupun terhad kepada sesuatu isu agama yang dipolitikkan. Isu-isu sekolah agama yang sepatutnya membantu masyarakat majmuk, tetapi adalah sebaliknya. Ini sayang sama sekali. Kami rasa negara Malaysia telah memberi banyak faedah kepada rakyat yang pada satu ketika sangat mundur dari apa segi pun, tetapi oleh kerana ada kerajaan dan dipimpin oleh pemimpin yang bijak dan adil, kita semua maju ke hadapan. Lebih-lebih lagi rakyat di Semenanjung selepas Dasar Ekonomi Baru diamalkan dari tahun 1971.

Keselamatan negara yang menentang segala percubaan untuk mencetuskan kacau bilau di antara kaum di negara kita. Pada pendapat saya, undang-undang seperti ini mestilah diwujudkan. Pada satu ketika pihak Amerika Syarikat membantah dengan kerasnya ISA tetapi selepas 11 September mereka sedar dan menghargai kewujudan dan penggunaan ISA di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sentuh tahun 1971 iaitu bermulanya Dasar Ekonomi Baru di bawah Perdana Menteri yang kedua iaitu Almarhum Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein. Tahun tersebut - ini sekiranya kalau saya sebut saya sendiri, saya minta maaf - tahun tersebut saya baru mula dilantik sebagai setiausaha tetap dalam Kementerian Pertanian di negeri Sarawak. Selepas pegang jawatan Residen dari 1965 sampai Disember 1970 di Bahagian Sri Aman dan Bahagian Sibul, Sarawak. Dahulu Bahagian Sibul merangkumi dua lagi bahagian, iaitu Bahagian Sarikei dan Bahagian Kapit sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi parti politik sebelum tahun 1963 - ini saya sebut dengan ringkas sahaja - iaitu senarainya parti SUPP, parti Nagara, parti SNAP, parti Berjasa dan parti Pasaka. Semua parti tersebut mengandungi semua atau hampir semua kaum di Sarawak sebagai ahli-ahli mereka. Dalam keadaan begini tentu sekali masing-masing membawa haluan sendiri. Selepas Pilihan Raya 1963 parti SNAP, parti Berjasa dan parti Pasaka bergabung dalam Perikatan dan Setiausaha Agung parti SNAP sebagai Ketua Menteri yang pertama pada 16 September 1963. Jadi, parti

SUPP dan parti Nagara sebagai parti pembangkang di Dewan Undangan Negeri dikenali sebagai nama Council Negeri di Sarawak pada masa itu.

Tuan Yang di-Pertua, selepas pilihan raya dalam tahun 1970 parti Barisan Nasional telah muncul yang dianggotai oleh parti Berjasa, parti SUPP dan parti Pasaka. Presiden ataupun Setiausaha Agung parti Berjasa dilantik sebagai Ketua Menteri. Jadi, parti SNAP sebagai parti pembangkang di peringkat negeri dan di peringkat Pusat di Dewan yang mulia ini dari tahun 1966 sampai tahun 1976 selepas Ketua Menteri pertama disingkirkan dalam Council Negeri pada tahun 1966.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1981 Ketua Menteri Sarawak menjadi Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak dan diganti Ketua Menteri dari parti Berjasa selepas bergabung dengan parti Pasaka dan parti Nagara. Sebagai nama penuh ianya parti Pasaka Bumiputera Bersatu atau PBB. Pada tahun 1987 Sarawak mengalami krisis politik yang terbesar sekali apabila parti Permas timbul diketuai oleh bekas Ketua Menteri dan juga bekas Tuan Yang Terutama. Selepas pilihan raya 1987 Ketua Menteri sekarang menang dan kekal sebagai Pengerusi Barisan Nasional di peringkat negeri dan Ahli Dewan Rakyat bagi kawasan Kota Samarahan sampai sekarang. Tuan Yang di-Pertua, begitulah keadaan parti politik di Sarawak. Oleh kerana politik yang jadi begini dan dengan pengalaman dan bijak pandai Ketua Menteri sekarang dapat memikirkan semua kaum di negeri Sarawak dapat tempat di Kabinet, di jabatan kerajaan ataupun di agensi kerajaan sekiranya individu dari kaum-kaum itu difikirkan sesuai oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian ekonomi dan usahawan, kami dari luar bandar dan pedalaman lagi jauh ketinggalan. Lebih-lebih lagi kaum etnik seperti Iban, Bidayah dan Orang Ulu hanya segelintir sahaja yang dapat dipanggil usahawan yang sebenar dan mengambil tempat bersama-sama dengan kaum lain. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, selepas Pilihan Raya 1999 dan selepas Matthew yang menganuti agama Kristian dari kaum Iban dan seorang dari kaum India yang menganuti agama Hindu terbunuh di Bukit Jenalik, Hulu Perak, oleh pelampau agama Islam dalam Kumpulan Al-Maunah, saya dapat peluang berucap di Dewan yang mulia ini pada 31 Oktober 2000 kira-kira jam tiga minit selepas 4.00 petang. Selepas itu, yang memeranjatkan kita di seluruh dunia ialah dikenali sebagai tragedi 11 September di New York dan Washington. Ini diikuti pula dengan Kumpulan Militan Malaysia, oleh ekstremis agama Islam yang kita berdepan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, bagi saya dan majoriti orang di Sarawak, saya tahu dan memang menyokong tindakan yang diambil kerajaan Barisan Nasional yang dipimpin Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Pemangku Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana kami mahu negara aman damai antara semua kaum dan menghormati satu sama lain yang berlainan agama di antara mereka, bukan sekarang sahaja tetapi yang perlu sekali keadaan sebelum tahun 1963 iaitu sebelum kita menubuhkan negara Malaysia yang kita cintai bersama.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan menerusi Kementerian dan Jabatan Pendidikan oleh kerana dalam setahun dua tahun ini kerajaan telah mengatur langkah supaya rumah-rumah guru asrama dan rumah-rumah makan ataupun bilik darjah banyak dibuat di negeri Sarawak. Mungkin lain negeri bersama-sama kerana keadaan itu memang lama saya sentuh, mulai saya jadi backbencher dalam tahun 1986. Jadi, sekarang bermulalah perkara ini. Saya mengucapkan terima kasih. Sungguhpun begitu, lagi banyak yang belum lagi dibuat kerana perkara ini dapat dibuat beransur-ansur tiap-tiap tahun. Saya haraplah peruntukan akan diberi tiap-tiap tahun supaya perkara ini dapat dibuat dengan baik supaya banyak lagi guru-guru dan budak-budak sekolah dapat selesa, bukan macam masa yang lepas.

Kedua pembangunan luar bandar. Memang yang dinanti-nantikan. Sungguhpun saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kerana memang banyak jana kuasa elektrik yang telah ada di kawasan saya di Saratok tetapi mereka di hulu sungai yang sudah ada jalan raya semenjak tahun 1967 lagi pun belum ada jana kuasa elektrik. Sungguhpun jalan raya sudah ada sampai ke hulu, rakyat di kawasan Saratok memang menunggu perkara ini dapat dibuat dan diatur. Jadi, yang akhirnya berkenaan dengan pendidikan. Pendidikan yang selalu apabila saya melawat di kawasan, saya memberi keterangan berkenaan dengan bagaimana orang dapat jadi usahawan atau meningkatkan ekonomi selain daripada barang yang dapat kita tanam. Macam sekarang ada kelapa sawit sedikit, jadi saya selalu beritahu jikalau kita tidak cukup

pendidikan, tidak cukup sebagai *engineer*, akauntan dan sebagainya bagaimana mahu jadi usahawan yang sebenar. Jadi, apa yang perlu untuk menghantar anak cucu pergi ke sekolah supaya mereka dapat lulus mengikut anak-anak dan cucu orang lain di negara ini. Kalau begitulah baru kita dapat bersama-sama. Apabila cukup masa mungkin dapat mencapai Wawasan 2020 yang dicita-citakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Jadi, dengan ini saya menyokong penuh usaha kerajaan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua: Bukit Bintang.

5.10 ptg.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbincangan Titah Ucapan di-Raja dan saya ingin merakamkan Ucapan Menjunjung Kasih Ke bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana Titah Ucapan yang menyentuh berbagai isu negara.

Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengulangi pendirian saya dan parti DAP menentang peperangan Amerika Syarikat dan sekutunya ke atas Iraq tanpa restu PBB. Peperangan yang membawa lebih banyak kemusnahan nampaknya macam tidak boleh dielakkan lagi. Langkah menutup kedutaan dan meninggalkan Iraq secepat mungkin oleh kedutaan negara kita sememangnya perlu.

Apa yang bakal kita saksikan kelak, serangan udara, pengeboman, tembakan, pertempuran yang akan memusnahkan bukan sahaja anggota tentera, kelengkapan, harta benda tetapi rakyat jelata yang tidak berdosa walaupun negara kita menyertai bantahan seluruh dunia dan kita tidak dapat berbuat apa-apa kecuali bersuara membantah tetapi kita perlu bersiap sedia menghadapi kesan buruk akibat yang akan melanggar negara kita. Yang pasti ialah harga minyak dan petroleum sudah naik.

Dato' Zulhasnan bin Rafique: [Bangun]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sri Gading bangun.

Tuan Fong Kui Lun: Masa tidak mengizinkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Sri Gading tadi sudah berucap. Hanya 20 minit.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Alah, cukuplah.

Tuan Fong Kui Lun: Saya ada banyak isu-isu yang akan dibangkitkan di Dewan yang mulia ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Cukup. Cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Fong Kui Lun: Tidak. Banyak isu.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Fong Kui Lun: Sektor pasaran antarabangsa yang menerima tempas kuasa pembayaran bagi barangan dan perkhidmatan termasuk perkhidmatan kerajaan menjadi lembap. Walau apa pun pakej ekonomi untuk menyerap kesan perang tersebut jangan sampai memakan diri sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang agensi-agensi pengangkutan udara seperti *Freight Forwarder* menjangkakan terdapat penurunan *business* 30% hingga 40% jika perang meletus di Iraq. Biasanya *Freight Forwarder* akan menghadapi lambakan kargo *over capacity*, dengan izin, kerana kargo tidak boleh dihantar waktu perang. Sektor ini akan dibebani dengan surcaj keselamatan sebanyak 38 sen sekilogram setiap pelayaran kapal dari Malaysia sejak 15 Oktober 2001.

Surcaj ini tidak boleh dielakkan lagi kerana kenaikan kos premium insurans dan langkah keselamatan selepas peristiwa 11 September 2001 menyerang Amerika Syarikat. Agensi *forwarder* terpaksa menyerap kos surcaj petroleum kerana sesetengah pelanggan enggan membayar caj tambahan. Pihak persatuan *Air Freight Forwarder of*

Malaysia ada menulis surat kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan pada 5 haribulan tahun lalu bagi memaklumkan isu surcaj tetapi sehingga hari ini Yang Berhormat Menteri Pengangkutan belum memberi apa-apa jawapan.

Syarikat-syarikat penerbangan telah mengeluarkan surat pekeliling kepada semua agensi penerbangan dan agensi *forwarder* bahawa mereka akan mengkaji semua kadar tambang kerana kenaikan harga minyak dan kenaikan bertambah lebih 50% berkuat kuasa 1 Disember tahun lalu.

Surcaj minyak dari Malaysia ke kawasan IATA, Kanada dan Eropah serta Australia dan New Zealand dinaikkan 50% ke-57 sen sekilogram yang sebelumnya ialah 38 sen sahaja. Kadar juga naik 57.9% atau 11 sen untuk kargo bertolak dari Malaysia ke kawasan tiga IATA, Asia Pasifik 30 sen sekilogram dari 19 sen sekilogram sebelumnya.

Begitu juga dengan komoditi lain seperti sayuran dan buah-buahan, sektor perlu juga membayar kos surcaj *war risk* jika perang meletus. Hal yang sama berlaku ke atas tambang kapal kerana kos insurans marin akan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, apakah usaha kerajaan untuk menyerap kenaikan-kenaikan ini supaya industri tidak terjejas teruk. Begitu juga dengan dagangan luar negara sama ada melalui jalan udara atau laut kerajaan hendaklah menyediakan pelan kontinjensi bagi mengelak laluan zon perang.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa kesal kerana tindakan kasar sesetengah pegawai polis Daerah Brickfields yang menjalankan pemeriksaan ke atas pekerja profesional IT dari India dalam serbuan ke tempat kediaman mereka Palm Court Condominium yang terletak dalam kawasan saya pada hari Ahad lalu 11 haribulan bulan ini. Ini bukan sahaja menjejaskan nama baik pasukan polis tetapi nama baik negara di mata dunia dan juga akan menjejaskan hubungan baik dua hala antara Malaysia dengan India.

Saya bersetuju siasatan rapi dibuat untuk bertindak ke atas pegawai yang berkasar tetapi ia satu mesej kepada semua pemeriksaan ke atas pekerja asing dan rakyat tempatan supaya jangan bertindak keterlaluan semasa serbuan dan tangkapan dibuat. Sebagai Wakil Rakyat, saya ada menerima aduan-aduan tertentu dan terperinci mengenai sikap kasar pasukan polis semasa membuat serbuan dan pemeriksaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan tentang jawapan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri terhadap soalan saya pada 17 Mac berkaitan dengan Persidangan Kemuncak Ketua-Ketua Negara Berkecuali atau NAM pada 20 hingga 25 Februari tahun ini. Dari jawapan itu, belanja pengurusan persidangan tersebut ialah RM90,420,600. Ini satu jumlah yang cukup besar dan memeranjatkan bagi persidangan antarabangsa yang terpaksa ditanggung oleh Malaysia .

Tuan Yang di-Pertua, dari perbelanjaan tersebut didapati 700 buah kenderaan nasional jenis Proton telah digunakan sudah pasti dia meliputi kereta BMW dan Mercedes. Menurut jawapan, dipinjamkan oleh syarikat pengeluar atau pengimport tempatan. Saya ingin tahu dari jumlah bilangan kenderaan itu sama ada duti import kastam telah dikenakan ke atas kenderaan import tersebut. Atau adakah ini dikecualikan. Jika ini diberikan pengecualian duti dan cukai, berapakah kerugian hasil negara atau kehilangan hasil negara. Sebaliknya jika ia dikurangkan, berapakah caj duti import yang dikenakan.

Saya difahamkan bahawa sebanyak 160 unit kereta mewah seperti BMW 7 series dan Mercedes Benz S320 dan S280 membabitkan cukai import sebanyak RM32 juta hingga RM48 juta dalam segi kerugian hasil negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan syabas kepada pasukan polis dan pasukan keselamatan yang berjaya mengawal dengan baik semasa Persidangan Ketua-ketua Negara NAM pada 20 hingga 25 Februari lalu. Walaupun berlaku kesesakan di jalan-jalan tertentu tetapi para pemandu dapat mengelakkan kesesakan pada peringkat awal lagi. Saya tidak nampak rakyat mengeluh tetapi yang mengeluh ialah Pasukan Keselamatan kerana kurang mendapat layanan baik seperti pegawai-pegawai petugas yang lain.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi jalan atau tidak?

Tuan Fong Kui Lun: Okey, okey.

Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak: Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Bintang. Saya cukup merasa terharu dengan perkhidmatan yang telah ditunjukkan oleh pasukan polis di sepanjang persidangan NAM dan saya difahamkan bahawa anggota-anggota polis tidak mendapat sebarang elaun ataupun wang semasa mereka bertugas. Adakah Yang Berhormat setuju supaya mereka ini dibayar sagu hati bagi mengenangkan jasa mereka yang telah bersama-sama menjayakan NAM tersebut, kalau boleh.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju dengan rakan saya Yang Berhormat bagi Setiu sebab pasukan polis haruslah diberi elaun atau apa-apa sagu hati kepada mereka sebab mereka telah bekerja dengan begitu bersungguh-sungguh untuk menjaga keselamatan kepada anggota-anggota dan wakil-wakil dari luar negeri.

Saya hendak bertanya pihak kementerian apakah pulangan secara kasar dari segi hasil kepada Malaysia selama wakil persidangan NAM itu berada di Malaysia. Persidangan telah membuka mata dunia buat kita untuk Malaysia menjadikan kenang-kenangan kepada anggota perwakilan kita memberi layanan yang baik sehingga nyamuk pun tidak boleh terbang masuk ke kawasan hotel persidangan.

Akan tetapi saya ingin bertanya ada di kawasan setinggian dan kawasan perumahan bandar, dalam kita sibuk mengejar pembangunan, kita jangan lupa masalah sosial dan kesihatan sebagai kesan dari pembangunan, ancaman wabak demam denggi, demam denggi berdarah dan kematian yang berpunca dari pembiakan nyamuk aedes sepanjang 10 tahun itu supaya tidak diabaikan oleh pihak Kementerian Kesihatan dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Catatan perangkaan yang tinggi sepanjang 10 tahun lalu termasuk terbaru sepanjang tahun ini mengenai kes jangkitan dan kematian patut menyedarkan kerajaan dan rakyat bagi menggembelng tenaga membanteras ancaman nyamuk yang kini sudah bertukar rupa dan tidak ada ubat penawarnya. Saya ingin merakamkan dua kekasaran yang berlaku akibat kelalaian kita menguruskan wabak denggi.

Pertama, keengganan Majlis Perbandaran Ampang Jaya membekalkan peralatan dan lori untuk kerja gotong-royong anjuran parti DAP bertempat di Taman Nirwana berikutan kejadian kematian beberapa orang di Taman tersebut akibat demam denggi berdarah pada 17 Februari 2003 tetapi ditolak mentah-mentah oleh pegawai MPAJ atas alasan mereka tidak boleh memberi bantuan kepada gotong-royong parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, surat bantahan yang dikirim kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor tidak dijawab. Pada akhirnya penduduk-penduduk bersama dengan anggota DAP membuat gotong-royong tanpa bantuan MPAJ. Dalam soal kesihatan dan nyawa manusia, agensi kerajaan sanggup melakukan diskriminasi politik kepada parti-parti yang tidak sehaluan dengan kerajaan.

Dalam kes ini, Kampung Kerayong, Taman Maluri, Cheras, Kuala Lumpur pihak Bandaraya Kuala Lumpur menyatakan tidak ada peruntukan untuk membuat kerja semburan ke atas nyamuk aedes kerana peruntukan sudah habis. Meskipun di kampung tersebut telah berlaku beberapa kematian dan jangkitan nyamuk yang menggambarkan seolah-olah agensi kerajaan tidak peka dengan ancaman wabak denggi.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga terdapat satu kes Hospital Selayang menolak kemasukan seorang pesakit demam denggi Mohd. Ridzuan bin Abdul Aziz berumur 23 tahun pada 18 Februari lalu ketika datang ke hospital tersebut, bacaan *blood count* ialah 73. Pihak hospital berkata, beliau boleh dimasukkan jika *blood count* di bawah 50. Beliau terpaksa balik ke rumah. Keesokan harinya beliau pergi semula ke Hospital Selayang setelah klinik kerajaan yang memeriksanya mendapati *blood count* menjadi 39 tetapi kemasukan beliau ke hospital juga ditolak. Akhirnya beliau terpaksa pergi ke Hospital Kuala Lumpur dan masuk ke wad sakit denggi atas bantuan pekerja kita. Tindakan Hospital Selayang itu sungguh dikesali. Bagaimanakah sebuah hospital baru serba lengkap peralatan dan kemudahan dengan mudah menolak pesakit yang hendak mendapat rawatan.

Tuan Yang di-Pertua, kursus perguruan dalam cuti, pada Disember tahun yang lalu DAP telah menerima aduan bahawa beberapa orang pelajar yang telah mengikuti Kursus Perguruan Dalam Cuti bahagian Cina telah diberhentikan pengajaran mereka selepas kursus dijalankan lebih kurang satu bulan. Perbuatan ini tidak boleh diterima langsung dan langsung tidak masuk akal sekiranya mereka tidak berkelayakan apakah sebabnya mereka dibenarkan menyertai kursus pada awalnya? Kementerian haruslah berterus-terang dan memberi tahu Dewan yang mulia ini jumlah pelajar yang telah ditamatkan pelajaran mereka dengan cara demikian. Apakah sebabnya dan apakah kesilapan yang telah dilakukan oleh kementerian?

Kementerian harus bertanggungjawab atas kesilapan selain daripada meminta maaf kepada pelajar-pelajar. Kementerian juga harus memberikan pampasan kepada mereka yang telah mengalami kerugian wang. Pada tahun ini DAP juga telah menerima aduan daripada mereka yang mendakwa dalam pengambilan dalam Kursus Perguruan Lulusan Ijazah bahagian Cina terutamanya tidak diberikan kepada pemohon yang mempunyai kelayakan yang sesuai. Dalam buku panduan Kursus Perguruan Lulusan Ijazah telah ditetapkan bahawa kelayakan yang sesuai ialah Bahasa Cina dan Kesusasteraan Cina.

Tuan Yang di-Pertua, pengadu mengatakan bahawa terdapat ramai pemohon yang berjaya dalam permohonan mereka dan tidak mempunyai kesesuaian kelayakan seperti yang dikehendaki oleh kementerian. Manakala terdapat mereka yang mempunyai kelayakan yang sesuai pula gagal dalam permohonan mereka. Maka Kementerian Pendidikan haruslah menjelaskan sebenarnya apa sebab dan mengumumkan jumlah pemohon yang mempunyai kelayakan yang sesuai yang telah berjaya atau gagal dalam permohonan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, di Kuala Lumpur kini terdapat pameran Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 iaitu satu pelan struktur yang akan dipakai sehingga tahun 2020 iaitu kita lagi ada 17 tahun lagi sebagai lanjutan Pelan Struktur Kuala Lumpur tahun 1984 yang sudah ketinggalan zaman. Sejauh mana Pelan Struktur Kuala Lumpur 1984 telah dipakaikan dalam merancang pembangunan Kuala Lumpur dalam tempoh 18 tahun lalu tidaklah dipastikan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta gulung Yang Berhormat ya.

Tuan Fong Kui Lun: Lagi ada berapa minit?

Tuan Yang di-Pertua: 3 minit lagi.

Tuan Fong Kui Lun: Saya akan gulunglah, Tuan Yang di-Pertua, sebab pameran ini diadakan di Kuala Lumpur saya minta kementerian khususnya Jabatan Perdana Menteri melanjutkan masa untuk rakyat jelata khususnya warga kota untuk memberi pandangan tentang pameran Pelan Struktur Kuala Lumpur tahun 2020 sebab DBKL mengambil masa yang begitu lama untuk mengadakan pelan ini dan hanya memberi satu bulan sahaja untuk memberi bantahan. Kita berharap DBKL memberi lebih masa untuk rakyat khususnya rakyat di Kuala Lumpur memberi bantahan dalam masa yang cukup, sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ramai lagi yang hendak berucap, oleh yang demikian saya terpaksa hendak menghadkan masa lagi, minta Ahli Yang Berhormat berucap 10 minit, minta maaf. Kalau banyak ini yang hendak berucap kita tidak ada masa, pada esok hari Menteri akan menjawab. Tidak boleh sambung, sampai 7 malam ini kita sudah keluarkan usul tadi. Kuala Pilah, 10 minit Yang Berhormat.

5.30 ptg.

Datuk Napsiah binti Omar [Kuala Pilah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya bangun turut menyokong usul yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Shah Alam, menjunjung kasih atas Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Parlimen Kesepuluh. Tuan Yang di-Pertua, kalau hari ini presiden Bush terus rancangannya untuk menyerang Iraq maka sahlah Bush ini seorang pekak, buta, tuli *and the biggest bully in the world*.

Saya hari ini mempunyai perasaan hampa kerana tidak boleh berbuat apa-apa. *A feeling, a sense of hopelessness* kerana tidak dapat menolong saudara-saudara kita. Bush ini nampaknya tidak menghiraukan lagi suara-suara berjuta-juta manusia di sekeliling dunia. Dia hanya begitu ego dan meneruskan rancangannya untuk tetap menyerang Iraq. Sebenarnya Iraq telah pun mula menunjukkan juga

hendak memberi kerjasama dan telah pun memusnahkan beberapa senjatanya tetapi tidak juga dia hiraukan. Seperti mana kata sahabat saya Korea Utara mempunyai senjata-senjata nuklear dan dengan terang-terang mengatakan kepada dunia tetapi Amerika tidak mengambil tindakan kepada mereka. Nampaknya kali ini *the axis of evil* telah beranjak ke Washington dan London.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa juga sedih kerana baru-baru ini saya melihat juga khazanah-khazanah yang ditinggalkan oleh askar-askar Amerika di Vietnam semasa perang Vietnam. Ada saya perhatikan satu bom kalau meletup kawasan sebanyak 3 kilometer di sekeliling bom itu tidak ada udara. Semua udara oksigen disedut untuk membakar *combustion* bom ini. Maka mereka yang terdapat di persekitaran 3 kilometer daripada tempat bom itu meletup tidak mempunyai udara, maka matilah mereka di situ. Saya juga melihat akibat *Agent Orange* ini di negara Vietnam, mungkin mereka itu di sembur seperti nyamuk dari udara dan akibatnya amatlah merunsingkan. Kalau askar-askar itu sudah menikah waktu perang, zuriatnya anaknya itu didapati cacat. Kalau anaknya tidak cacat, cucunya pula akan didapati cacat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Muhamad bin Haji Abdullah)
mempengerusikan Mesyuarat]

Inilah yang saya fikirkan yang dikatakan senjata *of mass destruction* yang dipelopori oleh Amerika Syarikat. Sekarang saya takut dan khuatir bagi rakyat Iraq, apakah senjata-senjata canggih yang akan digugurkannya dari langit ke mereka ini? Saya hanya seperti rakyat biasa berdoalah kepada Allah SWT supaya mereka dilindungi.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ini untuk membawa suara orang luar bandar, suara orang kampung dan oleh kerana waktu diberi terhad kepada 10 minit maka saya akan cepat-cepat Tuan Yang di-Pertua, supaya yang lain pula dapat peluang untuk berucap. Pertamanya berkenaan dengan penggunaan telefon bimbit, orang kampung juga ingin hendak menggunakan seperti orang bandar. Sekarang ini di kawasan saya ada tempat-tempat - *pockets* yang di mana mereka ini tidak dapat menggunakan telefon bimbit ini maka mereka ini tidak dapatlah berkomunikasi melalui telefon ini. Jadi saya harapkan kerajaan akan menyegerakan penggabungan syarikat-syarikat yang menawarkan talian perhubungan ini supaya orang kampung juga dapat menggunakan dan mendapatkan kemudahan ini.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, orang kampung juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas pemberian jalan-jalan dan sebagainya dan pembiayaan pulih jalan-jalan. Tetapi, orang kampung di Kuala Pilah dan juga termasuklah orang Jempol juga dan mereka yang menggunakan jalan antara Bukit Putus-Seremban ke Kuala Pilah melalui Bukit Putus itu ke Pantai Timur, mereka juga menunggu-nunggu dan masih menunggu jalan yang lebih baik. Saya berharap ini akan dapat disegerakan oleh kerajaan.

Yang ketiganya, berkenaan dengan air. Banyak sudah diperbincangkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Mambong dan saya juga di sini hanya membawa satu perkara yang agak menyedihkan orang kampung Tuan Yang di-Pertua, iaitu ada beberapa tempat di mana paip ada, kepala paip pun ada tetapi malangnya, dalam satu bulan itu kadangkala hanya 15 hari sahaja yang dapat air. Di waktu-waktu lain, air datang melalui lori. Bukan tidak ada air, air ada tetapi datang dibawa dengan lori. Malangnya pula, kadang-kadang bil air ini agaknya tinggi kerana bil air ini sebenarnya saya difahamkan, bila dibuka paip ini tadi, angin yang keluar. Jadi, mereka terpaksa membayar, bayar bil yang tinggi kerana angin ini pun terpaksa dibayar juga.

Seorang Ahli: Bayar angin.

Datuk Napsiah binti Omar: Bayar anginlah nampaknya. Perkara yang keempat Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih bagi orang kampung kerana ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang menyediakan beberapa kemudahan seperti memberi 10 batang tiang lampu elektrik untuk menerangkan kawasan kampung. Terima kasih. Ya, memang betul tidak cukup Yang Berhormat tetapi, sebab itu kita ucap terima kasih dulu supaya dapat ditambah lagi. Ada juga, malangnya hanya seminggu sahaja lampu menyala selepas itu tidak menyala.

Seorang Ahli: Tidak menyala.

Datuk Napsiah binti Omar: Tidak *menyalo*. [Ketawa] Kena tunggulah. Saya difahamkan bulan Ogos baru boleh pihak TNB - saya pun kurang faham kenapa tidak boleh sekarang ini memberi bantuan. Hanya dalam bulan Ogos boleh TNB datang membantu mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, yang kelima, orang kampung juga memohon kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk menyediakan peruntukan supaya majlis-majlis daerah ini dapat membuat kajian dan memperbaiki keadaan di mana sekarang ini terdapat juga, inilah mungkin kos pembangunannya, sebabnya bila ada pembangunan, kadangkala terlupa mereka itu untuk memikirkan berkenaan dengan perparitan. Jadi, banjir kilat bukan sahaja berlaku di Kuala Lumpur, berlaku juga di Kuala Pilah. Jadi, minta tolonglah pihak jawatankuasa ataupun majlis tempatan untuk menjaga.

Kadangkala Tuan Yang di-Pertua, terdapatlah di dalam pemikiran ramai orang kita ini yang mengingatkan longkang dan juga sungai atau anak air itu tempat membuang sampah. Jadi, masa dulu saya ingatlah masa dulu, mungkin sahabat saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading ingat juga masa dulu ada pekerja-pekerja yang dinamakan 'sentribot' ingat tak dulu? [Bertanyakan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading]. Sebenarnya itu, saya difahamkan ialah *sanitary board* tetapi orang kampung pekerja 'sentribot' .katanya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya berharap jugalah mungkin elok juga dikaji badan-badan seperti ini dulu, mungkin perkhidmatan yang diberinya itu baik dan mungkin boleh kita masukkan bersama dalam apa perkhidmatan yang kita boleh beri kepada orang-orang kita, orang kampung ini. Ini kerana, saya perhatikan hari ini, saya mendengar beberapa kawan-kawan bercerita berkenaan dengan kes-kes denggi yang berlaku ini. Mungkin kalau ada lagi pasukan anti malaria ini yang seperti dulu, sekarang ini kita adakan pasukan anti denggi untuk menjaga kesihatan orang ramai. Mungkin dengan cara ini, kita dapat membantu lagi rakyat kita supaya sihat *walafiat*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Ehh, belum lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: 10 minit Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Satu minitlah, sebabnya terperanjat tadi pasal daripada 20 minit jadi 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu tidak kira Yang Berhormat. Hmmm, selesai dah.

Datuk Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja lagi. Yang pertama ialah saya minta Kementerian Kesihatan untuk mewujudkan satu golongan profesional yang bernama *respiratory therapist* sebabnya saya difahamkan di negara kita ini, 4.2% daripada rakyat kita ini menghidap penyakit yang ada kena-mengena dengan saluran pernafasan. Jadi, harap dapat ditubuhkan satu badan eksekutif untuk mengaturkan beberapa garis panduan dan sebagainya untuk diwujudkan profesional yang disebutkan sebagai *respiratory therapist*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf. Sedikit sahaja lagi sebabnya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cukup Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar:wanita akan merasa terkilan kalau tidak dibawa perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak kira Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Datuk Napsiah binti Omar: Iaitu berkenaan dengan wang KWSP ini Tuan Yang di-Pertua kerana saya dulu pernah juga saya bangkitkan perkara ini tetapi, tidak

dapat lagi maklum balas daripada KWSP ini dan ramai juga ibu-ibu tunggal yang tertanya-tanya. Kalau sekarang ini EPF ingin ataupun bercadang mengagihkan wang EPF ini mengikut hukum faraid, saya berharaplah wanita-wanita ini yang telah dinamakan atau isteri yang telah dinamakan untuk menerima wang ini, adakah mereka ini juga akan mendapat wang ini mengikut agihan hukum faraid.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sudah Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar: Saya berharap janganlah dianiyai kerananya bila hukum faraid.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Datuk Napsiah binti Omar:lama dia baru dapat. Tuan Yang di-Pertua, minta maaf, saya sampai di sini sahajalah nampaknya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Napsiah binti Omar: Terima kasih dan saya menyokong Usul ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih, terima kasih. Saya bagi ini Bukit Mas.

5.42 ptg.

Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk turut bersama-sama ahli-ahli lain untuk menyokong Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah dipersembahkan oleh Yang Berhormat bagi Shah Alam, Pengerusi *Backbenches Club*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan di atas kejayaan menganjurkan Persidangan Kemuncak ke-13 Pergerakan Negara-Negara Berkecuali atau NAM yang telah berlangsung di Ibu negara Kuala Lumpur baru-baru ini. Sebagai tuan rumah persidangan tersebut yang telah berjaya diadakan dan selaku Pengerusi NAM yang baru bagi tempoh tiga tahun akan datang, negara Malaysia akan lebih terkenal dan maju setapak lagi di kaca mata dunia.

Selain itu, suara lantang pemimpin utama negara kita Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad selaku Perdana Menteri dan Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kini, Pemangku Perdana Menteri mengenai isu-isu penting antarabangsa mendapat perhatian dan sanjungan daripada negara-negara anggota NAM dan dunia amnya.

Saya bersetuju dan menyokong deklarasi Kuala Lumpur yang diambil sempena Persidangan NAM dan berharap di saat-saat akhir ini agar pihak Amerika Syarikat dan sekutunya tidak akan meneruskan rancangan untuk menyerang Iraq.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat Malaysia bersyukur walaupun negara-negara membangun yang lain terjejas akibat keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu tetapi Malaysia mampu mengatasi masalah yang melanda sekarang. Justeru itu, dalam keadaan dunia yang terus bergolak, Malaysia harus berhati-hati di dalam semua urusan khususnya yang berkaitan dengan ekonomi dan keselamatan negara. Masalah penyelewengan wang rakyat seperti berlaku baru-baru ini melibatkan KWSP dan lain-lain yang boleh menjatuhkan imej agensi berkenaan dan kerajaan harus dihentikan.

Begitu juga dengan masalah dadah yang meningkat di kalangan remaja di negara ini. Jenayah, rompakan dan rogol yang sering berlaku serta kegiatan *terrorist* dengan izin harus dibanteras agar dapat mewujudkan suasana aman damai dan menarik bagi pelancong-pelancong dan pelabur-pelabur datang untuk melabur dalam negara. Untuk mengurangkan penglibatan rakyat dengan dadah khasnya kaum muda, saya menyokong cadangan pihak kerajaan untuk melibatkan semua lapisan masyarakat dalam usaha memerangi dadah. Sehubungan dengan ini saya mencadangkan agar anggota keselamatan iaitu polis ditambahkan.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat di kawasan Bukit Mas yang saya wakili mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah membawa pembangunan ke kawasan mereka. Dengan adanya peruntukan-peruntukan daripada kerajaan di bawah pakej rangsangan ekonomi atau *preemptive* dengan izin, dapat

mengubah dan menukar wajah-wajah kampung di pedalaman Sarawak supaya lebih baik dan menarik bukan sahaja untuk pelancong-pelancong datang malahan bagi anak-anak muda yang telah meninggalkan kampung halaman mereka untuk mencari pekerjaan beberapa tahun dahulu kembali dan menetap di kampung asal mereka. Ini terjadi apabila ada di kalangan mereka yang diberi peluang dan terlibat sama dalam melaksanakan projek-projek kecil luar bandar yang telah dilaksanakan kerajaan.

Oleh yang demikian saya menyeru kepada kerajaan supaya meneruskan pakej yang sama pada tahun ini dan memberi lebih banyak peruntukan kepada negeri Sarawak khususnya untuk kawasan luar bandar yang jauh ketinggalan dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan tempat-tempat lain. Selain itu Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi pihak rakyat di kawasan saya mengemukakan cadangan pembangunan khusus untuk dipertimbangkan oleh kerajaan dalam *mid-term review* dengan izin kerana projek-projek ini dianggap penting dan mustahak bagi rakyat.

Pertama, Lapangan Terbang baru Lawas. Cadangan ini adalah bertujuan untuk membawa kapal terbang jenis F50 ke Lawas menghentikan perkhidmatan *Twin Otter* yang ada sekarang yang tidak mencukupi dan memuaskan hati rakyat lebih-lebih lagi penduduk tempatan daerah Lawas di hujung negeri Sarawak dan penduduk yang berdekatan seperti Sipitang, Sabah dan Kalimantan, Long Bawan, Indonesia bergantung penuh dengan perkhidmatan ini.

Kedua, Jambatan Sungai Trusan. Pada 9 April 2001 Yang Berhormat Menteri Kerja Raya dalam Jawapan Lisan terhadap soalan saya memaklumkan bahawa kerajaan merancang pembinaan Jambatan Sungai Trusan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan kos RM30 juta. Mengikut Yang Berhormat Menteri, reka bentuk projek telah siap dan pembinaan dijadualkan bermula tahun 2002. Walau bagaimanapun, pada 1 Oktober 2002, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya memberitahu rakyat bahawa kerajaan tidak mempunyai apa-apa rancangan bagi projek pembinaan Jambatan Sungai Trusan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kekeliruan rakyat tentang projek ini, saya minta perkara ini diberi keutamaan dan saya rasa seharusnya diberi pertimbangan dan kelulusan pihak kerajaan dan kementerian kerana sebagai penghubung penting di Lebuhraya Pan-Borneo.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat kelambatan dalam urusan pelaksanaan projek infrastruktur penting yang telah diluluskan kerajaan di kawasan saya, contohnya Jalan Raya Nanga Medamit di Limbang yang telah diluluskan peruntukan RM20 juta bagi menaik taraf dan penurapan jalan tersebut pada tahun 2001 iaitu semasa Pilihan Raya Negeri Sarawak oleh Yang Berhormat Menteri Kerja Raya tetapi sehingga sekarang belum dilaksanakan. Saya minta pihak kementerian mempercepatkan pelaksanaan projek ini kerana sudah pun menjadi isu di kawasan berkenaan.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua projek hospital baru daerah Lawas yang telah diluluskan dalam RMK-7 juga belum dimulakan. Tapak projek sudah disediakan. Yang Berhormat Menteri Kesihatan menjawab soalan mengenai perkara ini menyatakan projek tersebut memerlukan tapak baru, sedangkan saya telah difahamkan bahawa pihak kementerian tidak lagi memerlukan tapak baru dan sebaliknya menggunakan tapak asal atau lama yang telah disediakan. Sehubungan dengan ini saya mohon pihak kementerian mengambil tindakan sewajarnya dan menjalankan pelaksanaan projek ini secepat yang boleh.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *[Disampuk]*
Cukuplah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kota Bharu.

5.50 ptg.

Tuan Ramli bin Ibrahim [Kota Bharu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana masa sangat terbatas, saya hanya akan membacakan sinopsis ucapan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Asalkan sepuluh minit, tidak kiralah.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Ya sepuluh minit hanya boleh sinopsis *[Ketawa]* Pertama sekali mengenai Perang Iraq dan Amerika. Saya bersama-sama kawan-

kawan mengutuk dasar Amerika Syarikat untuk menjajah negara Iraq dan bersimpati dengan Saddam Hussein. Satu kezaliman abad yang ke-20 yang tidak ada taranya dalam sejarah dunia. Sebab itu saya bersama rakan-rakan supaya mengambil inisiatif untuk tindakan proaktif apakah langkah-langkah yang patut kita buat bagi membantu Iraq selepas diserang nanti?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tembakhlah!

Tuan Ramli bin Ibrahim: Berani kah? Yang kedua Tuan Yang di-Pertua mengenai SAR. Saya berpandangan bahawa tindakan tergesa-gesa dan mendadak oleh kerajaan untuk memberhentikan bantuan per kapita dan menyerahkan SAR ini telah menggoreskan hati umat Islam. Oleh sebab itu saya menggesa dan mendesak kerajaan supaya menimbang semula keputusan ini dan memberi pula per kapita kepada SAR memandangkan sumbangan SAR sangat besar dalam pembangunan pendidikan negara.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai jawapan yang diberikan oleh Menteri Kesihatan mengenai permohonan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk berubat di luar negeri. Hari ini kita mendengar kecaman-kecaman terhadap Bush yang tidak berperikemanusiaan, kezaliman, kekejaman dan tidak ada sifat perikemanusiaan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah masih tidak ada perubahan sikap dan pendirian kerajaan tidak mahu membenarkan permohonan Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk berubat di luar negeri, meskipun desakan telah dibuat oleh pihak SUHAKAM, ICJ dan juga beberapa negara-negara sahabat kerana mereka berpandangan bahawa kes Dato' Seri Anwar Ibrahim untuk berubat di luar negara ini adalah masalah kemanusiaan.

Walaupun alasan setakat ini yang diberikan oleh kerajaan bahawa kita mempunyai pakar-pakar perubatan di dalam negeri tetapi Dato' Seri Anwar Ibrahim tentulah mempunyai alasan-alasan yang tersendiri bahawa beliau tidak yakin dengan suasana dalam negeri ini.

Oleh sebab itu saya minta supaya pihak kerajaan menimbang semula keputusan tidak membenarkan ini supaya bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan yang telah berkhidmat begitu lama kepada negara ini dapat pertimbangan bagi merawat penyakitnya yang sekarang ini semakin parah.

Yang keempat, Tuan Yang di-Pertua, mengenai perkara perbelanjaan yang digunakan oleh kerajaan bagi hari-hari perayaan Malaysia. Dalam jawapan yang diberikan oleh Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan kepada saya ialah hari perayaan Malaysia sebanyak enam perayaan ini berjumlah RM5 juta lebih untuk tahun 2002. Saya rasa walaupun perayaan ini baik dari segi perpaduan kaum dan menyatupadukan perpaduan semua tetapi perbelanjaan terlalu tinggi. Saya sempat menghadiri beberapa perayaan ini dan saya dapati perayaan ini adalah tidak setimpal dengan perbelanjaan yang digunakan oleh kerajaan misalnya perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri pada 21 Disember 2002 di Jitra Kedah. Persoalan saya, yang dibuat di Jitra, Kedah ini adalah terlalu mewah dan sepatutnya dibuat di tempat-tempat lain, bukan di kawasan Perdana Menteri.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, mengenai.. ada berapa minit lagi?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Adalah satu minit lebih lagi.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Kelam kabutlah saya, saya tidak pernah berucap begini, tidak pernah berucap secara terburu-buru seperti ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu pun bagus juga, Yang Berhormat.

Tuan Ramli bin Ibrahim: Akhirnya mengenai perpaduan. Kita setuju dengan Titah Ucapan Yang di Pertuan Agong bahawa bagi melaksanakan pembangunan negara ini kita memerlukan sebuah negara yang aman dan stabil. Keamanan dan kestabilan politik ini kita hanya boleh berlindung di bawah satu pentadbiran yang adil dan saksama dan tidak mungkin terjadi keadilan jika terdapat diskriminasi dalam segala aspek termasuk dalam aspek politik. Oleh sebab itu saya menyeru kerajaan sekali lagi supaya kalau kita ingin menjadikan Malaysia sebuah negara adil seperti mana diimpikan maka kerajaan mestilah melaksanakan keadilan kepada semua

kalangan, jangan sekali-kali kerajaan menghukum mana-mana kalangan sekali pun yang tidak sebulu dengan apa yang dikehendaki oleh kerajaan.

Contohnya ialah seperti menghukum rakyat yang tidak memilih Barisan Nasional, tidak memberi peruntukan-peruntukan setimpal seperti peruntukan kepada Kerajaan Negeri Terengganu dan Kerajaan Negeri Kelantan termasuk juga peruntukan-peruntukan kewangan kepada wakil-wakil rakyat dari kalangan pembangkang supaya mereka ini juga mendapat perlindungan yang sama daripada kerajaan yang sama.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru sekali lagi bahawa jangan sekali-kali menganggap kritikan-kritikan kita kepada UMNO dan Barisan Nasional dianggap sebagai kritikan kepada kerajaan. Kritikan pembangkang kepada UMNO dan Barisan Nasional ini ialah kritikan parti politik dengan satu parti politik dan tidak bermakna kita menderhaka kepada Kerajaan Malaysia di mana ketuanya ialah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terima kasih. Ini saya beri Yang Berhormat bagi Penampang. Ya, Penampang.

6.01 ptg.

Tuan Philip Benedict Lasimbang [Penampang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas peluang untuk memberi Ucapan Menjunjung Kasih ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Dalam dunia sekarang yang kian menjadi global dan liberal usaha dan strategi kerajaan untuk mempertingkatkan kemampuan, kemahiran dan produktiviti sumber tenaga manusia adalah langkah dan arah yang paling penting. Bukan sahaja jumlah bajet yang tinggi untuk membangun sumber tenaga manusia tetapi langkah-langkah seperti pembelajaran dan penekanan penggunaan bahasa Inggeris adalah langkah yang tidak dapat dielakkan untuk rakyat kita ini lebih *versatile* dan lebih lengkap dengan ilmu dan seterusnya kemahiran.

Tuan Yang di-Pertua, kita perlulah melahirkan usahawan yang betul-betul usahawan dan tidak seumur hidup bergantung kepada kerajaan. Bagi saya seorang usahawan itu dilahirkan dari satu persekitaran yang terdiri daripada usahawan-usahawan itu sendiri. Mereka ini tidak akan menjadi usahawan kerana mereka ini diberi beberapa kemahiran seperti pengurusan kewangan dan latihan-latihan teknikal. Mereka harus mempunyai sikap yang dimiliki oleh usahawan tulen seperti sikap positif, tahan lasak, berusaha untuk jangka masa yang panjang, kreatif, inovatif, berani mengambil risiko, spesialis dan sebagainya.

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pembangunan Usahawan strategi yang sedang dikendalikan oleh kementerian untuk melahirkan usahawan-usahawan tulen ini. Adakah kerajaan berpuas hati dengan program-program pembangunan yang sudah dan sedang dijalankan.

Sehubungan dengan ini saya ingin mencadangkan sekali lagi supaya melihat dengan lebih dekat lagi pengusaha-pengusaha kecil seperti penjaja ataupun *hawkers* pengusaha gerai dan perniagaan-perniagaan kecil untuk menghasilkan usahawan. Usahawan lahir dari persekitaran yang mempunyai bahasa usahawan itu sendiri dan kita harus turun ke peringkat yang paling asas untuk menghasilkan usahawan tulen ini. Dianggarkan pengusaha kecil yang melebihi 2 juta orang dan saya harap sumber tenaga ini yang saya sifatkan sebagai sumber tenaga pengajar semula jadi ataupun *natural teacher* diberi perhatian dan sokongan lebih meluas lagi.

Satu persoalan yang saya ingin ketengahkan di sini ialah perkembangan pinjaman Yayasan TEKUN. Pinjaman ceti haram ataupun *along* berleluasa boleh dikurangkan jika kita dapat mempertingkatkan pinjaman dana seperti kepada Yayasan TEKUN, AIM dan dana-dana yang lain. Saya ingin bertanya kepada kementerian mungkin kali yang terakhir, bilakah pinjaman Yayasan TEKUN daerah Penampang dilaksanakan.

Seperti yang saya katakan pada masa yang lalu daerah Penampang mempunyai kepadatan peniaga bumiputera yang paling tinggi di Sabah dan mereka ini betul-betul memerlukan bantuan kerajaan. Saya difahamkan kawasan ini satu-satunya dari dua daerah di Sabah yang belum mendapat kemudahan ini sedangkan

saya adalah antara yang terawal memohon bantuan ini. Saya merayu kepada kerajaan sekali lagi.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini polisi, strategi dan langkah-langkah kerajaan telah menjamin kemakmuran negara ini tetapi ini harus dibantu dan disokong oleh badan-badan bukan kerajaan ataupun NGO.

Walaupun sudah banyak usaha untuk mempertingkatkan sumbangan badan-badan bukan kerajaan, masih banyak usaha perlu dibuat untuk mempertingkatkan usaha ini. Saya terlebih dahulu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga atas usaha proaktif membantu NGO-NGO wanita meningkatkan kemampuan, menyedarkan hak-hak dan menyediakan tempat-tempat untuk mengadu dan menyelesaikan masalah yang terlibat dengan wanita dan keluarga. Walau bagaimanapun, masalah masih timbul dengan usaha kerajaan membantu NGO-NGO ini.

Saya lihat masalah bantuan kepada NGO ini kepada sikap badan-badan kerajaan yang terlupa dengan peranan mereka sebenarnya. Badan-badan ataupun jabatan kerajaan di bawah satu kementerian mempunyai bidang kuasa yang boleh disalahgunakan. Misalnya, bantuan kewangan dan garis-garis panduan kepada badan-badan bukan kerajaan dan sukarela. Saya mohon kepada kementerian-kementerian untuk mengkaji dan memantau semula peranan mereka ini supaya menjalankan tanggungjawab seperti yang diperlukan oleh kerajaan.

NGO-NGO adalah badan sukarela, persatuan adalah sukarela. Persatuan-persatuan ini adalah sukarela dan kakitangan kerajaan yang dipertanggungjawabkan diberi gaji setiap bulan untuk membantu badan-badan bukan kerajaan. Saya amat sedih dengan apa yang sedang berlaku dengan persatuan seperti PKBM, yang bertubi-tubi dihentam di surat khabar tanpa langkah-langkah penyelesaian ataupun langkah-langkah proaktif dari kerajaan, terutama sekali MSN, yang seharusnya mengambil inisiatif untuk berbincang dan cari permuafakatan.

Saya minta Kementerian Belia dan Sukan untuk mengambil langkah bagi menyelesaikan masalah ini, dan mungkin masalah lain yang perlu diselesaikan dalam meja perundingan. Seperti kata pepatah, kalau mahu seribu daya, tidak mahu seribu dalih. Saya harap kakitangan kerajaan yang menerima gaji dari kerajaan, tidak mengambil sikap personal tetapi sentiasa bersikap profesional dan objektif. Jangan kerana satu dua orang yang tidak disukai, profesionalisme dan tujuan dan tugasnya terlupa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentiasa mengikuti perkembangan pembangunan aspek kesihatan negara kita dan saya amat kagum dengan usaha kerajaan. Kita adalah antara negara yang banyak membantu rakyat dari segi kesihatan, dan ini tidak menghairankan, dengan Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa melihat dalam jangka masa yang panjang. Kalau kita sihat produktiviti pun tinggi, dan usaha-usaha pencegahan seperti suntikan vaksin secara percuma akan mengurangkan perbelanjaan dalam jangka masa yang panjang. Saya juga melihat semua kempen kesedaran klinik bergerak yang begitu aktif, peningkatan doktor terutama sekali doktor pakar, dan bangunan hospital dan klinik-klinik baru, amatlah penting untuk menjaga kesihatan rakyat negara ini.

Dalam kesempatan ini, saya ingin bertanya Kementerian Kesihatan mengenai kriteria menentukan lokasi bangunan hospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan. Di kawasan Kota Kinabalu dan daerah Penampang, saya dapati lokasi yang kurang sesuai untuk rakyat kita di kampung. Misalnya, lokasi *out-patient hospital* di Luyang, yang mana selain dari penggunaan kawasan yang membazir, juga jauh dari pengangkutan awam ataupun *public transport*. Juga *Sabah Medical Center*, yang bakal dibeli oleh kerajaan untuk wad bersalin yang begitu jauh. Kita memerlukan tiga bas ataupun tiga jenis pengangkutan awam untuk sampai ke hospital ini. Adakah kriteria utama, iaitu rakyat *friendly* ataupun yang spesifik, rakyat di luar bandar, hospital ini boleh dimasukkan, kriteria ini boleh dimasukkan ataupun tidak. Pada sesi yang dulu juga saya ada mencadangkan konsep *community hospital* atau hospital komuniti. Adakah ini tidak dapat dipertimbangkan?

Dalam kesempatan ini juga, selaras dengan *kampung friendly* ini ataupun memikirkan rakyat kita di luar bandar, di *grass root*, saya sekali lagi memohon supaya hospital dibina di Penampang. Inilah satu-satunya daerah di Sabah yang tidak

mempunyai hospital dan dengan penduduk lebih kurang 150 orang, [Disampuk] Saya tidaklah minta banyak daripada kerajaan. 150,000 orang...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya. Masa Yang Berhormat sudah cukup Yang Berhormat.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah cukup itu Yang Berhormat. Sudah masuk tu.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: *Just finish this.* *Queen Elizabeth* adalah *referral hospital* dan kawasan ini memerlukan wad-wad. Kawasan Penampang luasnya hampir 500 kilometer persegi dan penduduk datang dari jauh untuk mendapat rawatan. Jadi saya mohon sekali lagi supaya kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Membina hospital.

Tuan Philip Benedict Lasimbang: Melihat kembali pembinaan hospital ini. Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat bagi Lanang.

6.10 ptg.

Dato' Tiong Thai King [Lanang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan sokongan padu saya kepada Titah Ucapan Diraja. Dalam Titah Ucapan Diraja, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong bahawa di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Seri Dr. Mahathir Mohamad yang berwibawa, ekonomi negara kita terus berkembang dan rakyat terus menikmati kesejahteraan hidup.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita tidak menghadapi masalah pengangguran, tetapi apa yang membimbangkan kita adalah pelabur asing telah berkurangan berikutan pelabur asing tertarik dengan negara China dan ekonomi dunia yang tidak menentu. Negara kita masih merasa bangga kerana negara kita masih merupakan destinasi pelaburan yang paling menarik di antara negara-negara membangun. Perpaduan rakyat, kestabilan politik dan keamanan negara kita telah menghasilkan iklim pelaburan yang menarik. Setelah ekonomi dunia pulih, pelabur asing tentu akan kembali melabur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Bajet tahun 2003 telah memperuntukkan sebanyak RM7.55 bilion untuk memperbaiki kemudahan perkhidmatan kesihatan. Kerajaan telah membina beberapa hospital baru dan menaik taraf hospital, peralatan-peralatan termoden bagi mempertingkatkan taraf dan mutu perkhidmatan perubatan serta kesihatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kita telah menghadapi masalah kesihatan yang harus diselesaikan, terutamanya penyakit buah pinggang. Berikutan keturunan diplomasi penyalahgunaan ubat penahan sakit, tekanan kerja atau lain-lain sifat penyakit ini, jumlah pesakit ini semakin bertambah. Memandangkan pesakitnya terlalu banyak, hospital kerajaan tidak dapat menampung keperluan *haemodialysis* semua pesakit, maka kakitangan awam diberi keutamaan dan hanya sebahagian kecil pesakit awam dapat menerima rawatan di hospital kerajaan. Ramai pesakit harus melakukan *haemodialysis* di pusat yang ditubuhkan oleh pertubuhan bukan kerajaan, seperti Sibü Kidney Foundation. Pesakit terpaksa berbelanja melebihi RM1,000 sebulan untuk melakukan *haemodialysis* di pusat ini.

Disebabkan kebanyakan pesakit ini adalah golongan berpendapatan rendah, belanja bulanan yang besar ini merupakan bebanan berat kepada mereka kerana *haemodialysis* perlu dilakukan seumur hidup. Selain itu, Sibü Kidney Foundation hanya bergantung kepada derma orang awam untuk menanggung perbelanjaan mereka. Justeru itu, mereka tidak dapat menampung keperluan yang semakin

meningkat. Ini adalah masalah serius kerana sekiranya *haemodialysis* tidak dilakukan mengikut jadual, nyawa pesakit akan terancam.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kerajaan dapat memberi lebih banyak peruntukan agar lebih banyak pesakit ini dapat melakukan hemodialisis di hospital kerajaan atau saya ingin cadangkan agar NGO membeli mesin dialisis dan rawatan percuma kepada pesakit awam diberi oleh kerajaan. Sekiranya cadangan ini diterima saya berkeyakinan NGO tentu akan berusaha untuk mendapatkan derma orang awam. Masalah ini harus diberi perhatian serius agar dapat diselesaikan dalam masa yang singkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang perkhidmatan awam. Kerajaan persekutuan mempunyai lebih 30 jabatan yang berlainan di bandar Sibü. Kebanyakan jabatan persekutuan ini menyediakan perkhidmatan yang memuaskan tetapi orang awam membuat aduan tentang sikap kakitangan dan keberkesanan Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ Sibü. NGO juga memberi komen adalah jabatan yang paling kurang memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, sepengetahuan saya Kerajaan Persekutuan telah melancarkan gerakan seperti ISO bagi mempertingkatkan kualiti dan keberkesanan jabatan kerajaan. Saya ingin menanya sama ada JPJ khasnya Sibü telah mencapai status yang ditetapkan oleh SIRIM. Jika JPJ sudah mencapai ISO, ini akan mengecewakan rakyat memandangkan perkhidmatan yang kurang memuaskan. Jika belum bagaimana melatih pegawai atau kakitangan bagi mencapai matlamat ini. Demi memastikan setiap jabatan kerajaan mencapai ISO, kerajaan harus menentukan masa bagi setiap jabatan. Mereka tentu akan berusaha mempertingkatkan mutu dan keberkesanan perkhidmatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini mencadangkan agar semua jabatan persekutuan dapat memberi perhatian atas cadangan atau komen orang awam seperti mengikut komen atau cadangan individu tertentu dan NGO seperti Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina, Dewan Perusahaan Bumiputera dan Persatuan Klan dan lain-lain pertubuhan untuk memberi komen. Saya percaya komen positif tentu dapat diterima oleh kakitangan awam. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh.

6.18 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam laporan akhbar *The Star* pada 6 November 2002, Pemangku Perdana Menteri berkata bahawa kerajaan mungkin akan menghendaki industri di negara kita untuk mendapat sijil ISO daripada SIRIM demi menggalakkan mereka untuk mengeluarkan barangan dan perkhidmatan yang berkualiti. Pada tahun ini, hanya industri yang mengeluarkan barangan keselamatan sahaja yang perlu mendapat sijil daripada SIRIM. Kenyataan beliau membangkitkan persoalan tentang ISO, apakah perolehan sijil ISO melambangkan kualiti barangan ataupun perkhidmatan yang sebenar? Kalau kita meneliti buku panduan ISO, misalnya "Quality System – Specification for Quality Assurance in Design, Development, Production, Installation and Servicing", iaitu SS ISO 9001:1994 yang dikeluarkan oleh Singapore Institute of Standards and Industrial Research.

Kita akan mendapati buku panduan itu sebenarnya menyatakan produk yang dihasilkan oleh syarikat ataupun kilang yang mencapai ISO haruslah sempurna tanpa kerosakan dan kecacatan ataupun *defect free* tetapi pada realitinya banyak barangan yang mempunyai cop SIRIM dan ISO tidak mempunyai standard dan kualiti yang sepatutnya dan diharap-harapkan. Misalnya sebuah kolej di kawasan Parlimen saya, iaitu Central Academy of Arts yang memperoleh sijil ISO diarah tutup oleh Kementerian Pendidikan pada tahun lepas. Kolej itu menggunakan kelayakan ISOnya untuk menarik pelajar. Kolej itu malah mencetak kelayakan ISO 9000 pada kepala surat kolej. Ramai pelajar di kolej ini rasa tertipu oleh ISO 9000 kerana penutupan kolej tersebut menyebabkan mereka gagal mendapat apa-apa sijil selepas belajar beberapa tahun. Oleh kerana cap SIRIM dan cap ISO 9000 dilihat sebagai jaminan kualiti barangan, banyak produk yang mempunyai cap ISO 9000 dijual dengan harga yang lebih tinggi di pasaran tetapi kualitinya tidak sebegus dengan produk sejenis yang tanpa kelulusan ISO.

Tuan Yang di-Pertua, trend menghendaki pengiktirafan ISO 9000 tersebut menyebabkan banyak badan pengesahan ataupun *certification bodies* dan juga syarikat *consultancy* berlumba-lumba untuk mendapat kontrak daripada syarikat-syarikat yang ingin produk mereka disahkan. Keadaan ini pun mengakibatkan rasuah berlaku di antara kilang, syarikat dengan badan pengiktirafan secara tidak langsung sehingga standard yang diperlukan itu jatuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya rasional kerajaan untuk memaksa pengarah ataupun *director* di syarikat sendirian berhad untuk menghadiri Mandatory and Accreditation Program atau MAP dan kenapakah kerajaan membenarkan syarikat *consultancy* yang menjalankan kursus begini mengenakan *fee* yang begitu tinggi iaitu lebih kurang RM300 seorang. Ramai pengarah syarikat sendirian berhad amat tidak puas hati terhadap langkah kerajaan ini kerana mereka sudah pun menguasai pengetahuan berkenaan. Sesetengah daripada mereka pula tidak faham bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dan mereka langsung tidak faham kursus yang mereka sertai. Dengan itu, tujuan kerajaan untuk menganjurkan kursus sebegini pun tidak akan tercapai tetapi sebaliknya arahan tersebut memberi peluang kepada syarikat-syarikat *consultancy* yang menjalankan kursus berkenaan untuk mengaut keuntungan. Saya menyeru kerajaan mengkaji semula dasar tersebut dan menjadikan kursus ini sebagai kursus yang fleksibel bagi para pengarah syarikat sendirian berhad.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga sentuh tentang penempatan semula penduduk setinggan yang diusir demi projek KL Linear City yang terbengkalai itu. Dalam satu mesyuarat di antara Datuk Bandar baru dan bekas Menteri di JPM yang menjaga hal ehwal DBKL pada akhir tahun 2001 iaitu Datuk Pandikar Amin, satu persetujuan telah pun tercapai di mana para penduduk setinggan KL Linear City diberi rumah kos menengah yang dijual kepada mereka selepas rumah pangsa PPRT siap pada tahun 2003. Di manakah letaknya rumah pangsa PPRT yang telah dijanjikan oleh Menteri dan bekas Datuk Bandar? Saya berharap Menteri di JPM boleh memberi satu jawapan yang memuaskan di Dewan ini kerana tahun 2003 yang dijanjikan oleh bekas Datuk Bandar dan Menteri di JPM ini telah pun tiba.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya Kementerian Kerja Raya, bilakah kerajaan sudi menukar kesemua paip air bawah tanah asbestos di Lembah Klang? Penduduk di Lembah Klang telah lama menggunakan air yang kotor dan tidak berkualiti di samping terpaksa menahan kebocoran paip di merata-rata tempat. Menteri di Kementerian Kerja Raya telah lama berkata bahawa kerajaan ingin menukar kesemua paip lama di Lembah Klang. Malangnya JBA yang telah ditukar nama kepada PUAS dan dikorporatkan sehingga hari ini masih tidak menjalankan pertukaran paip bawah tanah dan memperbaiki perkhidmatan bekalan air mereka. Saya minta Kementerian Kerja Raya memberitahu Dewan yang mulia ini tentang tarikh dan rancangan pertukaran paip mereka sebagai langkah untuk melegakan kesengsaraan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tanya sebab pengamalan *double standard* di Kementerian Dalam Negeri iaitu KDN terhadap syarikat yang menjalankan perniagaan *alarm* atau Central Monitoring Services atau CMS di mana syarikat tempatan yang menjalankan perniagaan itu dikehendaki mendapat lesen daripada Kementerian Dalam Negeri manakala sebuah syarikat luar negeri yang ditubuhkan di Malaysia iaitu ADT Services (M) Sdn. Bhd dikecualikan daripada perolehan lesen.

Saya merasa kesal kerana kedua-dua Timbalan Menteri di Kementerian Dalam Negeri telah pun mengelak surat pertanyaan saya kepada mereka. Surat Timbalan Menteri, Yang Berhormat bagi Alor Setar yang menjawab surat pertanyaan pertama saya menyatakan bahawa Kementerian Dalam Negeri tidak pernah mengeluarkan lesen kepada syarikat ADT Services (M) Sdn. Bhd. untuk menjalankan aktiviti di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 dan akta berkenaan tidak menyatakan tentang keperluan lesen bagi syarikat yang ingin menjalankan perkhidmatan CMS.

Tetapi apabila saya tunjuk salinan lesen KDN syarikat CMS tempatan yang lain kepada beliau dan menanya beliau kenapakah syarikat tempatan CMS yang lain perlu mendapat lesen daripada KDN, beliau mengelakkan pertanyaan saya selama tiga bulan sehingga hari ini.

Tujuan saya membangkitkan perkara ini kepada Timbalan Menteri adalah kerana pengurusan syarikat telah pun membuli dan menipu ejen-ejennya dengan tidak mengotai janji yang termaktub dalam kontrak dengan mereka. Selain daripada itu, mengikut Akta Agensi Persendirian 1971, syarikat CMS mesti mempunyai penjaga

yang bersenjata tetapi ADT Services (M) Sdn. Bhd. tidak mematuhi syarat ini dan tidak mempunyai penjaga yang bersenjata, di samping memberi perkhidmatan yang buruk kepada pelanggannya di mana syarikat itu langsung tidak memberitahu pelanggannya apabila perompak masuk merompak rumah ataupun kedai pelanggannya dan syarikat itu juga tidak mengikuti kontraknya dan tidak menghantar pegawai keselamatan ke rumah ataupun kedai pelanggan apabila rombongan berlaku.

Kenapakah KDN masih membenarkan syarikat yang tidak berlesen dan tidak bertanggungjawab seperti ini terus menipu pelanggan dan ejennya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, gulung.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Okey, gulung. Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang wakil rakyat wanita, saya merasa hairan melihat reaksi yang begitu kuat daripada kaum bapa Muslim terhadap Kempen Monogami yang dilancarkan oleh Gabungan Hak Wanita Dalam Islam yang terdiri daripada 12 NGO wanita.

Memandangkan kempen ini telah pun membangkitkan persoalan daripada kaum bapa di Dewan yang mulia ini dan melibatkan hukum Islam, saya ingin minta mereka yang membantah kempen ini membaca kenyataan bersama gabungan NGO wanita tersebut sebelum mereka mengkritik.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memuji sikap terbuka yang ditunjukkan oleh Datin Seri Endon Mahmud, isteri kepada pemangku Perdana Menteri kerana merasmikan pelancaran Kempen Monogami. Saya menyeru golongan yang tidak puas hati terhadap Kempen Monogami mengambil inisiatif untuk mengadakan dialog dengan gabungan wanita tersebut untuk memupuk persefahaman terhadap isu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya membangkit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Masa sudah cukup.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Saya gulung, *last* sahaja.

Saya membangkit perkara ini bukan sahaja demi memberi sokongan solidariti kepada wanita Islam yang tidak ingin suami mereka berkahwin lebih daripada satu tetapi saya juga bercakap bagi pihak wanita bukan Islam di mana....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: ...fenomena poligami termasuk menyimpan *mistress* juga [*Disampuk*] Ini berleluasa di kalangan masyarakat bukan Islam di negara kita. Sikap tidak bertanggungjawab di kalangan si suami ini telah pun merosakkan banyak rumah tangga dan perkahwinan yang bahagia.

Sebagai wakil rakyat wanita, saya berpeluang mendengar rungutan daripada wanita Islam yang suami mereka menyalahgunakan praktis poligami. Saya menyeru kerajaan supaya mengetatkan undang-undang syariah terhadap poligami supaya lelaki Islam yang mempraktikkan poligami tersebut berbuat dengan cara yang lebih mendekati jiwa ajaran Islam yang sebenar [*Tepuk*] dan bukan melakukannya hanya demi memenuhi nafsu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor.

6.29 ptg.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas keizinan untuk saya membahaskan Usul Menjunjung Kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan perkenan Baginda untuk menyampaikan titah

ucapan merasmikan Mesyuarat Pertama, Penggal Kelima, Parlimen Kesepuluh pada 10 Mac 2003 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita bersama-sama berdoa semoga negara Iraq dan rakyatnya akan dilindungi daripada malapetaka dan ancaman kuasa veto, amin ya *rabbal 'alamin*. Marilah kita sama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran atas nikmat Allah yang dikurniakan kepada kita dan di atas keselamatan negara yang terkawal, aman dan stabil hasil daripada usaha kita bersama sama ada pihak kerajaan, pemimpin masyarakat dan rakyat mencapai kesejahteraan hidup di tanah air yang tercinta dan menikmati segala kemakmuran negara yang sentiasa dikawal oleh kebijaksanaan anggota perkhidmatan awam, Polis Diraja Malaysia dan angkatan tentera demi memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Rakyat negara ini sesungguhnya harus berbangga di atas kejayaan negara seperti menganjurkan Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Negara Berkecuali iaitu NAM yang ke-13 yang jelas memperlihatkan ke atas pengiktirafan dunia bahawa negara ini mampu serta berupaya untuk menerajui dan menghadapi segala cabaran demi keadilan, kemakmuran dan kesaksamaan ke arah penyelesaian konflik secara aman dan dengan kejayaan ini, jelas negara Malaysia adalah sebuah negara aman, selamat serta selesa untuk dilawati pada bila-bila masa sahaja meskipun negara ini adalah negara Islam yang ada kalanya dikaitkan dengan keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, percambahan pelancongan yang menggalakkan adalah satu petunjuk bahawa negara kita lebih cemerlang terutamanya dengan adanya pelbagai perayaan pada setiap tahun secara langsung juga mempertingkatkan jumlah pendapatan dari pelancongan atau bertambah sebagai indeks pendapatan hasil negara.

Melalui unjuran pada industri pelancongan yang secara global serta mempertingkatkan prestasi dari masa ke semasa negara, pihak saya memohon agar setiap kawasan yang mempunyai nilai-nilai serta berpotensi untuk dijadikan pusat pelancongan serta diambil perhatian serta tindakan serius iaitu sebagai destinasi pelancongan yang mampu untuk dibangunkan.

Di atas pembangunan ini, saya memohon kerajaan melalui pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia dapat meneruskan agenda pembangunan pelancongan yang sedia ada di seluruh negara, khususnya di kawasan tinggalan sejarah iaitu Bukit Melawati di Kuala Selangor dan terdapat tempat-tempat melihat keunikan *fireflies* atau kelip-kelip di Kampung Kuantan dan juga Bukit Belimbing. Pada waktu malam hari di mana tempat ini telah menjadi tarikan para pelancong dalam negeri dan luar negara disertai dengan kemudahan restoran makanan laut yang begitu popular di kalangan pelancong luar negara apabila berkunjung ke Kuala Selangor yang dapat menikmati makanan laut di restoran yang dibina di sekeliling laut itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pengiktirafan sektor pertanian yang dikenal pasti sebagai penjana pertumbuhan ekonomi negara perlu dilihat dari sudut pengeluaran hasil-hasil bahan makanan itu sendiri. Industri pertanian perlu digerakkan dengan lebih cergas agar pertumbuhannya dapat menyumbang kepada ekonomi negara di mana Program Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan atau TKPM di seluruh negara yang diprogramkan oleh Kementerian Pertanian Malaysia secara besar-besaran dapat mencapai matlamat dalam sektor pengeluaran makanan.

Namun persoalan sekarang ini tidak terdapat golongan muda dan remaja untuk menyahut seruan kerajaan bagi melaksanakan Dasar Pertanian Negara 3 iaitu DPN3 terutama bagi kawasan-kawasan yang mudah untuk mencari peluang pekerjaan yang mana sektor pertanian dilihat sebagai industri yang kurang mendapat perhatian oleh golongan muda dan menjadikan industri pertanian seakan tidak menyumbang kepada sektor pengeluaran makanan kerana hanya golongan tua sahaja yang menggerakkan kepada penghasilan tanaman yang ada khususnya di kawasan luar bandar.

Kerajaan juga harus mengambil langkah drastik atas prestasi harga komoditi terutama kelapa sawit, getah dan kelapa yang terlalu kerap mengalami turun naik harga di pasaran yang ada kalanya begitu membebankan kepada masyarakat petani di mana komoditi tersebut adalah sebagai hasil pendapatan untuk keperluan sara hidup bagi masyarakat pekebun kecil di kampung-kampung. Tanpa bantuan kerajaan untuk

mengawal pasaran harga komoditi, ianya meninggalkan impak negatif kepada golongan pekebun kecil bagi mencapai penghidupan yang selesa.

Di samping itu juga, Tuan Yang di-Pertua, biar saya memohon penjelasan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar di atas kedudukan bantuan sara hidup pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kebun bagi tanaman kelapa sawit, getah dan kelapa yang telah pun dimonitor oleh Jabatan Pertanian setiap kawasan Parlimen yang telah berjaya dilaksanakan di peringkat permulaan yang mana perkara ini telah menjadi satu isu kepada masyarakat pekebun kecil bahawa kerajaan tidak melaksanakan janji yang telah dibuat berdasarkan setiap borang permohonan, ianya perlu disahkan oleh wakil rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pengurusan kenderaan bagi masyarakat serta rakyat merupakan satu keperluan yang utama, pihak saya memohon kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan untuk membuka kaunter perkhidmatan pelanggan Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ di Kuala Selangor yang mana sekarang ini juga telah ada cawangan bagi stesen pengangkutan JPJ di Kuala Selangor iaitu sebagai langkah memberi kemudahan serta keselesaan bagi berbagai keperluan yang melibatkan pengguna berkaitan dengan kenderaan persendirian, perdagangan serta kepada lain-lain perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak JPJ.

Menyedari atas kemudahan serta keperluan pembangunan desa iaitu ke arah menjadikan desa sebagai satu kawasan yang maju, menarik dan berpotensi untuk kekuatan kualiti hidup masyarakat, di mana setiap masyarakat desa perlu mempunyai ruang pekerjaan yang mampu menyara kehidupan keluarga mereka.

Pembangunan prasarana lengkap di luar bandar seperti kemudahan jalan raya, bekalan air bersih dan bekalan elektrik merupakan penyumbang utama sesuatu kawasan tersebut untuk maju. Program pembangunan aktiviti ekonomi luar bandar perlu digerakkan dengan penuh tanggungjawab bagi memastikan penduduk masyarakat desa mempunyai ruang pekerjaan iaitu dengan menempatkan industri kecil sederhana atau IKS di satu-satu kawasan, yang juga dapat dikongsi bersama oleh penduduk-penduduk kawasan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, kesihatan. Kesihatan rakyat adalah merupakan pemangkin kepada pembangunan negara, kerajaan harus meletakkan tanggungjawab kesihatan ini sebagai suatu perancangan dasar utama untuk melahirkan kesihatan fizikal, rohani dan mental kepada rakyat.

Melihat kepada keperluan ini, biar saya mendesak kepada kerajaan melalui Kementerian Kesihatan Malaysia, agar pembinaan sebuah hospital gantian Tanjung Karang, kawasan baru iaitu di Batu 5, Sungai Terap, Kuala Selangor yang dikenal pasti lokasinya dilaksanakan dengan seberapa segera, kerana proses perancangan tersebut telah mengambil masa selama tujuh tahun.

Hospital Tanjung Karang yang ada sekarang ini adalah terhad sama ada untuk membangunkan, dibangunkan semula dan dibaik pulih berdasarkan kedudukan tanah yang telah digunakan dengan sepenuhnya serta dengan keadaan bangunan hospital yang telah lama melalui sektor pembangunan.

Jumlah bilangan pesakit adalah begitu mendesak, dari masa ke semasa berdasarkan pertambahan penduduk dengan peningkatan kawasan perumahan baru, sama ada di kawasan Kuala Selangor dan juga kawasan Tanjung Karang.

Biar saya juga mohon Kementerian Kesihatan Malaysia agar kuota serta penempatan pegawai perubatan sama ada klinik-klinik kesihatan di kawasan-kawasan Parlimen di seluruh negara, khususnya di Kuala Selangor dan juga hospital-hospital di luar negara, di luar bandar

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh gulung.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Ayuh!! [Ketawa] Kerana ketiadaan pegawai-pegawai perubatan menjelaskan masyarakat serta rakyat untuk mendapatkan kemudahan rawatan secara cepat yang boleh. Justeru itu saya mengharapkan kepada Kementerian Kesihatan supaya memberikan pakar-pakar, doktor pakar perubatan yang

mana di Tanjung Karang hanya seminggu sekali yang didatangkan daripada Hospital Tengku Ampuan Rahimah.

Satu minit, Tuan Yang di-Pertua. Demi kesejahteraan masyarakat institusi keluarga yang kukuh adalah merupakan pembangunan masyarakat ke arah pembentukan sebuah negara maju.

Bagi mencapai ke arah institusi kekeluargaan yang mantap, pihak saya menggesa kerajaan agar Jabatan Pembangunan Wanita yang membawa objektif kepada pembangunan wanita, memaju dan mengumpulkan kedudukan wanita dalam pelbagai sektor yang dikenal pasti melalui perancangan penyelesaian dan peruntukan secara cekap dan berkesan, diwujudkan di setiap daerah bagi seluruh negara dengan kadar yang segera.

Ini bagi tujuan membantu kaum wanita ke atas pelbagai masalah yang dihadapi terutama kepada ibu-ibu tunggal yang terbiar dengan tidak mendapat pembelaan sewajarnya dan menjadikan golongan ini tersisih daripada masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit lagi. Biar saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang telah pun memberikan dua kereta bomba yang baru, di Batang Berjuntai, di Kuala Selangor, semasa saya telah berucap dua kali dalam Parlimen ini dan saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Justeru itu, saya mengharapkan supaya diberikan penubuhan bomba baru di kawasan DUN Jeram iaitu di kawasan Sungai Buluh.

Begitu juga dengan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah Yang Berhormat,

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita ada lagi 20 minit. Lagi dua orang saya boleh benarkan. Lubok Antu, sila.

6.39 ptg.

Tuan Jawah anak Gerang [Lubok Antu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dapat juga ya. Saya ucapkan terima kasih kepada peluang yang diberikan dan saya juga ingin menyokong seruan para wanita di sana tadi, yang mengatakan seruan isteri Pemangku Perdana Menteri seorang lelaki mesti mempunyai seorang isteri. Ini haruslah dipatuhi oleh semua kaum para lelaki. Kerana masalah sosial di negara ini adalah berpunca daripada lelaki yang mempunyai banyak isteri... *[Ketawa]* Saya amatlah menyokong seruan seperti ini.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ada menyatakan sektor pertanian akan terus berkembang dan dikenal pasti mampu menjana pertumbuhan ekonomi negara dengan penekanan terhadap industri pertanian, ternakan dan perikanan dengan menggunakan kaedah sendiri. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah membelanjakan kira-kira RM37 bilion untuk membantu petani-petani miskin sepanjang Rancangan Malaysia Pertama dan sampai Rancangan Malaysia Ketujuh. Namun begitu kita tidak tahu di mana silapnya kita, kerana masalah kemiskinan luar bandar masih belum dapat disaksikan sepenuhnya. Oleh itu, suka saya menyatakan di sini, kepada pihak berwajib sepatutnya menjalankan kajian terperinci terhadap kaedah pengagihan dan penyaluran wang bantuan.

Kerajaan sepatutnya menyalurkan wang ataupun apa-apa bentuk bantuan melalui JKPP dan bukan sahaja secara terus kepada individu dan bantuan tersebut boleh digunakan untuk menjayakan projek komuniti kerana kaedah tersebut terbukti lebih berkesan dan efektif dalam menangani kemiskinan.

Di kawasan saya, penduduk di rumah-rumah panjang kini mulai berkongsi dan dengan bantuan daripada Jabatan Pertanian, mereka mengusahakan ternakan ikan dalam sangkar, usaha mereka nampaknya begitu berjaya dan ikan-ikan mereka mendapat harga pasaran yang baik, sehinggakan seorang pengusaha boleh menikmati pendapatan lebih RM1,500 sebulan, berbanding sekitar RM400 sebulan ketika mereka mengusahakan pertanian secara sendiri.

Para petani luar bandar sebenarnya hanya memerlukan bimbingan minimum memandangkan pendedahan terhadap kemajuan sedikit sebanyak telah membuka minda mereka untuk menghargai pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, syabas saya ucapkan kepada Pemangku Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana mengisytiharkan tahun ini sebagai tahun memerangi dadah habis-habisan.

Keseriusan kerajaan dalam memerangi masalah dadah amatlah disanjung kerana dadah bukan sahaja memusnahkan generasi muda kita, malah berbilion ringgit telah dibelanjakan untuk merawat para penagih.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, masalah dadah ini di negeri Sarawak, nampaknya semakin membimbangkan dengan kemasukan dadah-dadah di sana seperti Ecstasy dan Syabu dari sebuah negara jiran. Kes-kes penyalahgunaan dadah, walaupun terkawal, namun masih banyak ruang untuk kita mempertingkatkan lagi usaha untuk membanteras dadah.

Setakat ini 42 kawasan ataupun kampung telah dikenal pasti oleh pihak Agensi Dadah Kebangsaan Sarawak sebagai berisiko tinggi. Apa yang merisaukan saya ialah tidak ada undang-undang yang membolehkan tindakan diambil terhadap penyalahgunaan amalan terutama sekali menghidu gam.

Ramai remaja yang ditahan polis kerana terlibat dengan gejala menghidu gam dibebaskan dengan serta-merta kerana tiada peruntukan dalam undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap para penghidu gam ini. Pakar kesihatan mengesahkan bahawa aktiviti menghidu gam ini boleh mendatangkan kerosakan kekal kepada otak dan boleh membawa kematian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Sarawak kes kematian dilaporkan berlaku setiap tahun terutama di kampung pesisiran pantai. Persoalannya di sini ialah tentang menghidu gam, satu perbuatan bukannya menjual gam, apa yang kita perlukan ialah suatu undang-undang digubal, khusus untuk menangani masalah menghidu gam, mungkin juga undang-undang digubal untuk mengawal peminum minuman keras, kerana masalah ini semakin serius sejak akhir-akhir ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, satu gam boleh didapati pada harga sekitar RM2 sahaja. Dan bayangkan betapa mudahnya mereka mendapatkan bekalan. Apa yang lebih menyedihkan ialah apabila melihat anak-anak ini melakukannya secara terbuka di khalayak ramai, tanpa rasa malu atau takut kepada pihak berkuasa, kerana mereka tahu polis tidak dapat mengambil apa-apa tindakan terhadap mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kita ingin mengucapkan syabas kepada pihak Kementerian Pertanian kerana berjaya menaikkan eksport kita sebanyak RM100 juta dan menurunkan import hanya RM100 juta dalam usaha mengurangkan penggantungan terhadap import. Namun begitu saya mencadangkan di sini supaya usaha untuk meneroka laut dalam dipergiatkan lagi khasnya di Sarawak.

Apa yang menyedihkan ialah sesudah 40 tahun Sarawak merdeka dalam Malaysia usaha meneroka laut dalam kita hanya dijalankan oleh orang-orang asing. Kita juga berasa terkilan apabila terdengar di antara warga-warga asing yang bekerja di kapal nelayan laut dalam tersebut tidak mendapat layanan sewajarnya daripada majikan-majikan mereka. Kita berharap pihak berwajib akan menyiasat dakwaan penduduk kampung tentang penganiayaan terhadap nelayan asing yang berpangkalan di Tanjung Manis.

Sebelum ini, penduduk kampung sering mengadu, nelayan-nelayan terbabit masuk ke dalam dan berkelakuan kurang senonoh. Namun kini mereka mendakwa adanya unsur penganiayaan oleh majikan para nelayan tersebut. Para kelasi dikatakan dibelasah di khalayak ramai sekiranya mereka gagal mematuhi peraturan dan apa yang lebih membimbangkan ialah kebelakangan ini mayat-mayat tidak berkepala atau dalam keadaan tidak sempurna, bertatu, bertulisan Siam sering dijumpai terdampar di pantai kita. Kita tidak tahu sama ada mereka mangsa kemalangan di laut atau sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, sejak akhir-akhir ini kita juga sering melihat bagaimana api memusnahkan kehidupan masyarakat di luar bandar terutama mereka yang tinggal di rumah panjang. Kita akui kerajaan banyak membantu mereka dalam mencegah kebakaran, namun ada kalanya bentuk bantuan tidak praktikal dan membazir. Misalnya, pemberian alat-alat pemadam api. Alat pemadam api memerlukan perkhidmatan susulan dan pengisian semula dan harganya pula mahal.

Di kawasan saya beberapa buah rumah panjang telah dibekalkan dengan *jet pressure pump*, dengan izin, yang sering kita gunakan untuk mencuci kereta di bandar dan usaha mencegah atau mengawal kebakaran. Sebuah rumah panjang, 40 pintu akan dibekalkan dengan 3 alat terbabit, di kiri, di kanan dan di tengah rumah. *Hose pump* tersebut ialah panjangnya 100 meter dan setakat ini ia terbukti berkesan dan cuma berharga sekitar RM300 sahaja.

Selain itu, saya berharap pihak yang berkenaan akan berusaha untuk mendidik penduduk rumah panjang supaya menginsuranskan rumah mereka. Memandangkan premium yang dikenakan adalah sangat berpatutan. Adalah difahamkan sebuah keluarga hanya membayar sekitar RM22.70 setahun untuk mendapatkan perlindungan sebanyak RM10,000. Sekiranya tiada tuntutan di dalam setahun, diskaun 30% akan diberikan. Ini sangat penting kerana seperti mana kita semua maklum, kalau karam di laut, kita renangi, kalau di darat, siapa yang tahu?

Saya sudahi dengan ucapan, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

6.48 ptg.

Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya mengambil dua *points* ataupun dua perkara yang saya kira penting dalam perbahasan pada hari ini.

Pertama sekali merujuk kepada '*daulah*' ataupun kerajaan Islam yang telah disebut oleh Baginda Yang Dipertuan Agong. Saya ada 20 sifat-sifat sebagai sebuah negara Islam. Cuma saya hanya sempat menyebut 6 perkara sahaja.

- (i) negara Islam ini mesti mempunyai satu dasar atau satu sifat yang disebut sebagai '*daulah rahmah*' ataupun '*daulah khir*', *Daulah*, negara yang memberi kewajipan kepada masyarakat dan perkhidmatannya. Seperti perubatan, penyeliaan persekolahan, asas-asas prasarana dan perkara-perkara yang diperlukan oleh rakyat jelata, sebagaimana yang disebut oleh wakil-wakil daripada Sabah dan Sarawak, di mana jalan raya pun tidak berturap lagi sekarang ini. Itu yang paling penting sebagai sebuah negara Islam.
- (ii) '*daulah adilah*', negara yang mesti mempunyai sifat adil kepada semua masyarakat dengan melaksanakan keadilan sama ada di bidang kehakiman ataupun layanan sama rata kepada rakyat dan masyarakat. Seperti jangan ada dakwaan terpilih, sebagaimana yang telah berlaku kepada Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim... [*Tepuk*] Dan kepada orang-orang lain lagi... [*Disampuk*] dan kepada ISA. Mesti mempunyai sifat '*adalah*', keadilan, menjamin keadilan kepada setiap rakyatnya.
- (iii) '*daulah mahabbah walmawaddah*' iaitu negara yang penuh kasih sayang, bersikap kasih sayang kepada rakyatnya dengan tidak ada perbezaan di antara satu sama lain. Dan, tidak ada diskriminasi sebagaimana yang berlaku di tempat saya misalnya, di mana JPP hanya buat jalan tar, menurap jalan tar di kawasan-kawasan rumahnya sendiri. Tetapi di kawasan-kawasan rumah orang PAS tidak dibuat benda-benda ini... [*Tepuk*] [*Disampuk*]
- (iv) negara Islam yang mesti mempunyai sifat-sifat ini iaitu '*daulah zathmasulliyah*', negara yang mempunyai

tanggungjawab untuk mentadbirkan negara bukan menyerah kepada syarikat, kepada swasta semuanya. Jadi, kalau itu swasta, ini swasta, mana tanggungjawab sebuah negara, negara tidak Islam pun sebenarnya, mereka mengambil tanggungjawab ini. Apa lagi disebut sebagai negara Islam. Jadi, negara Islam ini, mereka mempunyai tanggungjawab yang sepenuhnya. Saya tengok sekarang ini, kereta api swasta.. [Disampuk] Air swasta, kapal terbang pun swasta. Semua swasta, mana yang kerajaan punya? Kalau begitu, kita boleh jadi kerajaan, tuan-tuan boleh jadi kerajaan kalau swasta semua.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: [Menyampuk]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Kemudian yang kelima, dengar dahulu, dengar dahulu.

- (v) [Menyebutkan perkataan Arab] Ini tidak ada di Malaysia. [Disampuk] Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "Bahawa sebuah negara Islam, negara yang mesti tunduk kepada kuasa yang paling besar sekali iaitu kuasa Allah S.W.T." Dengan melaksanakan hukum Allah S.W.T. Jadi, di Malaysia ini mana ada hukum Allah.. [Disampuk] Saya cabar hari ini. Mana ada hukum Allah? Tidak berlaku sebenarnya. Sembahyang ini, orang ramai sudah sembahyang, sudah. Puasa, orang ramai sudah berpuasa, sudah. Haji, sebelum daripada Malaysia merdeka pun pergi haji sudah. Barangkali kalau berkhatan itu baru hendak berkhatan sekarang ini mungkin ada orang kata bahawa berkhatan pun tidak untung kepada rakyat jelata.

Puasa, kalau hendak puasa sekarang ini barangkali ada orang kata, bahkan Barisan Nasional, UMNO yang berkata bahawa tidak perlu pada siang hari, puasa pada malam hari... [Disampuk] Dan, yang akhir sekali iaitu;

- (iv) 'daulah', negara yang mempunyai dosa dan pahala. Sekarang ini Malaysia ini ada dosa dan pahala? Tidak ada saya kira. Dia boleh buat sebarang yang dia hendak buat. [Disampuk] Dia boleh tangkap sebarang yang dia hendak tangkap. Dia boleh hendak buat apa pun kerana tidak ada dosa dan tidak ada pahala, sama dengan Presiden Bush sekarang ini... [Tepuk] Sama dengan Presiden Bush.

Tuan Mohamed Sayuti bin Said: [Bangun]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dan, saya tidak ada masa lagi sekarang ini. Saya hanya ada dua, tiga minit sahaja. Nanti kita bincang di luar daripada Dewan ini.

Tidak ada dosa, kalau ada dosa masakan dengan kes-kes yang kita kira bahawa tidak munasabah di penjarakan bertahun-tahun. Sampai kawan itu hendak mati berdiri di dalam penjara.

Ini menunjukkan bahawa tidak ada, tidak ambil dosa dan pahala. Ini negara sekular. Negara Islam negara yang ada dosa dan pahala. Baik pemimpin nombor satu sehinggalah kepada pemimpin yang terakhir sekali. Ada dosa, ada akhirat, ada syurga, ada neraka kepada dia. Sekarang mana kita bincang dosa pahala.

Backbenchers kita mana ada dosa, tidak ada. Jadi, oleh kerana tidak ada dosalah maka kita buat sebarang, sebagaimana yang kita buat kepada SAR. Bagaimana perhitungan kerajaan dan perbandingan kepada SAR adalah perbandingan yang tidak betul. Perbandingan yang terlalu jauh bezanya dibandingkan sekolah Arab di kampung dengan sekolah menengah di Kuala Lumpur. Mana boleh?

Kita mesti banding sekolah Arab di kawasan saya dengan sekolah menengah kerajaan di kawasan saya juga... [Disampuk] Saya hendak buat contoh, sekolah arab SAR di kawasan saya di Sekolah Arab Ismailiah di Binjai Manis. Kelulusannya, peperiksaan SPM baru ini, SPR Binjai Manis mendapat 28 orang ke atas yang boleh

memasuki di universiti-universiti tempatan, di mana Sekolah Menengah Kebangsaan hanya dapat 4 orang sahaja. Itu pun guru dia buat nasi kunyit tanda syukur.

Sekolah menengah kerajaan dapat 4 orang sahaja yang boleh pergi ke universiti, buat nasi kunyit, suka dia orang. Sekolah Arab Pasir Mas mendapat keputusan yang paling cemerlang di sekolah-sekolah termasuk sekolah menengah kerajaan di Pasir Mas. Mana dia hujah?

Saya melihat kepada suasana ini, saya melihat keadaan suasana ini bukan baru sebenarnya. Bagaimana Kolej Islam telah ditutup oleh Kerajaan Pusat. *[Disampuk]* Kolej Islam Kelang diturunkan tarafnya daripada pelajar boleh terus ke Al-Azhar kemudian dijadikan sekolah menengah Tingkatan V, Tingkatan VI sahaja. Pelajar-pelajar kita pergi ke India, belajar di Uben, belajar di Laknow, kemudian pergi ke Azhar, tiba-tiba di sana pula disempitkan visa sehingga pelajar tidak memungkinkan pergi ke India dan Pakistan, dan akhir sekali tidak boleh pergi ke India. *[Disampuk]* Semacam ada kerjasama di antara dua negara. *[Disampuk]* Saya tahu, tetapi semacam ada kerjasama. Selepas daripada itu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagikah?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Dua minit lagi. *[Disampuk]* Selepas daripada itu, *[Disampuk]* *[Ketawa]* STAM pula

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tak perlu pandang ke sana. *[Ketawa]* Ke sini lebih senang.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dahulu kita pakai STU. Saya yang pernah menjadi pegawai di Yayasan Islam, pernah membawa pelajar 600 orang ke Azhar dengan sijil STU. Tiba-tiba lobi daripada Malaysia pergi ke Azhar mengatakan bahawa minta Azhar supaya menyatukan sijil dengan STAM. Akhir sekali STU pupus. Pelajar-pelajar yang masuk STAM ini pun barangkali ada 10 orang, 20, 30 orang begitu. Akhir sekali hendak pergi ke Azhar pun tidak ada sekarang ini. Tak ramai orang yang boleh pergi ke Azhar.

Tak cukup yang itu lagi, maka saya melihat kerajaan bertindak yang terakhir sekali dengan menarik balik bantuan kepada SAR sebagaimana yang berlaku sekarang. Inilah kezaliman yang berlaku oleh Kerajaan Barisan Nasional. Bagi mereka tidak ada dosa dan tidak ada pahala. Cuba kita lihat begini, Tuan Yang di-Pertua, misalnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kuala Selangor bangun.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya tak izin dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tak izin, sila duduk.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Depan tangga kita ada dua kolam air dan keduanya kita pelihara ikan. Ikan dalam kolam kita ini kita pelihara dan kita belanya. Yang satu ini kita bagi makan dia, kita bagi kenyang dia, tiap-tiap hari ikan ini melenting, ketawa dia. Tetapi yang satu lagi bukan sahaja tak bagi makan, air pun kuning, busuk, makanan pun tidak ada, dia melenting juga, bukan melenting hidup tetapi melenting hendak mati. Ini sebagaimana yang berlaku di sekolah SAR sekarang. Nak mati dah sekarang dan rakyat tahu sekarang ini, dan insya-Allah, dalam pilihan raya nanti Kedah pula akan jatuh ke tangan PAS, insya-Allah. Saya tutup ucapan saya dengan *wassalamualaikum warahmatullah*. *[Dewan riuh seketika]* *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okay, sekarang ada berapa minit lagi. Yang Berhormat bagi Gaya.

6.58 ptg.

Tuan Liew Teck Chan [Gaya]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengikut perbahasan menjunjung kasih kepada Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di dalam sidang Parlimen kali ini. Oleh kerana masa sudah singkat, saya cuba pendekkan yang mana saya boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa perkara. Pertama, mengenai pendidikan. Jadi, saya mohon agar Kementerian Pendidikan dapat mengambil perhatian mengenai kekurangan guru terutama sekali di sekolah rendah Cina di negeri Sabah. Masalah ini telah berlarutan sekian lama dan pada masa ini jumlah guru tidak mencukupi, dalam sekian lingkungan 250 orang sahaja. Seperti mana yang diketahui bahawa saya telah memerhatikan di mana lebih ramai ibu bapa bumiputera menghantarkan anak-anak mereka ke sekolah tempatan di sekolah Cina di negeri Sabah. Perkara ini adalah petanda baik dan dapat membantu mencapai integrasi suku kaum di negeri Sabah.

Saya ingin mengetahui sama ada Kementerian Pendidikan mempunyai rancangan untuk mengatasi masalah ini dan memberi apa juga insentif supaya lebih ramai yang berminat atau tertarik untuk menyertai bidang perguruan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara yang kedua, Yang Berhormat.

Tuan Liew Teck Chan: Allah... *[Ketawa]* Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Tak dapatlah.

Beberapa Ahli: Duduk, duduk... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Teruskan. Berapa perkara? Tadi perkara yang pertama pendidikan, sekarang perkara yang kedua ya.

Tuan Liew Teck Chan: Perkara yang kedua ialah kesihatan. Saya juga merasa bimbang mengenai tahap kesihatan di negeri Sabah. Kesihatan adalah satu kebimbangan paling utama dan kesan akibat daripada satu tempat yang tidak bersih. Baru-baru ini sebuah akhbar tempatan di negeri Sabah telah melaporkan bahawa seorang bayi digigit oleh tikus... *[Ketawa]* Walaupun perkara ini di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan negeri Sabah tetapi ia juga adalah tanggungjawab Kementerian Kesihatan untuk menyiasat dan memberi peruntukan untuk mengawal binatang perosak, jangkitan penyakit oleh nyamuk dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kekurangan doktor di negara ini juga merupakan satu masalah dan satu faktor utama kepada Kementerian Kesihatan untuk meningkatkan perkhidmatannya. Walau bagaimanapun, saya amat bersyukur dengan insentif kerajaan untuk mengambil 1,149 orang doktor asing untuk berkhidmat di negara ini di mana seramai 500 orang daripada jumlah ini akan mulai berkhidmat pada bulan April pada tahun ini. Betapa ini sangat dialu-alukan oleh semua pihak dan harapan saya supaya pihak kementerian yang berkenaan dapat meluluskan pengagihan doktor-doktor itu ke negeri Sabah untuk mengimbangi keperluan tenaga doktor di klinik dan hospital di daerah terutama sekali di kawasan pedalaman di negeri Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Perkara ketiga adakah?

Tuan Liew Teck Chan: Ya, perkara yang ketiga. Akhir sekali saya ingin menegaskan bahawa... *[Ketawa]* Saya sampaikan ini adalah untuk kepentingan rakyat dan negara. Justeru itu, saya berharap dan merayu kepada pihak yang berkenaan agar mengambil tindakan dan meneliti cadangan yang berfaedah demi kepentingan rakyat dan negara kita dalam kehidupan seharian. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Sejumlah 68 Ahli Yang Berhormat dapat diberi peluang berucap, maka saya tutupkan perbahasan dan mulai hari esok pihak kerajaan akan mula menjawab.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.

10 Mac 2003